

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 13)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2002	(Halaman 14)
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b> <b><u>Jadual:-</u></b> Maksud B.1 hingga B.13 Maksud B.14, B.15 dan B.16 Maksud B. 17	(Halaman 14) (Halaman 39) (Halaman 74)
<b>USUL-USUL:</b> Anggaran Pembangunan 2002	(Halaman 14)
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b> Maksud P.7 dan P.8 Maksud P.14 Maksud P.17	(Halaman 38) (Halaman 39) (Halaman 74)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P. , S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Dr. Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- ” Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

Yang Berhormat Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

Yang Berhormat Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shannon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)



Yang Berhormat Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
**Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan**

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roos me binti Hamzah  
 Zamani bin Haji Sulaiman  
 Haji Mustakin bin Selamat  
 Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
 Ruhana binti Abdullah  
 Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
 Monarita binti Mohd. Hassan  
 Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
 Mohamed bin Osman  
 Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
 Zaiton binti Yaacob  
 Abd. Talip bin Hasim  
 Ramlah binti Mohd. Yusuff  
 Jamilah Intan binti Haji Bohari  
 Nurziana binti Ismail  
 Noor Effarizan binti Mat Satib  
 Taharah binti Mohamed  
 Nik Elyana binti Ahyat  
 Marzila binti Muslim  
 Syed Azuddin bin Syed Othman  
 Habibunisah Mohd. Azir  
 Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
 Haji Latif bin Ismail  
 Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A.  
 Rahman  
 Mazidah binti Mohamed  
 Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
 Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah  
 Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.  
 Darus

**PETUGAS PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
 Sulaiman bin Sirad

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
 Azmi bin Othman  
 Zafniza binti Zakaria  
 Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
 Ruhana binti Mohd. Sani  
 Mazlina binti Ali  
 Norlaila binti Abdullah Sidi  
 Alias bin Mohd. Nor Azzahar bin  
 Hashim

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 19 November 2001

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Soalan No.1 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bilangan ahli Pasukan Sukarelawan Polis mengikut bangsa sehingga bulan Jun 2001 dan apakah kelayakan dan kriteria untuk menyertainya; dan
- (b) apakah skop perkhidmatannya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, jawapan;

- (a) Bilangan Pasukan Sukarelawan Polis mengikut bangsa sehingga Jun 2001 adalah seperti berikut:

Melayu	-	1,486
Cina	-	401
India	-	403
Lain-lain	-	<u>270</u>
Jumlah:		<u>2,560</u>

Kelayakan dan kriteria adalah seperti berikut: hanya mesti warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun; lelaki - tinggi 162 cm. lilitan dada 81 cm. ke 86 cm., berat badan 48 kg.; wanita - tinggi 152 cm., berat badan 43 kg. mempunyai penglihatan biasa dan pendengaran yang baik, lulus dalam peperiksaan LCE atau PMR atau setaraf dengannya.

Lain-lain kelayakan - mempunyai pekerjaan tetap, mendapat kebenaran ketua jabatan atau majikan, bermastautin dalam daerah yang sama, bersih daripada rekod jenayah dalam rekod Cawangan Khas, tiada menjadi anggota lain-lain badan beruniform yang boleh dikerahkan tenaga di dalam keadaan darurat. Pekerja-pekerja daripada kumpulan *key personnel* seperti hospital, TNB (Breakdown Unit), Telekom (Technical Unit), pengawal keselamatan, jaga badan berkanun kerajaan/swasta tidak layak memohon.

- (b) Skop perkhidmatan Pasukan Sukarelawan Polis seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 45 Akta Polis 1967 adalah sama seperti pegawai polis yang bersamaan pangkat. Walaupun begitu, memandangkan mereka ini hanya berkhidmat secara sukarela, maka Ketua Polis Negara telah menetapkan tugas-tugas seperti berikut tidak akan dijalankan oleh pegawai

anggota sukarelawan polis iaitu tugas penyiasatan, IO atau AIO, tugas mahkamah, operasi di hutan, tugas Unit Pencegah Rusuhan, tugas Cawangan Khas (SB) dan juri.

Pasukan Sukarelawan Polis ini telah ditubuhkan dalam tahun 1997 berasaskan undang-undang Peraturan Sukarelawan Polis 1996, LN353/56. Sekian.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan berkaitan dengan ahli Pasukan Sukarelawan Polis. Memandangkan bilangan begitu kecil dan tidak ramai menyertai pasukan demikian, apakah caranya daripada kementerian untuk menggalak lebih ramai lagi untuk menjadi ahli Pasukan Sukarelawan Polis supaya dapat membantu semasa kekurangan bilangan anggota polis yang dihadapi buat waktu ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, ternyata sekali nampak kalau berbanding dengan bilangan sukarelawan Melayu terdapat terlalu sedikit bilangan daripada kaum Cina, India dan lain-lain. Ini satu kenyataan dan Yang Berhormat perlu faham bahawa ini adalah pasukan sukarelawan, mereka patut menawarkan khidmat apabila keperluan itu ada. Tetapi kekurangan mereka ini tidak bermakna bahawa kita ada satu sekatan ataupun kita meniadakan kemampuan ataupun penyertaan mereka. Ia bukan sahaja kekurangan di dalam polis sukarelawan ini tetapi juga terdapat kekurangan dalam pasukan polis sendiri. Ini telah diketahui secara umum. Sungguhpun kita mengadakan, umpamanya di dalam polis, temuduga secara terbuka dan ditambah lagi di dalam pasukan ini adalah satu pasukan sukarela, sesiapa pun rakyat Malaysia yang cukup syarat boleh memohon. Kita minta supaya galakan-galakan ini dimaklumkan kepada kawan-kawan ataupun keluarga-keluarga yang terdekat supaya menyertai dalam pasukan ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada perkhidmatan Pasukan Sukarelawan Polis ini ada dapat apa-apa elaun untuk setahun atau sebulan dan sama ada Pasukan Sukarelawan Polis ini digalakkan untuk menjalani sekatan jalan supaya memeriksa lesen memandu dan cukai jalan, dan adakah Yang Berhormat akan mencadangkan supaya Pasukan Sukarelawan Polis ini apabila menjalankan sekatan jalan untuk memeriksa kenderaan dan lesen memandu atau cukai jalan disertai dengan pasukan polis rasmi iaitu polis biasa supaya mereka menyertai pasukan ini untuk menyekat jalan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Apabila keperluan itu mendesak, barulah anggota sukarelawan ini diminta menjalankan tugas-tugas yang agak berasingan daripada tugas-tugas yang boleh dijalankan untuk mereka. Walau bagaimanapun, dalam mereka menjalankan tugas, terdapat pegawai-pegawai polis yang sudah berpengalaman ataupun paling kurang sebagai lans koperal akan bersama-sama dengan mereka. Tetapi kemungkinan Yang Berhormat telah berjumpa dengan kejadian ataupun tugas yang telah dijalankan oleh mereka ini tanpa ada bimbingan ataupun iringan daripada polis yang tertentu. Tetapi saya mengambil ingatan bahawa untuk memperingatkan lagi Pasukan Sukarelawan Polis kerana mereka ini adalah terus di bawah tanggungjawab pasukan polis sendiri supaya tidak menjalankan tugas secara bersendirian, kecuali dengan adanya iringan polis yang sudah berpengalaman.

Dalam menjalankan usaha-usaha ini, saya percaya bahawa kita berusaha sedaya mungkin supaya kerja mereka ini ataupun dengan pengetahuan yang ada kepada mereka, sesuai untuk mereka ketengahkan bagi membantu kita dalam menjalankan tugas-tugas mengawal keselamatan ataupun membantu pasukan polis kita menjalankan tugas-tugas lain, kecuali tugas-tugas yang dijalankan yang saya terangkan tadi bahawa mereka tidak boleh menjalankan tugas penyiasatan, tugas mahkamah, operasi di hutan, tugas Unit Pencegah Rasuah, tugas Cawangan Khas (SB) dan sebagai juri. Terima kasih.

**[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalen Chepa) tidak hadir]**

**[Soalan No. 4 - Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) tidak hadir]**

5. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah bilangan dan nama peminjam dalam semua kategori pinjaman yang dikeluarkan oleh KWSP selepas negara dilanda krisis ekonomi dari tahun 1997-1999.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman bagi semua kategori yang telah dikeluarkan oleh KWSP bagi tempoh 1997 hingga 1999 adalah sebanyak RM31,17.99 juta. Pinjaman-pinjaman ini melibatkan 71 buah syarikat. Oleh kerana bilangan syarikat adalah terlalu banyak dan nilai pinjaman dari RM5 juta hingga RM4.8 bilion, hanya pinjaman melebihi RM1 bilion disenaraikan seperti berikut:

- (i) Khazanah Nasional Bhd. sebanyak RM4,877.17 juta;
- (ii) KL International Airport Bhd. RM4,060 juta;
- (iii) Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd. sebanyak RM3,000 juta;
- (iv) Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. sebanyak RM2,285 juta;
- (v) Tenaga Nasional Berhad sebanyak RM2,200 juta;
- (vi) Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. sebanyak RM2,190.21 juta; dan
- (vii) Permodalan Nasional Berhad sebanyak RM2,000 juta.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Wang KWSP adalah wang rakyat tetapi nampaknya banyak pinjaman yang dikeluarkan oleh KWSP adalah tidak bijak dan tidak wajar. Begitu banyak hingga beribu juta ringgit telah pun menjadi hutang lapuk atau *back dept* secara percaya, sebab pinjaman kepada syarikat-syarikat termasuk Perwaja. Maka saya ingin tahu hingga kini pinjaman-pinjaman yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah sebenarnya jumlah pembayaran balik dan apakah jumlah yang gagal dibayar dalam jadual yang ditetapkan dan mengapakah pinjaman-pinjaman tersebut diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengalami begitu banyak kerugian, melibatkan diri dalam skandal seperti Perwaja dan apakah tindakan atau langkah yang diambil oleh KWSP untuk memastikan kesemua pinjaman ini dapat dibayar balik.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar wang KWSP ini memang wang pencarum dan pihak KWSP dan kerajaan selalu menjaga ia dengan baik. Tujuan kita memberikan pinjaman kepada syarikat-syarikat adalah untuk menjaga pertumbuhan ekonomi negara dan biasanya bila kita memberikan sesuatu pinjaman memang dapat menjaga pertumbuhan ekonomi negara. Semasa kita memberikan pertimbangan sama ada untuk memberikan sesuatu pinjaman kepada syarikat-syarikat tertentu, kita selalu mengkaji kewibawaan syarikat dan pengurusan syarikat tertentu pada masa itu dan juga kita mengkaji dari segi syarikat yang dipertimbangkan ini adalah dijangka dapat mendapatkan keuntungan pada jangka panjang.

Yang Berhormat jangan kluatir kerana semua pinjaman yang diberi oleh KWSP ini adalah dijamin, sama ada dijamin oleh kerajaan kalau syarikat yang berkenaan adalah syarikat kerajaan atau dijamin oleh bank, sama ada bank tempatan ataupun bank asing atau dijamin oleh aset syarikat yang tertentu. Semua pinjaman yang diberi ini akan dapat balik kepada KWSP dan mengenai soalan Yang Berhormat berapa jumlah pembayaran balik dan sama ada mereka mengikut jadual saya tidak dapat memberi jawapan di Dewan yang mulia ini kerana saya tidak mempunyai angka-angka yang terperinci pada masa sekarang. Sekian Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya kerajaan memang menjaga kepentingan para pencarum yang menyimpan wang mereka di KWSP. Dari satu sudut ialah segi pinjaman. Mungkin Yang Berhormat Dato' dapat menjelaskan dari segi keuntungan daripada pinjaman tersebut kepada KWSP dan selain daripada pinjaman, satu segi untuk mendapatkan keuntungan ialah pelaburan. Bolehkah Yang Berhormat Dato' beritahu sedikit tentang cara pelaburan KWSP supaya lebih meyakinkan para pencarum terhadap KWSP? Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya kata tadi semua pelaburan yang dibuat oleh KWSP ialah untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara dan pada satu pihak yang lain juga ia dapat mendatangkan faedah yang boleh dikatakan lumayan kepada pencarum KWSP dan segala pelaburan yang dibuat oleh pihak KWSP sama ada dalam pasaran saham ataupun memberikan pinjaman mesti dikaji dengan teliti oleh satu jawatankuasa pelaburan secara terperinci dan kriteria-kriteria yang ketat mesti diikuti sebelum sesuatu pelaburan dibuat. Maka kebanyakan pelaburan yang dibuat memang dapat mendatangkan faedah yang baik kepada pihak pencarum KWSP. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bilakah tenaga elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan dapat mencapai taraf *zero defect* selari dengan status sebagai sebuah Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, *Sabah Electricity Sendirian Berhad* telah menetapkan tahun 2005 untuk bekalan elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan mencapai, dengan izin taraf *zero defect*. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa langkah akan diambil seperti berikut:-

- i. pemasangan sistem pembekalan elektrik yang mempunyai sistem gelang dengan izin *ring system* dan juga yang dapat berfungsi secara automatik. Sistem ini dikenali dengan nama SCA DA dengan izin *supervisory control and data acquisition*,
- ii. melaksanakan beberapa aktiviti pencegahan kerosakan seperti pemotongan dahan pokok, penukaran penebat pin, penukaran tiang reput dan pemasangan alat tutup semula secara automatik;
- iii. pemasangan alat penunjuk kerosakan untuk meningkatkan kecekapan dalam mengesan punca gangguan bekalan elektrik;
- iv. pemasangan alat penebat di pemasangan talian atas bagi mengelakkan gangguan yang berpunca daripada pokok dan mewujudkan punca bekalan tambahan untuk meningkatkan lagi kebolehharian sistem pembahagian elektrik.

Adalah diharapkan dengan terlaksananya tindakan-tindakan tersebut di atas, matlamat *zero defect*, bekalan tenaga dapat dicapai di Wilayah Persekutuan Labuan. Sekian Terima kasih.

7. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah pengedar/penjual cakera padat video (VCD) dan cakera digital (DVD) cetak rompak yang didakwa setelah kementerian mempergiatkan operasi pada tahun ini (2001).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun ini iaitu sehingga 4 November, kementerian telah mengambil 247 tindakan kes berhubung pengedaran CD, VCD cetak rompak di bawah Akta Hak Cipta 1987, melibatkan penyitaan barangan bernilai kira-kira RM5.1 juta.

Bagi tempoh yang sama juga sebanyak 28 kes telah didakwa di mahkamah dan pihak-pihak terbabit telah dikenakan denda sebanyak RM77 ribu. Bagi kes-kes tersebut masih dalam siasatan yang lazimnya mengambil masa kerana melibatkan proses mengesan peniaga-peniaga terbabit, pengesahan dokumen-dokumen hak cipta dan uji tayang oleh pihak tuan punya hak cipta. Tindakan di bawah Akta Hak Cipta 1987 tersebut adalah diambil berasaskan aduan oleh pemilik hak cipta.

Namun begitu, sebagai satu usaha pro-aktif dalam menangani isu cetak rompak ini, tindakan-tindakan juga diambil di bawah undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Cakera Optik 2000 tanpa

aduan daripada pemilik hak cipta dan kes-kes ini sama ada dikompaun ataupun didakwa mengikut pertimbangan kes demi kes. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada kementerian kerana telah mengambil tindakan dan sepanjang penyelidikan ataupun operasi kementerian mungkin bersama dengan jabatan-jabatan penguatkuasaan yang lain, adakah insiden yang mana pihak pengeluar ataupun pembuat VCD dan DVD ini yang mendapat hak cipta mengeluarkan secara halal juga telah mengeluarkan secara haram oleh kerana untuk mengelakkan daripada membayar royalti dan cukai. Terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, selepas penguatkuasaan Akta Cakera Optik 2000, setiap pengilang mesti membuktikan bahawa mereka yang mengeluarkan cakera optik iaitu CD atau VCD mesti ada satu surat daripada tuan punya hak cipta. Di samping itu, pegawai di kementerian saya akan membuat lawatan ke kilang-kilang dan mereka perlu menyimpan rekod pengeluaran mereka dan juga surat-surat ini misal kata kalau mereka dapat surat untuk mengeluarkan 100,000 VCD, mereka mesti mengeluarkan tepat 100,000 dan tidak lebih daripada angka-angka itu dan dengan..., [Disampuk] Ya, mungkin tetapi sekarang mereka mesti ada satu kod pengilang atau *SID – source identification code* bagi setiap pengilang. Dengan ini senangnya atau mudahnya untuk pegawai kita mengesan sebuah CD atau VCD, siapa punya VCD itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan tindakan kementerian untuk membanteras sindiket cetak rompak VCD ini berleluasa tetapi rakyat jelata ingin mendapat tahu, apakah tindakan dan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan cakera padat video ataupun cakera digital ini, yang asli harganya dapat dikurangkan berbanding dengan cakera padat cetak rompak.

Ini kerana untuk melindungi hak pengguna, cakera padat asli ini adalah terlalu mahal dan sekiranya syarikat-syarikat yang mengeluarkan VCD asli ini tidak memberi kerjasama kepada kerajaan untuk menurunkan harga maka segala usaha-usaha kerajaan untuk membanteras cakera padat cetak rompak ini tidak akan berjaya. Apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Memang benar, yang membeli VCD atau CD haram, rungutan mereka adalah CD dan VCD asli harganya adalah amat mahal sebab itulah mereka beli CD atau VCD haram sebab kalau dibandingkan harga dua atau tiga kali ganda lebih mahal kalau kita beli CD atau VCD asli. Sebab itu kementerian saya selalu menasihatkan pengeluar CD atau VCD asli supaya mereka menurunkan harga mereka sebagai satu kaedah untuk menangani isu-isu ini dan baru-baru ini ada banyak *title* atau tajuk-tajuk VCD mereka telah mengurangkan harga-harga daripada biasanya RM30 lebih sekeping CD atau VCD kepada RM19.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian kita sudah dipuji oleh *The Office of the President Of The United States, Trade Representative* iaitu tindakan-tindakan yang diambil untuk melarang CD dan VCD dijual di tempat terbuka sebab banyak penjaja atau peniaga-peniaga yang menjual di tempat terbuka adalah menjual CD dan VCD haram.

Dan saya *quote*, dengan izin, iaitu *from the Office of the Trade Representative, Office of the President of United States of America* iaitu *Encik Robert Zolliek*, dengan izin, *we are gratified that some countries has made progress and show a commitment to sustain enforcement. For example, in the last year, pirated products are hard to find in Malaysia, and the thieves are moving out. Strong legislation, regarding optical disc has been passed and has been implemented largely on scheduled. The Malaysian government campaign to stem out piracy has been steady and they have given us no reason to believe that the progress will not continue.* Inilah usaha kementerian saya yang dapat dipujikan oleh Trade Representative dan kementerian saya akan terus dengan tindakan yang tegas. Sekian, terima kasih.

8. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasionalnya kerajaan membenarkan Pergerakan Puteri

UMNO menjalankan aktiviti di IPTA dan sekolah-sekolah kerajaan dan apakah semua parti politik akan dibenarkan menjalankan aktiviti di IPTA dan sekolah-sekolah kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd.**

**Khair]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sampaikan ucapan Selamat Menyambut Bulan Ramadan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak membenarkan mana-mana parti politik menjalankan sebarang kegiatan bercorak politik di kampus IPTA. Sebarang kegiatan yang hendak dijalankan oleh pelajar di IPTA mestilah melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan mendapat kebenaran pihak IPTA berkenaan. Kementerian Pendidikan juga tidak membenarkan murid sekolah kerajaan terlibat dengan mana-mana parti politik seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan 7, Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, Ordinan Pelajaran 1957.

Sehubungan dengan ini, maka tidak timbul isu membenar atau tidak mana-mana parti politik menjalankan aktiviti di sekolah-sekolah kerajaan kerana pada dasarnya murid sekolah tidak boleh bergiat dalam aktiviti-aktiviti politik. Jadi, sama ada rasional atau ketidakrasionalannya, tidak timbul di sini. Terima kasih.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan sama ada tidak mengetahui ataupun berbohong di Parlimen ini, saya ingin memberi satu kes yang spesifik di mana di Pulau Pinang, Pergerakan Puteri UMNO dibenarkan terlibat dengan Kementerian Pendidikan dengan sekolah-sekolah di Pulau Pinang dalam projek kakak angkat, adik angkat. Projek yang pertama telah pun dijalankan di Sekolah Menengah Paya Keladi di Kepala Batas di mana Puteri UMNO dibenarkan untuk mengadakan program ini kepada semua pelajar-pelajar Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Lima. Ini merupakan suatu pembohongan di dalam Parlimen ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam hal pelajar-pelajar yang dikongkong sekarang ini dan tuduhan-tuduhan yang dikenakan kepada pelajar-pelajar yang dikatakan terlibat dengan parti-parti politik pembangkang, ekstrem dan sebagainya.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang seorang pelajar Universiti Teknologi MARA Shah Alam, namanya Nazlina Nazrin Nazir yang kini dilantik sebagai Penolong Bendahari Pergerakan Puteri UMNO. Ini juga merupakan satu lagi pembohongan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam Parlimen ini dan di bulan Ramadan yang mulia ini pula, kami tidak dibenarkan, dikenakan pelbagai tuduhan, sedangkan UMNO berleluasa bebas sama ada di IPTA ataupun di sekolah-sekolah untuk mengadakan program-program meracuni fikiran pelajar-pelajar pengajian tinggi dan sekolah-sekolah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya minta satu sahaja daripada Tuan Yang di-Pertua supaya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, tarik balik perkataan berbohong. Saya tidak pernah kata apa-apa berbohong, saya beri jawapan saya, saya tidak berbohong.

Jadi, saya pohon kepada Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Kuala Terengganu tarik balik apa yang disebut oleh beliau tadi, katanya saya berbohong, saya tidak pernah berbohong, apatah lagi ini dalam bulan Ramadan. Saya belum jawab lagi pun sudah dikata saya berbohong. Apakah ini betul Tuan Yang di-Pertua? Jadi, saya minta Yang Berhormat tarik balik dahulu. Saya tidak pernah berbohong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ya, sila teruskan jawapan itu Yang Berhormat ya. Ya, teruskan jawapan itu berkenaan dengan Paya Keladi, apa itu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, dia sebut, katanya saya belum lagi jawab, sudah dikata saya berbohong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah jawab dah tadi ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tidak berbohong, tadi saya sebut dia tanya kegiatan, jadi saya jawab balik mengatakan pihak kita tidak membenar, jadi apa yang



hendak diberi tadi, katanya, ini saya ada maklumat dan kemudian katanya perlu saya siasat, akan saya siasat.

Jadi, bila ini kata saya berbohong, itu memang tidak adil sama sekali, saya beritahu siang-siang kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, pertama, saya tidak pernah berbohong dan saya tidak akan berbohong di dalam Dewan yang mulia ini, kalau Yang Berhormat kata saya bohong, saya rasa Yang Berhormat itu berbohong.

Keduanya, ialah mengenai dengan kegiatan yang katanya, dilibatkan oleh Puteri UMNO, jadi kadangkala ada mereka yang menyertai Puteri UMNO, mungkin mereka dalam kegiatan NGO yang lain hendak mengadakan segala macam kegiatan untuk mewujudkan kem motivasi dan sebagainya, itu mungkin. Tetapi mengatakan bahawa Puteri UMNO menganjur itu, menganjur ini, saya rasa itu tidak timbul, soalnya mereka menganjur macamlah kata saya pergi menganjur sesuatu, saya orang UMNO, apakah itu UMNO yang menganjur? Itu pihak kerajaan yang menganjur. Jadi, itu tidak timbul.

Jadi, keduanya mengenai seorang daripada UiTM mengatakan kesnya dia itu sebagai bendahari atau tidak, saya terus mengatakan di sini, kalau katanya Yang Berhormat tadi mengenai dengan kes ini sama ada dia itu, saya tidak tahu-menahu, itu terus terang saya bercakap kepada Yang Berhormat, boleh jadi Yang Berhormat ini berminat sangat dengan Puteri UMNO, sebab itu segala macam detailnya Yang Berhormat ada catatan. Jadi, haraplah Yang Berhormat sila tukar parti, masuk dalam UMNO dan kita boleh bergiat dalam Puteri UMNO.

Dan satu lagi, seperkara lagi mengenai dengan kita di sini ada juga badan-badan NGO yang prokerajaan, terus terang saya katakan, yang pro kerajaan, jika hendak membantu untuk membangun dan membina ilmu di kampus-kampus, kita sentiasa beri galakan kepada mereka, kalaulah ada mana-mana parti politik yang pergi berselindung atas nama sesuatu kegiatan, katakan yang berselindung atas nama agama, kita ada banyak senarainya, atas nama agama dan menyusup untuk menjalankan kempen-kempen parti politik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada saya, saya berharaplah Yang Berhormat tadi tidak membuat tuduhan yang melulu mengatakan saya berbohong kepada Dewan ini, kalau saya berbohong saya berharaplah yang berbohong ialah pihak Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Sejarah tetap sejarah. Tidak ada seorang pun insan dalam negara ini yang tidak terhutang budi dengan UMNO. Tanpa UMNO tidak wujud negara Malaysia, tidak wujud Parlimen yang mulia ini. *[Tepuk]* Tidak wujud segala kemerdekaan, kebahagiaan, keamanan, ketenteraman, kebijaksanaan dan segala-galanya. UMNO - tonggak kepada sejarah negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hmm, sila pertanyaannya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan, soalan. Saya hendak masuk Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau boleh dari tahun satu di sekolah rendah, sejarah, mata pelajaran sejarah UMNO itu harus diperkenalkan supaya jangan ada orang tak sedar diri, lebih-lebih lagi Melayu, tak sedar diri sejarah negara ini, mereka terhutang budi kepada UMNO. Bagi saya rasional sangat, wajar sangat, Pemuda UMNO, Puteri UMNO masuk kepada yayasan pelajaran tinggi, kerana memang itu jasa UMNO. Jadi, bagi saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak ada salahnya UMNO masuk dalam mana-mana pusat pengajian tinggi kerana kita kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya minta penjelasan, kalau parti pembangkang, stop dia, tahan dia kerana tidak wajar dan tidak ada kaitan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sri Gading. Saya rasa Yang Berhormat Sri Gading telah membuat banyak pernyataan-pernyataan yang saya rasa adalah begitu rasional sekali. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Sebenarnya, itulah yang saya katakan sekiranya ada kumpulan daripada misalnya orang UMNO yang menyertai kerajaan membuat segala macam kegiatan, maka dituduh itu kegiatan parti, sebenarnya itu bukan kegiatan parti, Tuan Yang di-Pertua, itu adalah kegiatan kerajaan yang hendak membina masyarakat di kampus, iaitu misalnya ada kursus-kursus motivasi, kita tidak boleh, cukup sukar sekali katalah orang UMNO yang menjalankannya, maka apakah itu dikatakan orang UMNO yang menjalankan kegiatan? Kita tidak pernah, lainlah sekiranya kita masuk berkempen untuk menyatakan bahawa setiap orang mesti menyertai parti UMNO misalnya, ha itu kita mempolitikkan kampus, kalau kita masuk untuk membaiki keadaan, itu tidak bererti bahawa kita mempolitikkan, lainlah kalau parti pembangkang, mereka ada agenda untuk membuat kempen supaya mendapat sokongan, maka dihebah-hebahlah, secara psikologi, mereka hendak tunjukkan kepada seluruh rakyat bahawa mereka sudah mendapat sokongan daripada kampus. Sebenarnya, itu adalah propaganda kosong daripada pihak parti pembangkang. Jadi, saya berharap misalnya Yang Berhormat tadi telah sebutkan mengenai dengan sejarah, memang tidak dinafikan dalam sejarah Malaysia, UMNO amatlah berperanan dalam menuntut kemerdekaan bagi negara kita yang tercinta ini. Terima kasih.

*[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Haji Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh] tidak hadir]*

10. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kejayaan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dalam mewujudkan usahawan kelas menengah. Berapakah jumlah usahawan yang telah terlibat, jumlah pelaburan, nilai pasaran aset dan berapakah jumlah syarikat yang telah disertai ekuitinya telah tersenarai dalam BSKL.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Nasional Berhad telah berjaya mewujudkan seramai 174 orang usahawan golongan menengah dalam pelbagai program seperti pembangunan francais, industri kecil dan sederhana (IKS) dan perkongsian strategik. Setakat 30 September 2001, nilai pasaran aset bagi 174 orang usahawan tersebut adalah sebanyak RM304.4 juta, manakala jumlah pelaburan adalah bernilai RM662.3 juta dalam pelbagai sektor termasuk sektor pengilangan, perkhidmatan, hartanah dan pembinaan. Sebanyak tujuh buah syarikat telah tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur, sebuah di Indeks Komposit Urusniaga Sekuriti dan Sebutharga Automasi (MISDAC) dan sebuah di Bursa Saham Han Seng, Hong Kong. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kerana tindakan proaktif PNS, tetapi sejak akhir-akhir ini, saya terdengar ada permasalahan di antara Pengerusi PNS dengan ketua eksekutifnya, yang melibatkan Ketua Eksekutif itu lagi bertugas di PNS, mengikut Tampin digantung, apa sebabnya dan bila hendak ganti orang baru. Terima kasih.

**Datuk Rizalman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Perkara ini telah pun disampaikan kepada pengetahuan BPR dan sedang dalam penyiasatan, oleh sebab itu kita menunggulah laporan daripada BPR, jadi tidak perlulah saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, kerana ini sedang dalam penyiasatan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, kita dengar baru-baru ini bahawa aset-aset yang dahulunya diswastakan seperti ladang, hotel-hotel, kita dengar bahawa ini sudah dikembalikan kepada PNS dan ini merupakan satu aset baru yang dikembalikan, apakah rancangan pertama, adakah ini benar ?

Yang kedua, apakah rancangan PNS untuk memulihkan perniagaan ini supaya mendapat pulangan yang baik, aset-aset ladang dan hotel-hotel ini. Minta sedikit pandangan.

**Datuk Rizalman bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya PNS ditubuhkan adalah untuk tujuan meningkatkan bilangan usahawan menengah bumiputera tulen dari kalangan bumiputera yang berkecukupan. Dan juga untuk mewujudkan satu masyarakat usahawan yang mahir dan berbudaya korporat di kalangan usahawan dan juga kita mahu kakitangan di PNS ini menjadi pengurus dana yang bertaraf dunia. Dengan pertanyaan Yang Berhormat tadi, saya belum dapat maklumat yang lengkap pada pagi ini, jadi kalau diperlukan saya akan berikan maklumat kepada Yang Berhormat selepas ini. Terima kasih.

11. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah laporan siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat ke atas kebakaran Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya telah disiapkan; dan
- (b) jika disiapkan, apakah keputusan siasatan itu dan bilakah akan diumumkan secara rasmi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M Kayveas]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun menyiapkan laporan siasatan kebakaran itu pada 9 Julai 2001.
- (b) Laporan berkenaan telah pun diserahkan kepada pihak polis pada 12 Julai yang lalu. Keputusan dan pengumuman laporan siasatan itu akan ditentukan oleh pihak polis yang bertanggungjawab menyiasat kebakaran berkenaan secara keseluruhannya. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab laporan ini lambat dikeluarkan setelah Julai disiapkan? Adakah kerana Perdana Menteri campur tangan lebih awal menuduh golongan ekstremis yang membakar bangunan itu disokong pula oleh Puteri UMNO menyebabkan susah laporan itu hendak dikeluarkan? Tidak seperti hilang wang dalam PPRT, ia dikeluarkan di surat khabar dan sebagainya kerana Perdana Menteri tidak berapa campur tangan daripada awal. Maka kita lihat sekarang pendedahan tentang kehilangan wang PPRT begitu ketara sekali dikeluarkan dalam akhbar. Tetapi dalam laporan ini kerana Perdana Menteri campur tangan lebih awal, maka ianya sukar dikeluarkan. Apakah itu sebabnya? Minta diberi ulasan kenapa laporan lambat dikeluarkan. Adakah kerana campur tangan Perdana Menteri lebih awal? Minta ulasan sedikit.

**Datuk M Kayveas:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Siasatan berkenaan lambat itu terletak kepada pihak polis. Kalau dia perlu masa yang panjang sedikit, itu kementerian tidak boleh, kita akan tunggu laporan daripada pihak polis. Soalan yang kedua itu adalah satu tuduhan liar dan Perdana Menteri tidak campur tangan dalam hal ini. Terima kasih.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Soalan tambahan. Dalam kes kebakaran di Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya ini, kita telah dapat melihat bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah membuat beberapa andaian ataupun *conclusions* kepada kebakaran yang berlaku di DTC ini sendiri. Dan inilah suatu tindak tanduk yang saya kira tidak bertanggungjawab dengan membuat tuduhan-tuduhan melulu. Tetapi yang menjadi persoalan dan juga tanda tanya di kalangan masyarakat dan juga masyarakat kampus di Universiti Malaya sendiri ialah apabila tersebarnya laporan yang dibuat atau siasatan awal yang dibuat oleh Jabatan Bomba yang tidak langsung menyatakan bahawa ada unsur-unsur sabotaj ataupun tindakan-tindakan ganas dilakukan dalam konteks membakar Dewan Tuanku Canselor ini malahan sebab-sebab yang lain yang diberikan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dalam konteks kebakaran yang berlaku di DTC ini di mana mangsanya adalah pelajar-pelajar. Dengan

tindak tanduk dan juga tuduhan-tuduhan melulu yang dilakukan ini yang menjadi mangsanya ialah masyarakat pelajar dan juga pensyarah-pensyarah di Universiti Malaya sendiri yang dilemparkan pelbagai bentuk tuduhan sama ada ekstremis, fanatik dan sebagainya sedangkan pemimpin-pemimpin UMNO khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ketua Puteri UMNO dan beberapa orang pemimpin UMNO lain seolah-olah cuci tangan dalam melaksanakan atau dalam melihat kes yang berlaku ini.

**Beberapa Ahli:** *[Membantah]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dalam hal ini.

**Beberapa Ahli:** *[Sampuk]*

**Datuk M Kayveas:** Yang Berhormat, daripada soalan tadi nampaknya Yang Berhormat sendiri telah menjelaskan perkara itu. Berkenaan dengan Jabatan Bomba, skop penyiasatan Jabatan Bomba ada beberapa peringkat. Satu keadaan kebakaran - dengan izin - *burnt state*, satu lagi tempat bermulanya kebakaran ataupun *origin of fire*, yang ketiga punca kebakaran iaitu - dengan izin - *cause of fire* dan juga akhir sekali penyebab tercetusnya kebakaran - dengan izin - *cause of ignition*. Selepas Jabatan Bomba membuat penyiasatan dia akan beri laporan itu kepada kementerian dan kepada Menteri. Selepas itu dalam kes ini oleh sebab kes ini adalah satu kes yang begitu banyak dicampur tangan oleh pembangkang sebelum laporan telah dikeluarkan, dalam satu Mesyuarat Post Cabinet kita dapat satu arahan supaya hasil siasatan Jabatan tidak akan didedahkan kepada umum kerana pihak yang bertanggungjawab untuk memberikan sebab-sebab dan punca kebakaran adalah Polis Diraja Malaysia.

Oleh sebab itu, kita tidak beri apa-apa maklumat berkenaan dengan punca kebakaran itu. Walau bagaimanapun, saya sendiri ada keluarkan satu jawapan dalam surat akhbar di mana *view* saya *adalah subjective view* iaitu punca kebakaran itu sabotaj dan saya masih *maintain* saya punya *stand*. Sekian, terima kasih.

12. **Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sama ada kementerian sedar golongan belia enggan menyertai aktiviti berpersatuan dan kemasyarakatan dan penglibatan hanyalah kepada golongan remaja di peringkat sekolah menengah. Apakah inisiatif kementerian untuk mengatasi masalah ini agar belia-belia sekarang suka berpersatuan dan bermasyarakat serta lain-lain aktiviti.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** *[Bangun]* Minta maaf... *[Ketawa]* *[Memberi isyarat beliau akan menjawab soalan]* Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah pun menjalankan dua kajian. Pertamanya pada tahun 1996 dan satu lagi pada tahun 2000 bersama Unit Pengajian dan Pengembangan Belia Universiti Putera Malaysia. Dan kedua-dua kajian ini telah mendapati bahawa kewujudan persatuan-persatuan belia di alaf baru khususnya adalah masih diperlukan. Ia memainkan peranan yang penting sebagai tapak untuk mengasah bakat kepimpinan belia di samping berfaedah menjadi saluran untuk belia menyuarakan pendapat dan fikiran dan pada masa yang sama melibatkan diri dengan aktiviti riadah dan juga kesenian.

Walaupun bagaimanapun, kementerian menyedari mengenai fenomena kurangnya minat belia untuk berpersatuan. Kajian yang telah dijalankan juga menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan persatuan gagal menarik minat belia untuk menjadi ahli. Empat faktor utama ialah:-

- (i) masalah kepimpinan dalam pertubuhan, dan

- (ii) sekali gus membawa kepada kepincangan dan juga kegagalan penganjuran program dan aktiviti yang dapat menarik lebih ramai belia berpersatuan;
- (iii) masalah kewangan; dan
- (iv) kurangnya kemudahan asas.

Menyedari hakikat ini, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan KBS telah merancang untuk menghidupkan semula 2,000 buah persatuan belia dengan menggunakan strategi melatih pemimpin-pemimpin belia hingga ke peringkat akar umbi dan menarik minat belia berpersatuan melalui program dan aktiviti anjuran KBS bersama persatuan-persatuan belia berkenaan. Peruntukan dari segi kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan peringkat kebangsaan telah pun dipertingkatkan untuk membantu dalam melaksanakan program-program ini. KBS juga akan menyediakan garis panduan pelaksanaan program persatuan belia supaya ia selari dengan matlamat untuk mengaktifkan 2,000 buah persatuan belia dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala, Kuala ...ha, baru dia bangun, dia duduk balik. *[Ketawa]*

**Dr.Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dr.Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Rompin, dia tiada kena mengena dengan belia pun dia hendak kacau juga.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, Yalah, Yalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Balik jaga terutama negara sekarang pun tidak berapa di ..... *[Disampuk]*... Taman Negara sekarang dijaga oleh pihak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong, sila tanya dan kemukakan soalan. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Taman Negara ada terlibat dengan belia juga. Kita hendak menggalakkan belia pergi ke Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya adalah berminat dengan kedua-dua kajian yang telah dijalankan oleh pihak kementerian. Itu perlu kita buat, cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita boleh menubuhkan 2,000 buah persatuan ini tanpa melibatkan parti-parti politik? Yang penting sekali, adakah Yang Berhormat sedar? Kesatuan-kesatuan ini kadang kala sangat berpolitik terutamanya parti UMNO, MCA pun ada dan Gerakan pun ada. Sebab itulah ada ramai yang tidak berminat juga. Dan bolehkah kita menghakis semua unsur-unsur parti politik kerana belia ini tidak mengenal politik? Kalau kita berbuat demikian mungkin ramai akan menyertai kesatuan-kesatuan ini.

Dan juga Tuan Yang di-Pertua, adakah usaha untuk menggalakkan penyertaan kesatuan sekarang ini oleh semua kaum? Biasanya kita nampak sesuatu kegiatan yang terlibatnya hanya satu kaum. Dan apakah sebab hanya satu kaum yang menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh kesatuan-kesatuan?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tidak benar bahawa anjuran program-program ini hanya menjurus kepada satu kaum sahaja, dan sememangnya merupakan keutamaan dan tujuan kita untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti ini melibatkan semua kaum. Dan sebenarnya ini adalah keunikan, kelebihan yang ada kepada negara kita kalau tidak dipolitikkan, kalau tidak dipecahbelahkan saya rasa tidak ada sebab program-program ini dapat disahut, dibantu dan juga disokong oleh semua kaum. Ini tumpuan kita dan aktiviti yang diketengahkan, percayalah khususnya kepada generasi muda yang berbilang kaum dan berbilang agama. Terserah kepada pihak-pihak tertentu sama ada mereka hendak sahut seruan itu atau tidak.

Keduanya berkaitan dengan politik. Saya rasa tidak ada sebab ahli-ahli politik tidak boleh terlibat dalam program-program belia yang boleh membangunkan belia negara. Tidak kira sama ada politik kerajaan, parti-parti politik yang menyokong kerajaan atau parti-parti pembangkang. Contohnya Majlis Perundingan Belia Negara yang baru-baru ini diwujudkan di mana kita telah pun menjemput para wakil daripada bukan sahaja NGO yang tidak ada kaitan dengan politik tetapi wakil-wakil daripada Parti Pembangkang yang sehingga hari ini masih lagi tidak mahu menerima jemputan ini. Sebab itu bagi saya kalau sekiranya ada pemimpin-pemimpin UMNO yang ingin menyokong dan membantu yang tidak ada hubung kait dengan perjuangan politik secara langsung, saya rasa saya tidak akan meminta maaf dan saya mengalu-alukan mereka yang ingin membantu kita menjayakan program kita.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan mengenai dengan masalah belia. Adakah kementerian sedar masalah belia dan jenayah remaja terutama belia yang bukan Melayu telah meningkat yang menjadi isu di hari ini dan perlu ditangani oleh Kerajaan dengan seberapa segera Soalan tambahan. Adakah kementerian merancang kempen secara-secara besar-besaran yang melibatkan pelajar-pelajar untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti khidmat masyarakat yang dijalankan oleh universiti yang melibatkan semua kaum. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tanggungjawab untuk menangani masalah-masalah jenayah. gejala sosial tidak terletak di atas bahu dan kepala kerajaan semata-mata. Semua perlu memainkan peranan dan ibu bapa juga dan pemimpin-pemimpin masyarakat juga harus memikul tanggungjawab ini. Tetapi dari segi program khidmat sosial di mana kita telah pun mengetengahkan satu program yang dipanggil Khidmat Sosial Rakan Muda yang sebelum ini merupakan program perintis di mana para peserta yang menunggu keputusan SPM hanya melingkungi jumlah agak kecil iaitu 1,000 orang setahun.

Untuk lima tahun, 5000 orang yang telah kita kenal pasti jumlah ini telah ditambah kepada 20,000 orang setahun mulai tahun depan. Maka program-program sebegini rupa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memang dalam fikiran dan pandangan kita dan satu-satu program iaitu Khidmat Sosial Rakan Muda akan kita heatkan lagi 20 kali ganda melalui tahun depan. InsyāAllah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Ali bin Haji Hassan.

**Tuan Haji Mohd Ali bin Haji Hassan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, sampai juga nombor saya. Alhamdulillah bulan puasa. Soalan saya dengan izin, *number 10...[Beberapa Ahli ketawa] Oh number 13.* Maaf!, bulan puasa ini ya Allah, kurang tidur sikit Tuan Yang di-Pertua.

13. **Tuan Haji Mohd Ali bin Haji Hassan [Tebrau]** minta Menteri Kerja raya menyatakan mengenai peruntukan membina Jalan 6 Lorong Lebuhraya Johor Bahru-Pasir Gudang yang telah pun disediakan. Kenapakah projek ini lambat dilaksanakan, padahal ia amat mustahak kerana melibatkan sebahagian hasil ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohd Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat dua komponen bagi projek lebuhraya Johor Bahru ke Pasir Gudang iaitu komponen yang pertama, menaik taraf jalan Johor Bahru ke Pelabuhan Pasir Gudang dan komponen yang kedua menaik taraf persimpangan bertingkat Jalan Johor Bahru-Kota Tinggi-Lebuhraya Pasir Gudang.

Bagi komponen yang pertama iaitu menaik taraf jalan Johor Bahru ke Pelabuhan Pasir Gudang, skop kerja bagi kerja ini adalah melibatkan kerja-kerja naik taraf jalan dari empat lorong, dua hala kepada enam lorong, dua hala. Dari persimpangan Perling ke persimpangan Pasir Gudang dan persimpangan Perling ke Jalan Simbang. Jarak keseluruhan jalan adalah sejauh 35 kilometer. Skop kerja menaik taraf jalan ini juga melibatkan kerja-kerja menaik taraf empat persimpangan bertingkat di jajaran berkenaan. Kos keseluruhan bagi projek ini di bawah skop yang pertama ini adalah dianggarkan sebanyak RM384 juta.

Walaupun bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Kerja Raya hanya diluluskan *ceiling* peruntukan sebanyak RM5.2 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf persimpangan bertingkat Kempas yang merupakan sebahagian daripada projek ini. Persimpangan ini sedang dalam pembinaan.

Bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan daripada empat lorong kepada enam lorong dan empat persimpangan bertingkat seperti dinyatakan di atas, Kementerian Kerja Raya sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan tambahan *ceiling* peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Pelaksanaannya akan bermula sebaik sahaja tambahan *ceiling* peruntukan tambahan diluluskan oleh kerajaan.

Bagi skop yang kedua iaitu menaik taraf persimpangan bertingkat jalan Johor Bahru-Kota Tinggi-Lebuhraya Pasir Gudang, skop ini melibatkan kerja-kerja menaik taraf persimpangan bertingkat sedia ada, iaitu dua aras kepada persimpangan bertingkat tiga aras yang merangkumi pembinaan:

- (i) membina struktur *fly over* aras tiga Johor Bahru-Kota Tinggi;
- (ii) membina terowong untuk landasan Keretapi Tanah Melayu;
- (iii) membina terowong iaitu *underpass tunnel* Lebuhraya Pasir Gudang; dan
- (iv) pengalihan kemudahan awam sedia ada.

Anggaran kos projek ini adalah sebanyak RM140 juta. Tender bagi pelaksanaan projek ini telah pun dikeluarkan pada 18 Oktober 2001 yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi kedua-dua komponen projek satu dan dua di atas adalah sebanyak RM524 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukuplah Yang Berhormat.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 4, 9 dan 14 hingga 19 akan dijilid dalam buku yang berasingan]**

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2001**

##### **Bacaan Kali Yang pertama**

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2001: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan: dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (PINDAAN) 2001**

##### **Bacaan Kali Yang pertama**

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2001: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia: dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002**  
**DAN**  
**USUL**  
**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002**  
**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dan Anggaran Pembangunan 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua ]**

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**11.02 pagi**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sekejap ya Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita termaklum, dalam bulan puasa ini kita tidak boleh menyambung mesyuarat selepas daripada 5.30 petang. Oleh yang demikian, saya memintalah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersama-sama dapat menjimatkan masa supaya kesemua Kementerian-kementerian dapat diselesaikan.. *[Disampuk][Ketawa]* Ya, ya, panjang lagi kah Yang Berhormat...

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ada 12 jawapan. 12 orang lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ada 12 orang lagi, ya minta menjimatkan masa sedikit ya. Sepatutnya kita dah habis perkara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ya. Sila teruskan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi saya ingin menjelaskan semula mengenai perbelanjaan projek pembangunan Putrajaya yang sebanyak RM1 bilion seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang saya telah berjanji kepada beliau yang saya akan menjawab dengan bertulis. Oleh kerana masa dan Dewan telah berehat dan saya telah mendapat maklumat ini dan saya akan memberi penjelasan kepada Yang Berhormat pada pagi ini.

Dimaklumkan bahawa peruntukan sebanyak RM1 bilion itu adalah pembinaan kemudahan-kemudahan awam di sekitar kawasan Putrajaya pada tahun 2002 seperti dewan serba guna, kompleks rekreasi dan pusat pembelajaran kejuruan di Presint 8, klinik kesihatan di Presint 9 dan lain-lain lagi kemudahan awam yang dapat memberi manfaat kepada penduduk-penduduk Putrajaya dan juga pelawat-pelawat yang datang.

Mengenai pembinaan terowong LRT yang telah dijelaskan tempoh hari yang berjumlah RM1.140,000 juta adalah kos keseluruhan. Bagi tahun 2002, jumlah yang diperuntukkan adalah sebanyak RM387,450.00 mengenai terowong yang dimaksudkan. Dimaklumkan bahawa terowong itu dibina dalam dua landasan. Landasan pertama panjangnya ialah 12.6 kilometer yang terdiri daripada laluan menerusi terowong sepanjang 5.7 kilometer. Laluan sama paras .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi saya hanya tanya satu soalan saja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan baru-baru ini *Putrajaya Holding Sendirian Berhad* telah itu memberi kontrak kepada *Sun Kon* dan berkongsinya *Bumi Teraju Development Sendirian Berhad* dengan harga RM60.4 juta kontrak di Putrajaya. Bolehkah Yang



Berhormat terangkan, apakah kriteria yang digunakan untuk memberi kontrak ini kepada *Sun Kon* dan *Bumi Teraju Development Sdn. Bhd* ini dan apa kerja yang dibuat oleh pihak *Sun Kon* ini sebab Tuan Pengerusi sedia maklum Yang Berhormat, *Sun Kon* ini mempunyai banyak kontrak. *Kajang Traffic Disperse Ring Road*, sehingga kini *Kajang Disperse Ring Road* pun tidak begitu sempurna dan juga itu *Putrajaya Silver Work*, *Putrajaya In House* dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sebab ini penting untuk kita semua. Sekian, terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong di atas perhatian Yang Berhormat. Berkenaan dengan projek yang telah diagihkan kepada *Sun Kon Construction* yang Yang Berhormat memaklumkan tadi, saya tidak ada datanya. Walau macam mana pun, saya difahamkan bahawa tiap-tiap kontrak yang diberi di dalam kerja-kerja oleh Putrajaya Holding ataupun kerja-kerja di dalam mana-mana kontrak kerajaan, kontrak-kontrak ini akan dinilai sebaik mungkin dan kontraktor-kontraktor yang diberi itu adalah kontraktor-kontrak yang dapat menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang telah mereka tenderkan atau sebagainya. Saya teruskan Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Laluan sama paras dengan jalan dengan izin *at grade* sepanjang 0.9 kilometer dan laluan di atas jalan sepanjang 6 kilometer. Terdapat 15 stesen bagi landasan pertama di mana 6 stesen di bawah tanah, 1 stesen separas jalan dan 8 stesen di atas jalan dan 1 buah depot. Landasan kedua pula adalah sepanjang 2.7 kilometer yang merangkumi sebuah terowong sepanjang 2.9 kilometer dan di atas jalan sepanjang 4.3 kilometer. Terdapat 5 stesen di mana satu terletak di bawah tanah dan 4 stesen di atas jalan dan 1 buah depot. Berkenaan dengan sumbangan Petronas untuk membangun Putrajaya, dimaklumkan bahawa pihak pentadbiran Perbadanan Putrajaya tidak menerima apa-apa sumbangan daripada Petronas. Sebarang peruntukan pembangunan di bawah tanggungjawab Perbadanan Putrajaya datangnya daripada peruntukan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan Petronas di dalam pembangunan Putrajaya hanyalah kepada Putrajaya Holding Sdn. Bhd yang mana Petronas adalah salah satu pemegang saham di dalam syarikat tersebut. Petronas memiliki 40% ekuiti dalam Putrajaya Holding dan lain-lain pemegang saham adalah Khazanah Nasional Berhad juga sebanyak 40% ekuiti dan Syarikat Bumiputera Sdn. Bhd adalah 20%. Putrajaya Holding untuk makluman Yang Berhormat adalah pemaju yang bertanggungjawab memajukan Putrajaya, manakala Perbadanan Putrajaya pula adalah satu badan korporat yang mentadbirkan dan menguruskan Bandar Putrajaya.

**Tuan Pengerusi:** Ya....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan pembinaan terowong yang begitu panjang lebar dan saya belum mendapat jawapan tentang jumlah perbelanjaan yang telah melibatkan Petronas dalam Putrajaya Holding. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan perkara ini dan berapakah sebenarnya perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Putrajaya Holding dan termasuk perbelanjaan yang telah digunakan oleh Petronas.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah saya maklumkan kepada Yang Berhormat, Petronas memiliki 40% saham di dalam Putrajaya Holding. Dan, Putrajaya Holding juga mempunyai pemegang-pemegang ekuiti yang lain. Justeru itu, kalau Yang Berhormat ingin mendapatkan berapa banyak Petronas telah belanja di dalam Putrajaya ataupun Putrajaya Holding, silalah Ahli Yang Berhormat lihat Putrajaya Holding Sdn. Bhd. punya annual report, dengan izin, saya berkeyakinan, di situ terdapat jumlah yang Petronas telah belanja untuk .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya sedikit hairan, pasal apa tidak boleh didedahkan perkara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berjanji dengan saya

dalam sidang yang lepas untuk mendedahkan atau memberi jawapan bertulis secara lengkap pendedahan Petronas dalam KLCC dan *arrangement* yang telah berlaku, termasuklah pengeluaran bon oleh Midcity sehingga RM4 bilion dan apakah tujuan daripada bon itu. Sehingga hari ini saya belum mendapat jawapan keadaan dengan KLCC. Sekarang datang Putrajaya Holding. Kedua-dua perkara ini adalah melibatkan wang Petronas yang besar. Apa salahnya perkara ini didedahkan kepada kita di Parlimen secara rasmi?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, percayalah apa yang dilakukan oleh kerajaan. Walaupun wang ini besar, ini adalah pelaburan bagi Petronas untuk jangka masa yang akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa Petronas selain daripada melabur di dalam KLCC dan juga Putrajaya Holding, mereka juga melabur di luar negara untuk mencari perniagaan-perniagaan lain dalam segi gerudi minyak, tempat minyak yang baru dan sebagainya kerana, kita mesti sedia maklum bahawa kalau kita biarkan Petronas setakat apa yang mereka lakukan hari ini, sudah pasti lambat laun minyak kita pun akan kehabisan dan Petronas juga akan tidak wujud, barangkali 20 ataupun 25 yang akan datang. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia jawab tu.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya janjikan, jika Yang Berhormat perlukan apa Yang Berhormat telah sebutkan tadi, saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai Petronas dan juga Putrajaya Holding dan jika angka-angka ini boleh diberi kepada Yang Berhormat, saya berjanji yang saya akan beri kepada Yang Berhormat dengan secara bertulis.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia berjanji, dia akan bagi, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia tidak jawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah. Dia janji, dia akan beri jawapan bertulis.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Teruskan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat minta nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengeratkan hubungan di antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri-negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan Persekutuan menerusi jentera pentadbirannya iaitu kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan negeri, sentiasa memainkan peranan untuk mengeratkan lagi hubungan antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Antara pendekatan yang diambil ialah menyeragamkan dasar-dasar antara Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri setakat yang boleh supaya rakyat seluruh negeri menikmati kemajuan dan kemakmuran, melaksanakan dasar-dasar secara kolektif antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Memberi bantuan sama ada dari segi kepakaran atau kewangan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan secara berkala dan berterusan mewujudkan saluran komunikasi melalui penubuhan pelbagai forum seperti mesyuarat, jawatankuasa dan sebagainya.

Kerajaan Persekutuan sentiasa melaksanakan amalan hubungan yang baik dengan negeri-negeri bagi tujuan untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat seperti mana yang dijanjikan oleh seluruh negara tanpa mengambil kira latar belakang kerajaan yang memerintah di negeri berkenaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat menyarankan supaya MTEN dibubarkan. Mengenai pandangan Yang Berhormat itu, kerajaan berpendapat yang pandangan tersebut adalah tidak wajar. Ini adalah memandangkan yang MTEN perlu terus berfungsi menjalankan tugas-tugas dengan berkesan kerana kedudukan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya terutamanya pada masa ini, di mana berlakunya kemelesetan ekonomi dunia dan juga pergolakan perang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat ada mencadangkan agar Biro Tata Negara dibubarkan kerana kerajaan sudah mengenakan syarat-syarat agar pegawai kanan menandatangani Akujanji menyokong kerajaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Biro Tata Negara adalah merupakan salah sebuah daripada jabatan kerajaan sama seperti jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Sebagai sebuah jabatan kerajaan, Biro Tata Negara mempunyai misi, peranan dan tugas tertentu seperti yang ditetapkan oleh kerajaan.

Akujanji menyokong kerajaan adalah merupakan perkara yang harus dilakukan oleh semua penjawat awam di jabatan dan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan dan sudah pasti juga mempunyai misi, peranan dan tugas yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Penubuhan sesebuah agensi atau jabatan tidak mempunyai kaitan dengan peraturan atau perundangan yang berkaitan dengan tugas penjawat awam tetapi ianya lebih kepada sebab musabab dan falsafah mengapa sebuah agensi perlu ditubuhkan.

Sekiranya setiap kali ada tambahan peraturan atau pekeliling dalam apa-apa Perintah Am yang dilakukan oleh Kerajaan dan kita berpendapat atau berpersepsi bahawa sesebuah jabatan atau agensi perlu dibubarkan, maka menunjukkan kita kurang memahami perbezaan di antara jabatan atau agensi sebagai sebuah organisasi dengan peraturan berkaitan tanggungjawab seseorang penjawat awam kepada majikannya.

Kesimpulannya, surat Akujanji penjawat awam dengan kerajaan dan penubuhan atau pembubaran jabatan atau agensi kerajaan adalah dua perkara yang berbeza. Dan, isu ini tidak relevan. Walaupun begitu, sebagai pengetahuan umum, objektif Biro Tata Negara ialah memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia dengan memberi keutamaan kepada golongan pelajar, cendekiawan dan pemimpin masyarakat dengan hasrat mewujudkan satu negara dan bangsa yang kuat dan bermaruah melalui rancangan latihan dan program kemasyarakatan.

Misinya pula ialah memberi sumbangan bermakna dan berusaha mencipta kegemilangan masyarakat Malaysia. Berdasarkan objektif dan misi ini, Biro Tata Negara melaksanakan aktiviti Program Bina Negara seperti kursus Bina Negara, seminar, bengkel dan aktiviti masyarakat lainnya kepada beberapa lapisan masyarakat negara ini di Kem-kem Bina Negara yang ada. Oleh kerana pembinaan patriotisme dan kecintaan kepada negara adalah merupakan proses yang berulang-ulang dan bagi tempoh yang lama, maka Biro Tata Negara telah mengerakkan seluruh kakitangannya dan peruntukan yang diberi bagi melaksanakan program bina negaranya setiap tahun. Oleh itu ia tidak ada kena mengena dengan isu surat Akujanji pegawai awam yang dinyatakan.

Tuan Pengerusi, ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh hal ehwal Parlimen. Antaranya Yang Berhormat bagi Tambun dan Parit Buntar mencadangkan supaya Parlimen dapat membekalkan bahan-bahan mencukupi untuk penyelidikan, mewujudkan Jabatan Penyelidikan dan Jabatan Antarabangsa Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini akan diambil perhatian sewajarnya oleh pihak pengurusan Parlimen.

Yang Berhormat bagi Tumpat pula menyarankan supaya setiap Ahli Parlimen disediakan, dengan izin, *laptop*, di Dewan Rakyat. Perkara ini akan dipertimbangkan. Mengenai kemudahan-kemudahan di Bangunan Parlimen, insya-Allah [*Tepuk*] ubahsuai akan dilakukan pada tahun hadapan dan diharap kemudahan-kemudahan akan turut dipertingkatkan.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga menyarankan pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat supaya semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin berdiri Yang Berhormat. Ha! Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta kemudahan-kemudahan yang akan dilengkapi pada tahun depan, adakah ini termasuk IT? Ini saya minta pandangan. Yang pentinglah, bukan sahaja kita memberi mengikut .....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang belah sana tu dia .....kita hendak tolong belah sana sekarang ini. Adakah ini termasuk IT, sebab ia mengambil masa? Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat, ya termasuk dengan IT.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat juga menyarankan pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat Dewan supaya semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen menjawab soalan, hendaklah disebutkan ia menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri yang tidak hadir. Cadangan Yang Berhormat itu hendaklah dibawa kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat bolehlah menulis surat kepada Setiausaha Bagi Parlimen.

Yang Berhormat bagi Seputeh mencadangkan supaya Parlimen menyediakan, dengan izin, *software* dalam bahasa Cina dan menambahkan dua telefon awam di lobi Parlimen. Dimaklumkan, cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan. *[Ketawa]* Yang Berhormat juga menyentuh mengenai pakaian seragam untuk Bentara Sambilan yang tidak sesuai. Dimaklumkan, perkara ini akan diambil tindakan. *[Sorak] [Ketawa]* Manakala cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan CCTV dan PA System, dengan izin, di bilik cyber, perkara ini sedang dalam tindakan Jabatan Parlimen.

Di samping itu, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Kota Melaka dan Arau mencadangkan supaya ditambah masa perbahasan dan masa jawapan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan itu melibatkan Peraturan Mesyuarat. Dengan demikian, Ahli-ahli Dewan bolehlah mengemukakan surat kepada Setiausaha Bagi Parlimen untuk memohon membuat pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat.

Yang Berhormat bagi Mambong pula menyarankan agar kertas dikitar semula memandangkan laporan yang diedarkan di Parlimen sangat banyak. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya jika Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengambil bahan-bahan tersebut, ia akan dikitar semula dan perkara ini diuruskan oleh kakitangan Parlimen. Berkenaan dengan cadangan supaya cakera padat diedarkan dan bukannya berbentuk kertas seperti mana sekarang dan, dengan izin, *laptop* hendaklah disediakan kepada semua. Adalah dimaklumkan bahawa perkara ini akan diambil tindakan. Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang Berhormat bagi Tumpat ingin tahu mengenai kedudukan terkini persempadanan .....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Parit Buntar berdiri. Hendak minta penjelasan. Sila.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Pengerusi, kalau tidak silap saya hari itu kita juga membangkitkan banyak tentang taklimat yang perlu diberi, bukan sahaja kepada kerajaan yang menerima taklimat itu bahkan anggota-anggota pembangkang. Terutama khusus mengenai satu-satu pindaan ataupun pengenalan Rang Undang-undang

baru terutama rang undang-undang yang teknikal yang saya rasa pembangkang perlu juga mendapat pendedahan dan mendapatkan penerangan mengenai Rang Undang-undang itu daripada sumbernya, daripada kementerian-kementerian yang memperkenalkan Rang Undang-undang itu.

Nombor dua, tentang *research* itu, tentang penyelidikan, bukan hendak tubuhkan di Parlimen ini satu Jabatan Penyelidikan, memang sudah ada agaknya tetapi kita hendakkan *researchers* yang disangkutkan kepada Ahli-ahli Parlimen sebagaimana amalan-amalan di Parlimen yang lain, sama ada di Amerika, sama ada bentuk Amerika ataupun sama ada bentuk British. Ini yang kita tekankan, bukan perwujudan satu unit penyelidikan dalam Parlimen ini. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cadangkan kepada Yang Berhormatlah, kalau Yang Berhormat berminat taklimat-taklimat yang diadakan kepada Ahli-ahli Parlimen *backbenchers* ini, Yang Berhormat masuk dalam Barisan Nasional, [*Ketawa*] masuk UMNO kah, masuk MCA kah, masuk Gerakan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat telah sebutkan tadi .....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Dia tengah jawab Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ... berkenaan dengan *researcher* dan sebagainya, saya berkeyakinan bahawa pihak Parlimen mengambil perhatian dan ini akan dimaklumkan sedikit masa lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Rompin berdiri Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menyampuk*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Seputeh! Garang sangat ni. Orang garang susah, lambat kahwin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Ketawa*] Minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Peranan ahli Parlimen ini, tadi Yang Berhormat menjelaskan bahawa kerajaan menggalakkan supaya Ahli Parlimen melibatkan dalam proses perbahasan undang-undang, mendapatkan maklumat dan juga menghormati undang-undang bila sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Yang kedua, dari segi perkhidmatan untuk mendapatkan *research* digalakkan. Saya hendak bertanya juga, baru-baru ini saya membaca akhbar, satu wakil rakyat tidak menghormati undang-undang yang diluluskan. Ini dengar cerita mencerobohi hutan simpan ini. Ini saya minta pandangan, adakah Yang Berhormat mahu komen ada satu wakil rakyat dikatakan menceroboh hutan simpan. Adakah Yang Berhormat tahu dia mencerobohi untuk membuat siasatan tentang hutan simpanan, *research* untuk hutan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat ini.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Berkenaan dengan pencerobohan hutan dan sebagainya, seperti yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi, kita ini semua Ahli-ahli Parlimen dan kita membuat undang-undang dan kita patut patuhi undang-undang. Kadangkala kuman di seberang laut kita lihat, gajah di depan mata kita tidak lihat.

Kalau kita ingin menuduh mana-mana pihak, saya sarankan supaya kita muhasabah diri, kita tanya diri kita sendiri. Adakah diri kita ini sempurna ataupun tidak sempurna. Kalau kita tidak sempurna, janganlah kita mulai menuduh barang-barang yang tidak tentu ataupun yang tidak tentu arahnya dan akhirnya perkara ini akan terbuka.

Dan, seperti Yang Berhormat telah sebutkan, saya bersetuju bahawa Ahli Yang Berhormat sepatutnya patuh kepada undang-undang dan saya mintalah kalau ada tanah,

apa benda yang diceroboh jangan diceroboh, kita hentikanlah perkara-perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi .....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...Tumpat juga...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk, ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...berkenaan sempadan pilihan raya, dilakukan setiap ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...8 tahun sekali.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah tanya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Untuk makluman Yang Berhormat, persempadan baru....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh, duduk ya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...akan dilakukan selepas 8 Mac 2000. Untuk tujuan persempadanan baru, aspek bangunan dan jumlah pemilih akan diambil kira. Selepas kedua-dua aspek ini diteliti, barulah ditentukan sama ada perlu dilakukan penambahan kerusi pilihan raya di sesuatu kawasan ataupun membuat pembesaran sempadan pilihan raya di kawasan tersebut.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong mahu pindaan terhadap Akta Pilihanraya di lakukan bagi menyelesaikan masalah-masalah akar umbi selepas pilihan raya dan mencadangkan satu badan yang pakar mengenai agama memberi nasihat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas setiap pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya akan mengadakan *post mortem* mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perjalanan pilihan raya. SPR tidak terlibat dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama kerana telah terdapat badan-badan yang menjalankan tugas ini seperti JAKIM. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya SPR mengawal maklumat-maklumat kempen pilihan raya melalui Internet, dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di luar tanggungjawab SPR.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pasir Mas mencadangkan JAKIM menganjurkan program dakwah di sekolah. Dimaklumkan bahawa JAKIM sebenarnya telah melibatkan diri dengan program dakwah di sekolah-sekolah sejak awal penubuhannya. Program berkenaan dirancang dan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Jabatan Agama Negeri serta beberapa agensi berkaitan seperti Bahagian Keselamatan Negara.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas ingin tahu mengapa JAKIM tidak membenarkan majlis tazkirah ketika solat tarawih dalam bulan Ramadan. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada nas yang memaksa kita memutus solat tarawih dengan tazkirah ringkas. Ini akan mengganggu konsentrasi ibadat tarawih. Tazkirah bolehlah diadakan pada waktu yang bersesuaian dengan penceramah yang bertauliah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas juga ada menyentuh berkenaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia terutama berkenaan dengan pelaksanaan yang berkaitan dengan fardu kifayah dan hukum seperti zina dan harta pusaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Syariah menjalankan kuasa perundangan dan

kehakimannya setakat had bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Kes-kes yang berkaitan dengan zina seperti kes mukadimah zina, persetubuhan haram adalah berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan bagi kes yang berkaitan dengan harta pusaka pula, Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil faraid iaitu menentukan ahli-ahli waris dan bahagiannya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pula ada menyentuh tentang penyelarasan undang-undang keluarga Islam di Mahkamah Syariah di mana berlaku penganiayaan terhadap wanita dalam perkara pembahagian harta sepencarian wang KWSP atas nama ibu, bukan isteri dan prosedur mahkamah. Dimaklumkan bahawa dalam sesuatu kes pembahagian kes harta sepencarian, mahkamah memutuskan adalah berdasarkan sumbangan secara langsung ke atas perolehan harta oleh pasangan suami isteri semasa dalam tempoh perkahwinan. Keputusan diberikan berdasarkan kepada sejauh mana pihak-pihak yang bertikai dapat membuktikan kesnya terhadap takat sumbangan tersebut.

Berkenaan wang KWSP pula, ia menggunakan sistem penama sebagai pemegang amanah. Bagi orang-orang Islam, sekiranya berlaku kematian ke atas pekerja tersebut, maka pemegang amanah akan membahagikan harta tersebut kepada ahli-ahli waris secara faraid. Tindakan menamakan ahli waris sebagai penerima mutlak harta adalah bercanggah dengan hukum wasiat dan fatwa kebangsaan juga telah dikeluarkan berhubung perkara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kes dikendalikan mengikut prosedur yang ditentukan bagi menjamin keadilan pihak-pihak yang bertikai di mana prosedur ini digubal setelah mengambil kira pandangan semua pihak termasuk hakim, pakar undang-undang, ahli akademik dan sebagainya. Ianya disusun menggantikan peruntukan asal yang hanya terkumpul secara ringkas dalam satu undang-undang sahaja di mana dalam undang-undang pentadbiran itulah dimaksudkan juga hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang keluarga.

Undang-undang prosedur Mal dan sebagainya, dengan adanya undang-undang prosedur yang dikanunkan secara berasingan yang dikendalikan sebagai undang-undang tata cara Mal Mahkamah Syariah, maka rujukan dan pandangan yang jelas kepada hakim-hakim dan pengamal-pengamal undang-undang dalam pengendalian kes-kes dapat diberikan dengan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh turut menimbulkan berkenaan dengan isu *Projek Linear City*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil berat akan masalah setinggan termasuk setinggan *Projek Linear City*. Buat sementara waktu, setinggan yang terlibat dengan *Projek Linear City* dirancang ditempatkan di bawah Program Perumahan Kos Rendah DBKL secara sewaan.

Dalam pada itu, kerajaan juga bercadang membina rumah kos sederhana rendah berharga RM42,000 di atas tapak projek berkenaan di kampung tepi sungai di atas tanah seluas 20 ekar. Dalam hubungan ini, setinggan-setinggan sebanyak 200 keluarga yang memilih skim untuk mendapatkan rumah dan 93 keluarga yang telah menerima separuh bayaran akan diberi pilihan untuk membeli rumah-rumah tersebut. Tuan Pengerusi, mengenai kejatuhan kedudukan *corruption perception index*...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Jadi, saya ingin tahu bilakah penduduk setinggan *KL Linear City* ini akan mendapat notis daripada pihak kerajaan, sama ada daripada Jabatan Perdana Menteri ataupun DBKL? Kerana kini, mereka selalu datang kepada saya untuk minta bantuan. Jadi, bilakah saya boleh bawa mereka berjumpa dengan Timbalan Menteri?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Berjumpa dengan saya, buat apa Yang Berhormat? [Ketawa]

Tuan Pengerusi, saya hendak beri penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh kerana Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh ini adalah satu kawasan dengan saya tetapi dia jarang ada dalam kawasan. Yang ada di dalam kawasan adalah saya. *[Ketawa]* Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat....

**Seorang Ahli:** Perasan. *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Setinggalan-setinggalan ini telah diberi dua pilihan, *[Ketawa]* iaitu menerima bayaran pampasan penuh ataupun memilih skim perumahan. Syarikat konsesi berjanji untuk membangunkan rumah kos sederhana rendah berharga RM42,000 untuk dijual kepada setinggalan. Daripada laporan yang diperolehi setinggalan ini telah membuat pilihan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 637 keluarga telah memilih untuk mendapatkan bayaran penuh. Daripada jumlah ini, 544 telah dibayar sepenuhnya iaitu RM22,000 sekeluarga bagi rakyat Malaysia dan RM10,000 sekeluarga bagi rakyat Malaysia berkahwin dengan warga asing iaitu sebanyak 22 keluarga semuanya. Manakala 93 lagi hanya mendapat separuh bayaran. Daripada jumlah ini, seramai 53 keluarga masih tidak berpindah.

Seramai 200 keluarga telah memilih untuk membeli rumah di bawah skim perumahan dijanjikan akan dibina oleh syarikat. Bagi setinggalan ini, mereka telah diberi bayaran perpindahan sebanyak RM1,000 sekeluarga dan juga bantuan sewaan rumah sebanyak RM300 sekeluarga sementara menunggu rumah kos sederhana rendah, dibina dan ditawarkan kepada mereka untuk dibeli.

Seramai 166 keluarga lagi enggan menerima apa-apa tawaran dan masih menetap di tapak tersebut. Mereka tidak diberi apa-apa bantuan oleh syarikat. Projek Linear City tidak akan dilaksanakan. Dengan pembatalan ini, syarikat telah menghentikan bayaran baki yang belum diterima oleh 93 keluarga setinggalan dan bayaran elaun rumah sebanyak RM300 sekeluarga bagi 200 keluarga yang memilih untuk membeli rumah di bawah skim perumahan yang akan dibina oleh syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Biar saya habis jawab dahulu, Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kerajaan senantiasa memandang berat terhadap setinggalan-setinggalan di kawasan-kawasan yang telah disebutkan tadi. Memang kita sedang meneliti dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberi jawapan ataupun memberi keutamaan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan rumah-rumah untuk disewakan ataupun rumah-rumah sederhana rendah untuk mereka beli.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, saya ingat sistem *mic* ini perlu diubah semula kerana selalu apabila kami tekan, tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu sekejap, Yang Berhormat. Apabila berdiri, tunggu, Yang Berhormat ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dia keluar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya. Masalah sekarang ialah mereka datang kepada saya tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tolong jaga kawasan saya, saya juga boleh bawa mereka ke Putrajaya untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Isunya sekarang ialah bilakah mereka akan dapat notis surat tawaran daripada DBKL ataupun daripada kerajaan kerana jawapan ini saya sudah dengar dalam awal tahun ini tetapi mereka sudah tunggu selama 9 bulan sehingga sekarang, tidak ada apa-apa



tindakan, tidak terima apa-apa pun. Saya tidak boleh sentiasa bawa *Hansard*, tunjuk kepada mereka, "Ha, ini jaminan kerajaan". Bila janji ini akan dikotakan?

**Puan Fong Po Kuan:** Mungkin pilihan raya akan datang!

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat kata ini dalam kawasan Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, kebanyakan masalah Linear City adalah di kawasan Lembah Pantai, bukan kawasan Seputeh. *[Disampuk]* Saya minta Yang Berhormat supaya mengkaji kawasan Yang Berhormat yang sebenarnya. Begitu juga dengan satu dewan Yang Berhormat buat bantahan, kata di dalam bahagian Seputeh. Itu bukan dalam bahagian Seputeh tetapi adalah dalam bahagian Bandar Tun Razak. Masalah Yang Berhormat ini, kawasan Parlimen Yang Berhormat pun Yang Berhormat tidak tahu. *[Disampuk]* Bagaimana Yang Berhormat hendak mentadbirkan dan menjaga rakyat dalam kawasan Yang Berhormat? *[Tepuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, saya hendak teruskanlah sebab ini....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha. Sudah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, mengenai kejatuhan kedudukan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** .... *corruption perception index* yang dibuat oleh *transparency international* ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...dimaklumkan kedudukan Malaysia....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada dua orang berdiri

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya hendak teruskan, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga orang berdiri, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya bagi Rompin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, Rompin sila.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya kepada Dato' Timbalan Menteri.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Seputeh.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...Ini peranan wakil rakyat. Kerajaan Barisan Nasional mengarahkan wakil rakyat Barisan Nasional supaya membela dan menjaga rakyat di kawasan masing-masing, tetapi sebelah DAP itu terutamanya DAP Seputeh, mereka tinggalkan kawasan. Adakah ini kerana masalah mereka di Melaka dan negeri-negeri lain ada perpecahan di kalangan parti mereka? Hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ini masalah DAP, Yang Berhormat bagi Rompin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sudah jawab.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tetapi walau macam mana pun, saya berkeyakinan apa sangkaan Yang Berhormat bagi Rompin itu adalah benar. Mereka ini adalah sebuah parti yang tidak tahu arah ke mana hendak pergi. *[Ketawa]* Jadi, apabila mereka tidak tahu arah hendak pergi, itulah yang mereka pergi Kampung Medan, mereka pergi Lembah Pantai, mereka pergi Bandar Tun Razak dan sebagainya.

Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh.... *[Disampuk]* untuk makluman Yang Berhormat, saya di kawasan Seputeh yang menjaga pengundi-pengundi Yang Berhormat selama ini, itu pun saya salah. Tetapi walau macam mana pun.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Seputeh berdiri Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...untuk makluman Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh berdiri, Yang Berhormat

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya hendak teruskanlah, Tuan Pengerusi kerana waktu tidak ada. Saya hendak teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terus, teruslah. Dia tidak bagi Yang Berhormat. *[Disampuk]* Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya hendak pergi kepada...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ....masalah yang lain.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat bagi Seputeh boleh datang jumpa saya, okay.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh duduk dulu, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat bagi Seputeh boleh jumpa saya, okay.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Siang malam pun boleh.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Siang dan malam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Sianglah, siang, siang!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh duduk dulu.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Malam tidak boleh!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, mengenai kejatuhan kedudukan *corruption perception index* (CPI),...

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya hendak teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Peraturan Mesyuarat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Mengenai....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Peraturan apa?

**Beberapa Ahli:** Peraturan, peraturan!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, peraturan berapa Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Sudah lupa.

**Puan Chong Eng:** Niat jahat! *[Ketawa]* 36(6)....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 36(6) Yang Berhormat? Ya, siapa berniat jahat, Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng:** Dan juga 36(4).

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tadi, Yang Berhormat bagi PJ Selatan dan juga Yang Berhormat bagi Rompin....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada apa-apa?

**Puan Chong Eng:** ....tadi mengatakan hendak jumpa Timbalan Menteri siang malam pun boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, tidak apa.

**Puan Chong Eng:** ...atau malam ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tidak, tidak, Tuan Pengerusi!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya boleh buat ruling. Saya boleh buat keputusan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya hendak memohon....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Chong Eng:** ....supaya dalam bulan yang suci ini....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Chong Eng:** ....janganlah berniat macam itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Puan Chong Eng:** Apakah maksudnya? *[Disampuk]* Kalau bukan, apakah maksudnya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih Yang Berhormat, cukup, cukup. Saya buat ruling, cukuplah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih Yang Berhormat, ya cukup, cukuplah. Yang Berhormat, kita hendak berjumpa boleh, siang malam tidak kisah. *[Ketawa]* Ini biasa, wakil rakyat pun selalu berjumpa dengan pengundi dia waktu malam. Tapi saya harap dia tidak ada niat jahat, itu maksud saya. Saya harap tidak ada niat jahat tetapi kita hendak berjumpa tidak kisah siang malam. Itu pada pandangan sayalah. Ya teruskan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, pusat khidmat saya buka siang dan malam, *[Ketawa]* walau macam manapun saya teruskan juga Tuan Pengerusi Mengenai kejatuhan kedudukan *Corruption Perception Index (CPI)*, yang di bawah oleh *Transparency International*, dengan izin, dimaklumkan kedudukan Malaysia di dalam CPI adalah sama iaitu yang ke-36. Walaubagaimanapun....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Rompin berdiri lagi Yang Berhormat. Perkara lain Yang Berhormat? Perkara yang sudah tu cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:** Saya minta Timbalan Menteri betulkan, dalam bulan Ramadan memang biasa kita buat program malam, malam kita boleh makan, siang kita tidak mampu makan sebab itu ada perjumpaan kita belah malam, belah sana yang serong pemikirannya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat bagi Rompin. Saya dah jelaskan tu, tak usah jawablah Yang Berhormat. Ya, terus jawab yang lain, Yang Berhormat.....*[Disampuk oleh YB Bukit Mertajam]*.....Tidak usah berterusanlah Yang Berhormat. Sudah, cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak usah berpanjanganlah dengan perkara ini. Cukup Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...ini adalah pemikiran-pemikiran sendiri, kalau kita mempunyai pemikiran yang sempit, maka kita akan berfikir yang bukan-bukan. Yang Berhormat-Yang Berhormat ini semua memikir pemikiran yang terbuka kerana waktu bulan puasa kita bekerja waktu malam. Pusat khidmat saya..*[Disampuk oleh YB Bukit Mertajam]*

**Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukit Mertajam, duduklah. Duduklah, cukuplah tidak payahlah.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Okey. Jadi, kita tidak payah jumpa malam, okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan yang lainlah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terus yang lainlah. Cara ini buat apa nak berpanjangan. Tidak ada gunanya.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Walau bagaimanapun, mata yang diperolehi ini adalah meningkat iaitu 5.0 pada tahun 2001 berbanding 4.8 pada tahun 2002

dan bilangan negara yang dikaji juga adalah bertambah. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar bertanyakan berkenaan kekurangan pegawai perundangan di Biro Bantuan Guaman di Sarawak.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Batu Gajah berdiri Yang Berhormat. Nak minta penjelasan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Untuk makluman Yang Berhormat..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ada yang berdiri dari Batu Gajah

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya nak teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Kerajaan telah meluluskan pembukaan cawangan baru Biro Bantuan Guaman yang terletak di Sibu, Sarawak. Pihak jabatan sedang membuat permohonan untuk pelaksanaan fasa kedua di mana akan dikaji.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Seputeh berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bagikah tidak?

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tidak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya dia tidak bagi Yang Berhormat.....*[Disampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Negeri Sarawak juga termasuk di dalam fasa kedua ini. Ahli Yang Berhormat juga, saya tidak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** : Dia tidak bagi Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Sila duduklah, Seputeh duduk, dia tidak bagi.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Ahli Yang Berhormat juga ada mencadangkan supaya dibuat penyelidikan mengenai...

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi jalan, duduklah.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ....undang-undang yang lapuk...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh, duduk ...

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** ...yang tidak lagi mendapat menjadi aset kepada negara tetapi menjadi beban kepada negara, contohnya undang-undang mengenai kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara dari masa ke semasa memang ada membuat penyelidikan dan semakan mengenai undang-undang yang dianggap lapuk berdasarkan kepada cadangan dan input daripada negeri atau kementerian yang menggunakan undang-undang berkenaan. Jika ianya benar lapuk dan tidak diperlukan lagi, tindakan sewajarnya akan diambil seperti memansuhkannya atau menyatukannya sebagai satu undang-undang pusat.

Tuan Pengerusi berkenaan dengan dakwaan, tiga bangunan UMNO di Cheras, Bandar Tun Razak dan Seputeh yang diklasifikasikan sebagai bangunan haram, setinggian dan pemberian TOL ke atas bangunan, khususnya UMNO Seputeh, dimaklumkan bahawa bangunan yang dibina adalah merupakan bangunan sementara yang digunakan sebagai pusat kegiatan setempat. Bangunan di Bandar Tun Razak dan Seputeh....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukit Mertajam berdiri Yang Berhormat, nak bagi jalan? Ya sila.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, yang pentingnya ialah adakah itu haram atau tidak. Itu tidak kira, itu adalah bangunan UMNOkah, bangunan MCA kah atau bangunan Gerakan kah, yang pentingnya ialah *temporary* atau permanen? Yang terpenting ialah adakah itu haram, adakah mendapat kelulusan terlebih dahulu, minta jelas tolong.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat sabar, jangan marah, saya sepatutnya marah kerana saya tidak makan ni. Walau macam mana pun untuk makluman Yang Berhormat, masalahnya ialah tuduhan yang telah dibuat bahawa tanah diberi TOL. Sebenarnya kawasan-kawasan ini tidak diberi TOL, ia hanya dibenarkan untuk hak guna kawasan sahaja, bukan untuk pejabat UMNO tetapi ialah untuk pusat-pusat khidmat digunakan bagi kawasan-kawasan setempat. Jadi tuduhan Yang Berhormat daripada Seputeh itu adalah tidak benar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya ada dua yang berdiri Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Nanti saya hendak.....sekejap lagi saya bagi jawap dulu ya, kegiatan penduduk setempat seperti mana yang saya sebutkan, bangunan di Bandar Tun Razak dan Seputeh adalah terletak di sebahagian kawasan larangan yang lapang yang belum dimajukan oleh kerajaan, sementara bangunan di Cheras adalah di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang telah dirancang untuk projek Cochrane Indah. Itu makluman Yang Berhormat, tiada TOL dikeluarkan di tapak-tapak terlibat. Tuan Pengerusi, ya Seputeh, Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila Seputeh

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Dato' Pengerusi dan Dato' Timbalan Menteri. Mengenai TOL ini di bangunan UMNO Seputeh ini saya mendengar ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang cakap dengan saya, jadi saya agak sangat aneh kenapa bangunan setinggi itu boleh mendapat TOL. Itulah sebabnya saya bangkitkan dalam ucapan saya. Soalan kedua ialah bilakah jalan Kuchai Lama yang sepatutnya diperkembangkan oleh DBKL itu akan dijalankan projek itu kerana jalan itu memanglah sempit, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tahu, jadi bilakah projek ini akan dijalankan dan bilakah bangunan UMNO Seputeh akan pindah ke kawasan lain?

**Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya cukup Yang Berhormat

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat bagi Seputeh terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti yang telah saya sebutkan bangunan itu bukanlah bangunan UMNO bahagian Seputeh. Yang Berhormat tidak mengerti baca, Yang Berhormat cuba lihat itu adalah Pusat Khidmat Masyarakat kawasan Seputeh yang memberi khidmat masyarakat kepada pengundi Yang Berhormat sekalipun. Ini masalah Yang Berhormat, apa yang kita lakukan untuk kebaikan semua menjadi salah. Yang Berhormat ingat kita lakukan perkara-perkara yang luar daripada landasan-landasan perundangan, tidak. Untuk makluman Yang Berhormat, ketiga-tiga tempat yang dibangunkan adalah untuk pusat khidmat masyarakat dan hak guna kawasan telah pun diberikan dan bukan bermaksud TOL itu diberi dengan hak kepada kawasan itu. Untuk menjawab Yang Berhormat, saya hendak menguji minda Yang Berhormat, kalau saya sebut TOL, Yang Berhormat kata TOL, ini masalah pembangkang, *heresay*, dengan izin, bila *heresay* masuk ke dalam Dewan yang mulia ini, cuba Yang Berhormat pergi lihat adakah TOL, tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu Yang Berhormat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya tidak bagi laluan Yang Berhormat duduklah, saya hendak teruskan apa yang patut saya lakukan

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seputeh dia tidak bagi jalan, duduklah.....[Disampuk oleh Puan Teresa Kok Suh Sim]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Arau, Arau, Arau.

**Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, ya duduk Yang Berhormat

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tidak apa duduklah dulu Yang Berhormat, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa banyak masa kita terbuang, seolah-olah kita mesyuarat ini bukan Parlimen tapi mesyuarat.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** seolah-olah kawasan Parlimen Seputeh. Saya hendak tanya Yang Berhormat, ahli-ahli pembangkang ini mereka adakah pusat khidmat? Sebab tadi berbangkit pusat khidmat buka sampai pukul berapa, pusat khidmat saya buka sampai pukul 12.00 malam kadang-kadang lebih. Sebab siang kadang-kadang ramai orang datang dan....[Disampuk oleh Bukit Mertajam].....saya tanya pusat khidmat, adakah di pihak pembangkang mereka mempunyai pusat khidmat dalam pengetahuan Yang Berhormat sebab di kawasan kami setahu saya tidak ada. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Arau, setahu sayalah pembangkang ini dia hendak menang jadi ahli yang terhormat, lepas tu kerja tidak buat. Di Seputeh saya tidak tahu, di mana pusat khidmat, yang saya tahu ada pusat khidmat masyarakat Seputeh di jalan Kuchai Lama.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti, nanti Yang Berhormat.....[Disampuk].....Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan yang lain Yang Berhormat. Tidak usah melarat-larat lagi

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya tidak bagi laluan, saya hendak teruskanlah okay. Seperti Yang Berhormat Arau telah sebut, ini bukan masalah Seputeh dengan bahagian-bahagian lain dalam Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi...saya tidak bagi laluan

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya dia tidak bagi laluan Yang Berhormat sila duduk. Dia tidak bagi Yang Berhormat sila duduklah. Saya menyampaikan yang dia tidak bagi, Yang Berhormat. Dia kata dia tidak bagi tidak bagilah Yang Berhormat. Duduklah, rasa dia hendak bagi bagilah. Cukuplah. Dia tidak bagi, duduk.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kemasukan semula pendatang tanpa izin yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan dimaklumkan antara strategi yang diambil adalah melalui tindakan mencegah kemasukan penduduk tanpa izin dengan menempatkan pasukan keselamatan untuk mengawal pulau-pulau, persisiran pantai dan perairan pantai timur Sabah yang menjadi laluan masuk pendatang tanpa izin. Sejak tahun 1999 hingga 15 Oktober 2001, sejumlah 1,995 orang pendatang tanpa izin yang cuba menyeludup masuk telah berjaya ditangkap.

Selain dari itu, tindakan menangkap pendatang tanpa izin oleh agensi-agensi penguat kuasa secara bersepadu dan dengan izin, *unilateral* serta mengusir mereka balik ke negara asal terus dipertingkatkan. Kesan daripada tindakan tersebut, jumlah pendatang tanpa izin yang ditangkap dan diusir keluar telah bertambah. Pada tahun 1998, 17,184 orang pendatang tanpa izin telah diusir balik ke negara asal masing-masing. Pada tahun 1999, bilangan pendatang tanpa izin diusir telah meningkat kepada 21,053 orang manakala sehingga September 2001 jumlah pendatang tanpa izin yang diusir ialah seramai 21,255 orang yang terdiri daripada 9,257 rakyat Filipina 11,788 rakyat Indonesia dan 180 orang lain-lain warganegara.

Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen bagi Tuaran ada bertanyakan tentang kadar kelahiran dan juga jumlah warganegara di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kelahiran di Sabah antara tahun 1995 hingga 2000 adalah seperti berikut. Tahun 1995 - 65,630 orang, tahun 1996 - 63,240 orang, 1997 - 59,806 orang, 1998 - 54,626 orang, 1999 - 51,045 orang, 2000 - 55,159 orang, manakala jumlah penduduk warganegara di

Sabah adalah seramai 1,988,661 orang berbanding dengan seramai 614,824 orang bagi penduduk yang bukan warganegara.

Tuan Pengerusi Ahli Yang Berhormat Mambong mencadangkan supaya pegawai awam patut boleh membuat keputusan dengan cepat melalui dengan izin *Empowerment* dan latihan. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan sememangnya diberi dengan izin, *empowerment* untuk membuat keputusan berdasarkan dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan terutamanya melibatkan pertanyaan yang dikemukakan oleh orang ramai. Langkah, dengan izin *empowerment* ini disokong oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Tuanan

**Tuan Wilfred Madius Tangau :** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya ada soalan tambahan tentang perangkaan penduduk negeri Sabah tadi. Yang Berhormat menyatakan penduduk di Sabah yang warganegara ialah 1.9 juta, kemudian yang bukan warganegara 600 ribu lebih. Soalan saya ialah adakah kedua-dua dalam perangkaan penduduk negeri Sabah adakah ini dijumlahkan, sebab yang diumumkan dalam banci tahun 2000 baru-baru ini yang menyatakan penduduk negeri Sabah ialah 2.4 juta. Jadi, adakah diasingkan warganegara dengan yang bukan warganegara? Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya sebutkan warganegara 1.988.661 juta orang berbanding dengan seramai 6148.24 orang bagi penduduk yang bukan warganegara. Jumlah yang telah ditetapkan dalam perangkaan yang Yang Berhormat telah sebutkan tadi, saya kurang pasti tetapi saya berkeyakinan bahawa barangkali kedua-dua ini dicantumkan, walau macam manapun saya akan meneliti perkara ini dan saya akan menjawab Yang Berhormat dengan cara bertulis berkenaan dengan soal itu kerana saya tidak mempunyai data-data yang lengkap berkenaan dengan jumlah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini adalah amat penting sebab seperti mana yang pernah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan anak-anak orang asing yang belajar di sekolah di negeri Sabah. Saya bagi satu contoh di kawasan saya, di Sekolah Kebangsaan Pekan Tuaran. Pada tahun ini keputusan UPSR telah menurun dan saya telah berbincang dengan Guru Besar dan sebagainya yang telah mendapat keputusan yang begitu rendah, di bawah 50%. Di antara sebab yang dinyatakan ialah oleh kerana adanya anak-anak orang asing ini sebab mereka ini sentiasa bergerak dan sebagainya. Apabila saya tanya, bagaimana mereka ini diterima sebagai pelajar di sekolah itu? Pihak Guru Besar menyatakan itu susah, kami pun susah. Maknanya hendak menyatakan yang dia itu warganegara atau bukan warganegara. Itu satu kes.

Jadi yang kedua, ramai di kalangan orang-orang asing ini yang bukan warganegara ini sudah berkahwin dengan orang tempatan. Bagaimanakah kedudukan orang ini, adakah warganegara ataupun tidak? Baru-baru ini di Dewan Undangan Negeri Sabah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Lahat Datu, ada pula penguat kuasa undang-undang kita sendiri pun ada yang berkahwin dengan orang asing ini. Jadi di sini terdapat satu persoalan, sama ada dia warga negara atau bukan warga negara. Sebab itu Yang Berhormat perkara ini penting untuk cuba diselesaikan. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuanan. Perkara ini akan diambil perhatian dan seperti Yang Berhormat telah sebut tadi, memang kita mempunyai berbagai-bagai masalah dan saya berkeyakinan Kementerian Dalam Negeri sedang cuba mengatasi masalah-masalah yang telah disebut oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan. Langkah, dengan izin, *empowerment* disokong oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui perwujudan struktur organisasi yang kurang hierarki dan dengan izin, *flexible* di setiap agensi kerajaan. Dari segi latihan pula, Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan pelbagai program latihan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan pegawai dalam membuat



keputusan. Bagi tahun 2002 sahaja, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperuntukkan RM60 juta untuk latihan pegawai-pegawai awam. Di peringkat kementerian, jabatan dan agensi pula, mereka boleh mengadakan program latihan jangka pendek sendiri tanpa perlu mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Pengerusi, soalan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang berkenaan dengan kelulusan...

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya ada satu pertanyaan. Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tentang latihan kepada pegawai kerajaan. Bagaimanakah latihan yang diadakan dapat mewujudkan aduan sifar terutama kepada kakitangan kerajaan yang bertugas di kaunter kerana kita, wakil rakyat, sering mendapat aduan daripada orang ramai tentang sikap segelintir kecil kakitangan kerajaan di kaunter yang kurang baik. Kadang-kadang orang datang, misalnya waktu pagi, datang berjumpa mengucapkan "Selamat Pagi" tetapi tidak dijawab, dia dengan menunjukkan muka yang masam. Ini memberi imej yang kurang baik kepada jabatan yang berkenaan.

Saya ada satu perkara yang hendak saya sebut. Saya pernah pergi ke Pejabat JPJ di Johor Bahru dengan anak saya. Memang di Pejabat JPJ ada sebut *Aduan Sifar* tetapi semasa saya pergi ke sana saya tidak mengenalkan diri saya sebagai wakil rakyat – macam orang biasa. Saya pun ambil nombor giliran untuk memperbaharui lesen memandu saya. Anak saya juga pergi ke sana untuk membaharui lesen memandunya tetapi dia kena isi borang dan sebab itu dia agak lambat sedikit. Bila dia pergi ke kaunter untuk memperbaharui lesen memandu saya, kerani di situ memberitahu "Nombor awak bukan dalam perkhidmatan saya, pegawai lain". Saya pun tanya "Adakah ini arahan Jabatan di mana awak hanya boleh buat kerja ikut nombor giliran yang diberikan kepada awak?" Dan nasib baik ada seorang pegawai di kaunter sebelah kata "Saya boleh buat, boleh tolong".

Selepas itu saya pergi jumpa Ketua Kerani di JPJ Johor Bahru bertanyakan tentang pegawai ini. Saya beritahu dia "Saya bukan buat aduan, saya hendak tanya sama ada adakah benar ini adalah arahan pegawai cuma buat kerja mengikut nombor giliran yang diberikan". Dia kata "Bukan" dan saya tanya "Pegawai tadi giliran nombor berapa?" Dia kata "Pegawai itu pernah dapat kenaikan pangkat bawah SSB". Pegawai yang tolong saya belum dapat anugerah SSB tetapi sikap dia lebih baik daripada pegawai yang dapat anugerah di bawah SSB. Sebab itu saya harap kita perlu tinjau semula SSB ini kerana ada ramai yang kata ia bermaksud "Saya Sayang Bos".

Saya harap latihan yang diberi benar-benar dapat mewujudkan sikap di mana semua kerani di kaunter pejabat kerajaan dapat berkhidmat dengan senyuman serta jujur dan ikhlas. Terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang Yang Berhormat bangkitkan itu akan diambil perhatian. Seperti mana juga Yang Berhormat telah juga sebut bahawa ada segelintir sahaja pegawai kerajaan yang melakukan perkara-perkara seperti Yang Berhormat sebut. Tetapi keseluruhan, barangkali 99.9% pegawai kerajaan melaksanakan tanggungjawab dengan senyuman dan juga memberi perkhidmatan dengan baik. Itulah sebab yang telah saya sebut tadi Jabatan Perkhidmatan Awam memang sentiasa melaksanakan berbagai-bagai program latihan untuk meningkatkan tahap pengetahuan mereka dan juga cara-cara mereka mengendalikan masyarakat kerana kadangkala yang pergi juga dengan suara yang kasar dan sebagainya yang juga menyinggung perasaan pegawai-pegawai kerajaan. Kita mesti sedar bahawa pegawai-pegawai kerajaan juga adalah manusia seperti mana kita.

Tuan Pengerusi, soalan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang berkenaan dengan kelulusan empat ekar tanah kepada pemaju Tetuan Ladang Impian Satu Sendirian Berhad bagi membangunkan satu pasar rakyat satu tingkat di Lot PT. 205, 206 dan sebahagian Lot PT 207, dimaklumkan sebarang kelulusan pemberian tanah atau hak milik tanah adalah terletak di bawah Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat, kelulusan pembinaan bangunan di atas sesuatu tanah itu bukanlah berada di bawah tanggungjawab Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah ada bertanyakan tentang negeri yang mengkhususkan satu hari dalam se minggu untuk membolehkan rakyat berjumpa dengan ketua jabatan. Berdasarkan kepada surat pekeliling, program hari bertemu pelanggan yang dikeluarkan sendiri oleh Yang Berbahagia Tan Seri Ketua Setiausaha Negara bertarikh 8 Oktober 2001 yang menyatakan bahawa Ketua Jabatan perlu memilih satu hari dan masa tertentu yang dikhususkan bagi berjumpa sendiri dengan pelanggan yang berhajat. Ketua jabatan hendaklah juga memastikan pada hari dan masa yang ditetapkan tidak ada mesyuarat atau acara rasmi diadakan. Bagi memastikan kelicinan proses pertemuan dengan pelanggan, ketua jabatan hendaklah menentukan prosedur yang sesuai serta mudah dilaksanakan. Berikut adalah hari khusus bagi ketua jabatan bertemu pelanggan mengikut negeri-negeri:

i)	Perlis	-	Rabu setiap minggu;
ii)	Pulau Pinang	-	Sabtu minggu kedua dan keempat;
iii)	Kedah	-	belum diputuskan;
iv)	Perak	-	Selasa setiap minggu;
v)	Selangor	-	Sabtu setiap minggu;
vi)	Negeri Sembilan -	-	Jumaat minggu ketiga;
vii)	Melaka	-	Khamis setiap minggu;
viii)	Johor	-	Sabtu setiap minggu;
ix)	Pahang	-	Jumaat setiap minggu;
x)	Terengganu	-	belum diberitahu;
xi)	Kelantan	-	belum diberitahu;
xii)	Sarawak	-	belum diberitahu;
xiii)	Sabah	-	Sabtu sekali sebulan;
xiv)	DBKL	-	Sabtu minggu kedua dan keempat;
xv)	Jabatan Imigresen Malaysia	-	Selasa setiap minggu; dan
xvi)	Jabatan Perkhidmatan Awam	-	Sabtu minggu keempat.

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri cadangkan semua negeri yang sudah melaksanakan ini supaya tukar kerana seperti Johor, semasa mereka mengadakan program ini iaitu tiap-tiap hari Sabtu, semua ketua jabatan mesti diberikan peluang mengadakan pejabat terbuka untuk orang ramai datang buat aduan atau apa-apa perbincangan. Tetapi selepas kita umumkan cuti hari Sabtu, dalam sebulan, dua hari Sabtu adalah cuti dan hari Sabtu hanya kerja setengah hari, bolehkah negeri-negeri yang menetapkan hari Sabtu itu menukarkan kepada hari lain. Supaya bagaimana dalam satu bulan ada empat hari, tiap-tiap minggu sekurang-kurangnya satu hari penuh untuk orang ramai berjumpa ketua jabatan. Ini mendatangkan faedah kepada orang ramai. Lebih baik kita mengutamakan ini supaya pembangkang tiada peluang lagi untuk mengkritik kita. Sekian, terima kasih.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah membangkitkan mengenai Institut Maritim Malaysia (MIMA). MIMA telah diperbadankan pada 19 Julai 1993 di bawah Akta Syarikat 1995 dan merupakan institusi *think-tank*, dengan izin, dalam hal-ehwal maritim. Penubuhan MIMA bertujuan menyokong dan membantu kerajaan dalam

perancangan dan pelaksanaan maritim negara melalui Majlis Maritim Kebangsaan (MMK) di mana urusetianya terletak di bawah Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Berikutan satu keputusan dasar pada tahun 1995, kerajaan telah memutuskan untuk memindahkan MMK, urusetianya dan MIMA ke Kementerian Pengangkutan. Perpindahan ini bertujuan untuk kerajaan memberi fokus bagi membangunkan industri maritim negara. Sejak dari itu MIMA telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sebarang perpindahan jabatan, agensi kerajaan, melibatkan satu keputusan dasar dan cadangan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah akan diambil maklum dan diangkat untuk pertimbangan peringkat atasan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab jabatan ...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sudah habis, saya tidak dengar pula satu jawapan penjelasan terhadap soalan-soalan yang saya bangkitkan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Minta maaf Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Yang Berhormat telah bangkitkan berkenaan dengan penyelewengan pelaburan Tabung Haji. Itu yang saya jangkakan Yang Berhormat maksudkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, rombongan Pemuda UMNO telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, Brig. Jen (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin pada bulan September untuk mendapatkan penjelasan ke atas beberapa perkara mengenai Tabung Haji. Pengurusan Tabung Haji tidak turut hadir dalam perjumpaan tersebut dan tidak dapat mengesahkan apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada Pemuda UMNO. Mungkin perkara ini perlu dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri sendiri.

Walau bagaimanapun ada kemungkinan terdapat salah faham oleh wakil UMNO berkenaan ke atas penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri itu kerana sehingga kini Tabung Haji tidak maklum terdapatnya apa-apa penyelewengan dalam kedua-dua pelaburan tersebut. Keputusan pelaburan telah dibuat dalam tahun 1996 dan awal 1997 dalam keadaan ekonomi yang masih baik dan Lembaga Pengarah ketika itu berpendapat keputusan yang dibuat adalah yang terbaik bagi Tabung Haji untuk jangka panjang. Apabila ekonomi negara dan dunia jatuh dan dituruti dengan kejatuhan harga kelapa sawit, pelaburan-pelaburan ini terjejas. Masalah yang sama juga telah dialami oleh lain-lain pelabur dan pengusaha.

Namun tidak ramai orang terutamanya ahli pembangkang yang mahu menerima hakikat tersebut. Bagaimanapun berbagai persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat sendiri seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, seperti yang dinyatakan sehingga kini tidak ada bukti wujud penyelewengan di dalam kedua-dua pelaburan tersebut...

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Saya telah pun menyebut bahawa beberapa kali dalam perbahasan di Parlimen ini merujuk kepada kenyataan Menteri. Walau pun Yang Berhormat menjawab bahawa Tabung Haji tidak pernah turut serta dalam pertemuan dengan pemuda UMNO, tetapi kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Dato' Menteri sendiri yang disebut oleh Dato' tadi jelas menunjukkan bahawa perakuan-perakuan yang telah dibuat sebelum ini umpamanya seperti mana yang telah saya sebut iaitu kenyataan yang dibuat pada 17 Ogos, 2001 seperti mana yang disiarkan dalam akhbar di mana Menteri menyatakan bahawa Tabung Haji perlu disusun semula untuk mengelakkan daripada ianya di ambil alih ataupun diselamatkan oleh kerajaan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bercakap-cakap dengan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, jangan memberi apa-apa arahan, kalau tidak beri sahaja Yang Berhormat bagi Tanjong Karang menjawab. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini Tanjong Karang memberi arahan kepada Timbalan Menteri, jadi jagalah standard Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, saya tidak memberi arahan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, ini perakuan yang dibuat oleh Menteri, mengatakan bahawa keadaan Tabung Haji sangat kritikal tetapi berkali-kali Menteri sendiri menjawab tidak wujud sebab yang dikatakan bahawa polis sedang melakukan penyiasatan. Sedangkan yang polis melakukan penyiasatan terhadap wang yang dilarikan, yang dikeluarkan sebanyak RM8 juta. Tetapi yang saya maksudkan ialah operasi keseluruhan Tabung Haji, sebab itulah ekoran daripada ketidaktentuan dari sudut pengurusan pelaburan yang tidak telus menyebabkan panel pelaburan yang baru ini telah dibentuk semula. Maknanya ini satu perakuan secara tidak langsung mengatakan bahawa ada unsur-unsur pelaburan yang dibuat secara yang tidak telus, yang tidak dibuat berasaskan kepada kajian pasaran dan sebagainya.

Jadi, bagaimana pula Yang Berhormat mengatakan pada hari ini tidak ada wujud penyelewengan dalam kedua-dua pelaburan yang saya maksudkan. Sedangkan panel pelaburan ditubuhkan ekoran daripada perakuan Menteri mengatakan bahawa masalah-masalah pelaburan sebelum ini dibuat secara yang tidak telus dan ada unsur-unsur penyelewengan. Ini yang memerlukan kepada satu penyiasatan dibuat.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Bukan bermaksud kalau kita mengadakan satu panel ataupun satu jawatan kuasa khas untuk meneliti pelaburan-pelaburan yang telah dilakukan bahawa pelaburan yang sebelum ini ada terdapat penyelewengan-penyelewengan. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita barangkali mendengar desas-desus kononnya perkara-perkara yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai yang sebelum daripada ini maka Tabung Haji telah mengambil keputusan untuk menyelidik. Apabila menyelidik bukan bermakna dia mempunyai masalah, barangkali kita tunggu kertas penyelidikan yang akan keluar dan daripada situ baru kita boleh menghukum. Masalah kita tadi seperti yang telah saya sebutkan dengan rakan-rakan daripada DAP tadi iaitu Yang Berhormat bagi Seputeh saya sebut saya dapat 'T.O.L.' dia percaya, pada hal saya tidak dapat 'T.O.L.'.

Jadi, saya menyarankan supaya kita tunggu penyiasatan yang sedang dilakukan oleh pihak pengurusan Tabung Haji untuk memperbaiki apa-apa kelemahan-kelemahan, kalau ada. Pada pandangan mereka setakat hari ini kelemahan-kelemahan ini masih tidak ada dan tidak wujud. Yang kita dengar hanyalah perkara-perkara yang disebut seperti cakap-cakap di kedai-kedai kopi dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Saya kira bahawa apa yang saya sebut ini bukan cakap-cakap di kedai kopi. Ini saya merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri sendiri. Takkan Menteri merupakan penyumbang yang paling baik di kedai kopi. Kenyataan ini bukan kenyataan di kedai kopi, ini kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bos Dato' sendiri. Jadi, ini yang harus dilihat secara yang serius, sebab itu saya katakan tadi bahawa penyiasatan yang hendak dibuat oleh Tabung Haji, okay saya setuju bahawa penyusunan semula dan sebagainya tetapi perlu kepada satu penyiasatan yang dibuat oleh satu badan bebas untuk hendak menentukan wujud ataupun tidak penyelewengan. Tidak boleh kita katakan bahawa tidak ada penyelewengan maka tidak perlu dilakukan siasatan. Sedangkan kenyataan-kenyataan yang dibuat dan beberapa keraguan-keraguan yang timbul telah menunjukkan bahawa ada penyelewengan-penyelewengan. Seperti mana yang saya katakan kes penyelewengan bangunan Maju Holding umpamanya dan

juga kes-kes di *Uptown*, di Damansara dan sebagainya dan begitu juga dengan Kuala Lumpur Sentral. Saya melihat bahawa seolah-olah macam tidak ada satu kajian pasaran terhadap ruang kosong, pejabat, bangunan yang berlebihan di Bandaraya Kuala Lumpur ataupun di Lembah Klang itu sendiri.

Maknanya ini menunjukkan ada unsur-unsur penyelewengan, sebab itu saya katakan bahawa sepatutnya bagi saya pertama sekali Tabung Haji kalau benar-benar untuk memperlihatkan ketelusan dalam proses penyusunan semula, satu audit bebas perlu dilantik oleh Tabung Haji, audit bebas, yang benar-benar bebas untuk membuat satu audit ke atas Tabung Haji itu sendiri tentang pengurusan kewangan itu sendiri, seperti mana penemuan-penemuan yang dibuat dalam kes Perwaja umpamanya, bila Price-Waterhouse sendiri telah menjumpai bagaimana pengurusan transaksi duit lebih daripada RM76 bilion, kalau tidak silap saya dimasukkan ke dalam akaun di Jepun, di Hong Kong, pindah ke Jepun, kemudian pindah ke Switzerland umpamanya. Walaupun begitu BPR masih belum mendapat satu penelitian terhadap penyelewengan-penyelewengan tetapi penting kepada permulaan itu dibuat oleh Tabung Haji sendiri iaitu audit bebas perlu dilantik untuk membuat satu penyiasatan. Kemudian BPR seharusnya diberikan peluang untuk membuat siasatan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat, saya belum habis menjawab, Yang Berhormat sudah jawab. Semua Yang Berhormat jawab adalah negatif. Saya masih belum lagi hendak menjawab masalah berkenaan dengan Blok 4 Plaza Kuala Lumpur Sentral, berkenaan dengan *Uptown* semua itu saya tidak jawab lagi dan Yang Berhormat telah mengambil keputusan untuk memberi jawapan tetapi jawapan Yang Berhormat itu silap.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya teruskan. Seperti yang saya nyatakan sehingga kini tidak ada bukti wujud penyelewengan dalam kedua-dua pelaburan tersebut. Cuma mungkin terdapat beberapa kelemahan di dalam membuat keputusan, khususnya dalam aspek mengenal pasti dan mengawal risiko yang mendatang. Perkara-perkara seperti ini akan diberi perhatian serius oleh Tabung Haji khususnya oleh panel pelaburan yang baru dilantik. Namun begitu, insya-Allah jika ekonomi dan suasana politik pulih dan permintaan untuk kelapa sawit meningkat, Tabung Haji akan memperoleh pulangan yang sewajarnya dari kedua-dua pelaburan tersebut. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga, Lembaga Tabung Haji sedia maklum.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Menyampuk]

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya teruskan, sekejap sahaja biar saya teruskan. Lembaga Tabung Haji sedia maklum tentang lebih tawaran ruang pejabat yang wujud di sekitar Lembah Klang khususnya di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun oleh kerana masih terdapat permintaan yang tertentu terhadap bangunan-bangunan berkualiti yang terletak di lokasi yang strategik, Tabung Haji telah menimbangkan tawaran-tawaran yang diterima dan membuat keputusan untuk membeli bangunan-bangunan seperti Blok 4 Plaza KL Sentral, *Menara 1 Plaza Potential*, *Selborne Perdana* dan *Damansara Uptown*. Sehingga kini keseluruhan ruang pejabat di *Damansara Uptown* telah habis disewakan.

Bagi bangunan Blok 4, Plaza KL Sentral yang telah diserahkan secara rasmi kepada Tabung Haji pada 7 Ogos 2001 sebahagian besar ruang sewanya telahpun ditempah dan Tabung Haji menjangka tidak akan menghadapi masalah untuk memenuhkannya. Bangunan *Menara 1 Plaza Potential* masih di peringkat pemeriksaan kecacatan, dengan izin, *defect inspection* dan belum mendapat sijil layak menduduki ataupun CF. Namun begitu Tabung Haji telah mula menerima pertanyaan dari bakal-bakal penyewa yang berminat. Untuk bangunan *Selborne Perdana* pula yang baru diserahkan kepada Tabung Haji pada 12 November 2001 pertanyaan-pertanyaan dari bakal penyewa telah diterima dan Tabung Haji percaya sebahagian besarnya akan dapat disewakan tidak lama lagi. Berhubung dengan bangunan yang dibina oleh Maju Holdings setinggi 43 tingkat, bukan 16 atau 17 tingkat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. *Menara 1 Plaza Potential*, Tabung Haji telah bersetuju untuk membeli dengan harga RM270 juta di peringkat awal pembangunan. Pembayaran mengikut *progress project*, dengan izin,

adalah seperti mana yang dipersetujui dalam perjanjian dan ianya adalah kaedah-kaedah yang biasa diamalkan bagi projek-projek dalam pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tawaran awal yang diterima oleh Tabung Haji dari Kuala Lumpur Sentral Sendirian Berhad untuk Blok 4, *Plaza Sentral* adalah pada harga RM93 juta. Secara amnya harga yang ditawarkan itu adalah dalam lingkungan nilai pasaran ketika itu. Kajian oleh jurunilai *Collier Gordian Lee* dan Jaafar mendapati bahawa secara purata, dengan izin, *capital value* bagi bangunan sekitar Kuala Lumpur adalah sekitar RM600 se kaki persegi dan dengan itu nilai bangunan Plaza Sentral adalah dianggarkan lebih kurang RM100 juta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu, sabar sedikit, Yang Berhormat

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini sudah mengambil masa. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik kepada pelaburan Indonesia dan juga berkaitan dengan soal hartanah ini. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak wujud penyelewengan dan sebagainya dalam pelaburan dan dijangka harga kelapa sawit akan meningkat, akan ada untung. Tetapi yang saya difahamkan ada masalah-masalah di dalam pelaburan di Indonesia ini, pertama sekali kerana kawasan pelaburan kelapa sawit di Indonesia ini dibuat di suatu kawasan tanah gambut yang tidak ada...

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bercakap-cakap dengan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tanjung Karang, kalau boleh Tanjung Karang jawab tidak mengapa. *[Ketawa]* Dan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Beri Dato' Timbalan Menteri dengar, kalau tidak nanti dia silap jawab pula. Saya difahamkan bahawa tidak ada kilang dalam kawasan yang berdekatan dan menyebabkan kenderaan ataupun lori untuk mengangkut buah itu tidak boleh mengangkut disebabkan kawasan itu kawasan tanah gambut dan untuk hendak dibawa ke kilang, kilang itu berjauhan dan ini yang menyebabkan antara yang menjadi punca, bukan kerana harga buah itu jatuh, tetapi kerana buah tidak dapat dikeluarkan daripada kawasan tersebut. Saya dikatakan ada satu perbelanjaan yang dikeluarkan dalam pelaburan itu untuk membuat satu terusan..

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bercakap-cakap dengan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Habis sudah sembang? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, fasal dia orang itu, saya hendak bercakap supaya Timbalan Menteri fokus..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah mengambil masa yang panjang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** .. dan dibuat satu terusan untuk membawa keluar buah tersebut. Tetapi akhirnya saya difahamkan terusan itu juga menghadapi satu masalah kerana berlaku tidak cukup air dan menyebabkan kapal ataupun bot untuk mengangkut buah itu tidak dapat dilalui.

Jadi, ini antara yang saya rasa perlu dibuat satu kajian tentang prospek tanah itu sendiri, maknanya adakah tanah itu sesuai, bagaimana lori boleh dibawa masuk. Ini saya katakan bahawa kelemahan-kelemahan dalam membuat pelaburan. Ini kemungkinannya boleh dikatakan satu penyelewengan yang dibuat di peringkat awal kerana tanpa mempedulikan tentang masalah lokasi tentang tanah dan sebagainya, akhirnya dibuat mungkin kerana ada kepentingan-kepentingan golongan tertentu. Sebab itu perlu kepada siasatan.

Berbalik kepada bangunan Maju Holdings, sebab sudah dijawab. Bangunan Maju Holdings, Yang Berhormat menyebut tadi bahawa ini merupakan kaedah biasa dalam pembayaran mengikut *progress project*. Saya tidak tahulah, saya ini bukanlah seorang pemaju atau terlibat dalam perniagaan, kontraktor dan sebagainya. Seperti yang saya sebut saya tidak pernah mendengar lagi sebagai seorang pembeli, memang itu Yang Berhormat mengatakan mengikut perjanjian, perjanjian itu dibuat oleh Tabung Haji dan Maju Holdings, tetapi bagaimana Tabung Haji boleh membuat perjanjian yang semacam itu. Sebab tidak pernah saya mendengar bahawa seorang pembeli dia boleh membuat perjanjian kepada pembayaran projek pembelian ini berasaskan kepada *progress project*. Seperti yang saya katakan, selalunya pembayaran *progress project* ini *main contractor*, kontraktor utama kepada *subcon*, dengan izin, itu yang dibayar. Tetapi pembeli tidak pernah, sebab kalau bangunan itu lewat siap bagaimana, siapa yang hendak menanggung, adakah pembeli hendak menanggung kelewatan daripada tempoh jangkaan. Adakah kita hendak tanggung? Sudah tentu kalau kelewatan maka kerugian dari sudut ruang untuk kita memberikan sewaan sudah pun berlaku. Ini saya minta penjelasan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Sahabat saya Yang Berhormat bagi Pokok Sena, saya minta Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak bertanya, Yang Berhormat dapatkan dengan fakta-fakta yang kukuh. Seperti pelaburan di Indonesia Yang Berhormat telah sebut berkenaan dengan tanah gambut dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat adalah kebanyakan Yang Berhormat mendengar, bukan sahah. Begitu juga dengan masalah Maju Holdings. Yang Berhormat kata Yang Berhormat tidak pernah melihat bangunan baru dibangunkan, dibayar dan dibangunkan; dibayar dan dibangunkan.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, semua perumahan di Malaysia, rumah yang kita hendak beli di Malaysia dan di mana-mana ialah melalui, dengan izin *progress payment*. Apa bezanya dengan bangunan yang Tabung Haji beli dengan Maju Holdings dengan perumahan-perumahan yang telah dijual kepada rakyat jelata dengan *progress payment* ini tadi? Serupa sahaja, ini kaedah di antara perjanjian yang telah dilakukan di antara penjual dengan pembeli, dengan izin *willing buyer and willing seller*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya teruskan, Timbalan Pengerusi.

Bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pengarah Tabung Haji.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jeli.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Tidak banyak masa sangat ini.

Bagaimanapun Lembaga Pengarah Tabung Haji hanya memberi pertimbangan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya teruskan, teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sebenarnya pun masa sudah panjang.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Sekejap, sekejap, kita habiskan ini dahulu [*Ketawa*].

Bagaimanapun Lembaga Pengarah Tabung Haji hanya bersetuju memberi pertimbangan jika pemaju memberi penurunan harga 15 peratus daripada harga tawaran. Berikutan dengan itu pemaju telah menawarkan harga baru sebanyak RM85.8juta iaitu penurunan sebanyak 7.3 peratus berbanding dengan tawaran asal tetapi masih tidak mencapai penurunan 15% seperti yang diminta oleh Tabung Haji.

Berikutan dengan itu, Lembaga Pengarah telah meminta penilaian semula dibuat dan harga juga dirunding semula. Penilaian semula bertarikh 29 Mac 1997 didapati bahawa harga pasaran bangunan Blok 4 adalah masih RM100 juta. Namun begitu dari rundingan semula yang dibuat, KL Sentral Sendirian Berhad dalam suratnya bertarikh 18 Mei 1998 telah bersetuju menurunkan harganya kepada RM80 juta iaitu penurunan 14% dari harga asal. Tawaran tersebut adalah muktamad dan ia telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Timbalan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya .....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya hendak teruskan, Datuk Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab. Mana-mana yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia kata akan diambil tindakan.

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Soalan saya tidak dijawab langsung! Dia tidak tahu ini Parlimenkah? Apa yang dibuat oleh YAB Ketua Menteri Melaka, mana jawapannya? a.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri menyatakan tindakan akan diambil.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM47,586,617 untuk Maksud B.1; RM1,257,300 untuk Maksud B.2; RM53,516,540 untuk Maksud B.3; RM24,588,490 untuk Maksud B.4; RM27,911,600 untuk Maksud B.5; RM6,935,100 untuk Maksud B.6; RM1,423,757,407 untuk Maksud B.7, RM614,964,880 untuk Maksud B.8; RM71,416,514 untuk Maksud B.9; RM48,415,400 untuk Maksud B.10; RM63,810,600 untuk Maksud B.11; RM4,289,800 untuk Maksud B.12; dan RM2,476,900 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM47,586,617 untuk Maksud B.1; RM1,257,300 untuk Maksud B.2; RM53,516,540 untuk Maksud B.3; RM24,588,490 untuk Maksud B.4; RM27,911,600 untuk Maksud B.5; RM6,935,100 untuk Maksud B.6; RM1,423,757,407 untuk Maksud B.7, RM614,964,880 untuk Maksud B.8; RM71,416,514 untuk Maksud B.9; RM48,415,400 untuk Maksud B.10; RM63,810,600 untuk Maksud B.11; RM4,289,800 untuk Maksud B.12; dan RM2,476,900 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,065,090,000 untuk Maksud P.7; dan RM66,120,000 untuk Maksud P.8 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,065,090,000 untuk Maksud P.7; dan RM66,120,000 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.



**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] –****Maksud P.14 [Anggaran Pembangunan 2002] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala-kepala Bekalan B 14 hingga B 16 dan Kepala Pembangunan P 14 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Batu Gajah, sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya maklumkan, masa telah kita hadkan 10 minit sahaja.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Datuk Pengerusi.

Datuk Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Perbekalan B.14 Butiran 010400 – kalau kita merujuk kepada laporan belanjawan persekutuan di bawah Kementerian Perumahan, ini adalah satu aktiviti pengawasan dan penguat kuasa di mana ia mempunyai objektif untuk mengawal aktiviti beroperasi selaras dengan Akta dan peraturan serta mengawasi projek perumahan yang dimajukan boleh disiapkan mengikut jadual dan mengikut spesifikasi di samping membantu projek-projek perumahan yang terbengkalai serta menguruskan aduan yang dikemukakan oleh pembeli-pembeli rumah.

Tuan Pengerusi, minggu yang lepas saya telah minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Yang Berhormat dari Miri berkenaan satu projek perumahan iaitu Rancangan Perkampungan Tersusun Desa Seri Ampang, Ampang Baru di Ipoh di mana projek tergendala itu telah tidak diambil tindakan walaupun aduan telah saya kemukakan secara sendiri kepadanya di dalam Dewan yang mulia ini. Beliau telah menyatakan - saya rasa kesal kerana Yang Berhormat Timbalan tersebut tiada di dalam Dewan hari ini - beliau telah menyatakan bahawa projek ini adalah bukan di bawah tanggungjawabnya dan ia dikendalikan oleh koperasi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan, bahawa jika saya masih membangkitkan perkara ini, beliau akan membuang surat-surat yang saya kemukakan kepadanya kerana beliau mengatakan projek ini ialah di bawah koperasi dan bukan di bawah kementeriannya. Tuan Pengerusi, saya telah membuat satu carian pada hari yang lepas menyatakan bahawa projek Rancangan Perkampungan Tersusun ini adalah sebuah projek yang dikendalikan oleh sebuah syarikat pemaju di mana menurut carian ini, jenis perniagaan Syarikat Guna Sejahtera - syarikat di mana pembeli-pembeli ini menandatangani perjanjian - adalah "*housing developers*" - dengan izin.

Timbalan Pengerusi, di dalam projek perumahan rancangan perkampungan tersusun ini, saya nampak kesemua pihak-pihak terlibat iaitu pemaju Gunung Sejahtera Sendirian Berhad dan Pejabat Daerah dan Tanah bersubhat untuk mengelirukan pembeli-pembeli.

Timbalan Pengerusi, saya merasa sangat kesal sebab pembeli-pembeli ini semuanya harus dilindungi oleh kementerian, tetapi kementerian menolak tanggungjawab menyatakan bahawa perkara ini bukan di bawah kementerian. Saya boleh tunjukkan di mana terdapat lebih 100 orang telah dipilih di bawah Rancangan Perkampungan Tersusun Ampang Baru dan pembeli-pembeli ini dipaksa dan diwajibkan untuk melantik pemaju untuk membina infrastruktur dan rumah mereka, iaitu pemaju yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Ipoh.

Saya boleh bacakan di mana terma-terma perjanjian ini semuanya tidak adil langsung kepada pembeli-pembeli dan sekarang kementerian kata bukan di bawah kementeriannya. Saya merasa sangat kesal di mana di dalam perjanjian ini kalau mereka hendak tanah itu, pembeli kena menandatangani perjanjian dengan pihak-pihak yang telah ditentukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Mereka telah membayar sebanyak RM28,000 untuk membina infrastruktur dan untuk membina rumah mereka. Perjanjian telah ditandatangani dalam tahun 1995 dan rumah sehingga hari ini tidak siap dibina.

Tetapi apabila Yang Amat Berhormat kata dia merasa sunyi, "*Dr. M feels lonely* in Putra Jaya", dengan izin. Semua perkara beres, saya telah nyatakan perkara ini di Dewan.

Mengapa pembeli-pembeli ini ada masalah projek tergendala? Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan izin, *wash his hands* dan menyatakan bahawa ini di bawah koperasi. Saya rasa ini kurang bertanggungjawab atau mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak buat kerja rumah ya, Datuk Timbalan Pengerusi.

Di dalam perkara ini saya berharap Yang Berhormat dan Kementeriannya akan mengambil tindakan sebab saya telah mengemukakan surat ini, sebab surat sebelum ini menyatakan akan mengkaji, tetapi sehingga hari ini tidak dikaji. Hari ini pembeli ada hadir di dalam Dewan ini. Mereka datang dari Ipoh ya, Datuk Pengerusi, hendak tanya Kementerian kata tubuh jawatankuasa untuk bantu pembeli-pembeli di mana projek tergendala, tetapi dalam kes ini Pejabat Daerah dan Tanah di Ipoh bersubahat. Projek untuk membina infrastruktur ini diberi kepada sebuah syarikat bernama Saga Lintang Sendirian Berhad.

**Haji Abdul Fatah bin Haji Harun:** [Bangun]

**Puan Fong Po Kuan:** Maaf ya, saya tak ada masa, lain kali.

Tetapi Saga Lintang Sendirian Berhad ini tidak menjalankan projek. Dia menyerah hak kepada Gunung Sejahtera Sendirian berhad. Ini mengakibatkan Pejabat Tanah cuba mengelak kalau ada apa-apa berlaku dan projek ini telah tergendala. Cepat ya?

**Haji Abdul Fatah bin Haji Harun:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Dengan berlaku sedemikian ini, patutkah pihak kerajaan menghantar *flying squad* untuk menyiasat apa yang berlaku.

**Puan Fong Po Kuan:** Hantar apa?

**Haji Abdul Fatah bin Haji Harun:** *Flying Squad* yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan, apabila berlaku sindiket-sindiket apa ini, macam mana?

**Puan Fong Po Kuan:** Saya rasa itu cadangan yang baik tetapi isu penting saya syaki ini ialah kerana kronisme. Projek diberi kepada yang tidak ada *capability*, dengan izin. Kalau perjanjian dia kata bahawa Gunung Sejahtera ini mempunyai kemahiran di dalam menjalankan kerja-kerja pembangunan dan mewujudkan satu perkampungan tersusun dan sekarang tergendala. Semua pihak hendak cuci tangan. Pejabat Tanah tidak hendak ambil berat walaupun ada aduan yang dikemukakan. Kementerian juga tidak hendak ambil berat. Mengapa?

Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan sana akan mengambil tindakan. Sebab saya sudah hilang percaya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Miri. [Pembangkang bertepuk].

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Hilang percaya, hilang percaya.

**Puan Fong Po Kuan:** Oleh itu nanti apabila pembeli berjumpa dengan Yang Berhormat haraplah jangan lari ya.. [Pembangkang bertepuk]. Dengan izin Datuk Pengerusi, saya ingin merujuk kepada - sebab mereka datang dari jauh, tidak bekerja hari ini - saya ingin merujuk kepada butiran yang lain iaitu Butiran 040100, saya ingin bangkitkan berkenaan dengan perkara Menara Telekomunikasi yang dibina tanpa kelulusan.

Saya pernah bangkitkan perkara ini di dalam Dewan, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi jawapan. Saya sokong, saya hendak sokong dan hendak puji apa yang dinyatakan oleh Timbalan bahawa pihak Berkuasa Tempatan harus mengikut garis panduan Kementerian. Saya pun ada simpan kenyataan akhbar. Saya hendak puji ini kenyataan bagus. Kenyataan ini memang bagus, tetapi saya rasa hairan, walaupun Yang Berhormat ada pada tarikh sedemikian, kenyataan apa keluar sedemikian, Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Ipoh masih tidak ambil tindakan.

Rasanya mereka kurang kurang hormatlah, saya rasa kepada Yang Berhormat Timbalannya. Saya harap, saya akan sokong Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sekarang balik nanti beri arahan, serta merta robohkan semua ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sokong Yang Berhormat Timbalan Menteri jujurkan?

**Puan Fong Po Kuan:** Maaf ya, secara jujur. Sokong kenyataan ini. Dan saya juga haraplah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri juga akan mengambil tindakan terhadap Datuk-Datuk Bandar Majlis Daerah yang enggan mengambil tindakan terhadap menara telekomunikasi ini yang dibina secara haram. Saya ada bangkitkan bahawa integriti pihak berkuasa tempatan sekarang ini sedang dipersoalkan. Jadi, perkara yang lain, saya hendak bertanya Yang Berhormat apa Yang Berhormat nyatakan di dalam kenyataan ini bahawa, dengan izin, *one cannot classified all the towers as totally illegal, because the telecommunication companies must have obtain some kind of approval to construct the towers from the local authorities.* Kita hendak beza, haram atau tidak haram. Saya hendak minta penjelasan, dengan izin, *what do you mean by some kind of approval?* Kita kenal transparenasi.

Tuan Pengerusi, pada minggu yang lepas saya hantar satu delegasi pergi jumpa Datuk Bandar, ini semua penduduk-penduduk yang telah mengemukakan aduan mengenai menara telekomunikasi yang dibina secara haram mengancam keselamatan mereka, saya bawa mereka jumpa Datuk Bandar, tetapi Datuk Bandar tidak ada, tak apa. *Personal Assistant*, kunci dalam bilik pejabatnya, tak berani keluar ambil memorandum. Tak apa, lepas itu mereka kata kepada semua penduduk, panggil semua pembayar cukai turun ke tingkat bawah jumpa pegawai yang lain. Lepas itu, saya kata tak boleh, pembayar cukai datang hendak jumpa Datuk Bandar, mengapa hendak panggil mereka naik turun tangga. Mereka pembayar cukai, kalau lambat bayar cukai kena penalti pula, sekarang hendak jumpa, kunci pintu. Tak apa, lepas itu apa terjadi, tidak ada seorang pegawai pun berani mengambil memorandum tersebut. Ini mengakibatkan memorandum itu terpaksa diletakkan di dalam pintu masuk pejabat Datuk Bandar. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jagalah baik-baik, berilah arahan tunjuk ajar kepada pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan Datuk Bandar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, masa cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** Dengan itu, ... saya rasa tidak adil Tuan Pengerusi, saya ada banyak kena ucap lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah dihadkan.

**Puan Fong Po Kuan:** Bukan sahaja kawasan saya ada menara telekomunikasi yang haram, di Ampang juga, menteri punya tempat pun ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sentiasa mematuhi peraturan.

**Puan Fong Po Kuan:** Tak payah pujilah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** Oleh kerana Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya, itu sahaja, saya pohon satu jawapan yang baik, jangan kata hanya beri perhatian atau pertimbangkan. Saya harap nanti minggu ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Nanti saya habiskan *sentence* ini, dengan izin, saya harap nanti minggu akan datang, saya datang saya boleh puji lagi bahawa semua menara telah dirobuhkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sipitang.

12.46 tgh.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya diberi lebih kurang sepuluh minit, saya cuba habiskan dalam sepuluh minit di bawah B.14. Di bawah Butiran 02000 – Perancangan Pembangunan, saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah perancangan pembangunan dari segi bandar-bandar khususnya bandar-bandar kecil di Malaysia ini.

Saya ingin menyarankan supaya satu perancangan pembangunan yang menyeluruh di seluruh negara supaya bandar-bandar kecil di seluruh negara ini disusun semula kerana keadaannya sekarang kebanyakan bandar-bandar kecil ini tidak begitu teratur dan apabila ia berkembang ia menjadi satu bandar rojak, dan apabila ia sudah berkembang barulah ada perancangan untuk menyusun semula bandar ini.

Tidak seperti bandar-bandar besar yang kita rancang seperti Putrajaya ialah satu contoh yang terbaik. Tetapi bagi bandar-bandar kecil, saya rasa perlu ada satu pelan induk ataupun satu susun atur yang 'standard', yang perlu diikuti oleh kuasa-kuasa tempatan supaya bandar-bandar kecil ini teratur apabila mereka berkembang.

Saya ingin menekankan bahawa beberapa bandar kecil khususnya di kawasan sempadan, pertama sekali iaitu sempadan di antara negeri-negeri, apabila kita memasuki satu negeri, khususnya ada satu bandar sempadan yang tersusun, yang teratur. Misalnya di kawasan saya, Tuan Pengerusi, di sempadan Sabah dan Sarawak, kita ada satu bandar iaitu Pekan Merapok dan juga Pekan Sindumin, saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian apakah perancangan untuk membangun bandar ini yang dahulunya dirancang di bawah program pembangunan bandar dan desa iaitu mewujudkan bandar sahabat ataupun bandar sempadan di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak.

Saya juga ingin menyarankan supaya kajian di bandar-bandar kecil, di kawasan-kawasan strategik, di kawasan-kawasan pusat pelancongan di Sabah misalnya di Kundasang, apakah perancangan kerajaan untuk merancang satu bandar yang tersusun di kawasan Kundasang ini iaitu kawasan yang menjadi tumpuan pelancong yang pada masa ini kalau Yang Berhormat pergi ke Kundasang keadaannya adalah begitu sakit sekali dan amat memalukan jikalau pelancong melihat keadaan bandar ini.

Saya mohon supaya satu kerjasama di antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ada menyatakan bahawa satu bandar baru akan dibuat di Kundasang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar bandar yang cantik walaupun dengan modal yang besar, tetapi bandar ini akhirnya akan menjadi satu kebanggaan, suatu tarikan pelancong kerana kawasan ini adalah kawasan strategik. Begitu juga dengan kawasan-kawasan strategik yang lain, misalnya di kawasan pusat pelancongan di Sabah dan Sarawak, kalau di Sabah ada kawasan lain iaitu kawasan yang menjadi kunjungan utama di kawasan *Danau Valley* yang sering menjadi pusat pelancongan ataupun kunjungan tetapi tidak ada bandar yang dekat di situ. Seharusnya ada satu bandar baru yang dapat menjadi tempat persinggahan sebelum ke kawasan pelancongan ini.

Begitu juga dengan di Sarawak, misalnya di pergunungan Mulu yang menjadi kawasan pelancongan, seharusnya ada satu pusat bandar yang baru supaya bandar ini menjadi tempat persinggahan yang memberi kemudahan, bukan cuma ada satu resort sahaja dan di situlah tempat pelancong dengan tidak ada kemudahan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya beri peluang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya amat tertarik dengan saranan Yang Berhormat kalau kita hendak membangunkan pekan-pekan ataupun bandar-bandar di pedalaman, yang penting sekali ialah perhubungan, ini adalah satu asas pelancongan yang penting. Kalau kita lihat di negara Afrika umpamanya, walaupun di National Park yang jauh di pedalaman, jalan raya dibuat, jadi adakah Yang Berhormat bercadang supaya kampung-kampung ini yang jauh di pedalaman umpamanya, di Mulu, di Usan, di Bario dibuat jalan juga sama ada dibuat jalan ataupun kereta api. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Saya memang bersetuju sangat kerana saya selalu bercakap, perkara yang utama untuk membangun sesuatu kawasan itu ialah infrastruktur dan jalan adalah perkara yang utama. Jikalau ada jalan, segalanya akan tumbuh dengan sendiri, misalnya bekalan elektrik akan ada kemudahan-kemudahan lain akan tumbuh dan tanah-tanah di kawasan tersebut akan dimajukan kerana ada jalan penghubung.

Begitu juga dengan pusat bandar-bandar kawasan strategik tadi perlu ada perhubungan. Jadi, saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya kawasan-kawasan strategik seperti kawasan pelancongan, juga kawasan sempadan misalnya di antara Brunei dengan Sarawak, di antara Brunei dengan Sabah perlu ada satu bandar masuk yang apabila pengunjung luar negara ini masuk ke negara kita, ada satu mercu tanda bahawa inilah perubahan yang mereka harus lihat dalam Malaysia.

Saya juga ingin mencadangkan satu bandar baru yang tersusun, yang teratur di antara Sarawak dengan Indonesia, Kalimantan dan juga satu bandar yang tersusun yang teratur, di antara Kalimantan dengan Sabah dan perlu dibuat jalan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di Semenanjung iaitu sempadan Semenanjung baik di Perak, baik di Kedah atau di Perlis ataupun di Kelantan ada bandar sempadan yang agak unik dan cantik, misalnya di Bukit kayu Hitam, apabila masuk daripada Thailand ke Malaysia ada satu perubahan yang ketara, bahawa inilah rupa bentuk Malaysia dan ini sering menjadi perhatian kepada pengunjung dan juga pelancong.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit di bawah Butiran 050000 – Perkhidmatan Pembedungan. Mengikut prestasi kementerian bahawa prestasi perkhidmatan ini agak lembap sedikit, saya minta penjelasan apakah perancangan kementerian untuk memastikan bahawa perkhidmatan pembedungan di seluruh negara ini disusun dengan baik dan sebagai sebuah negara yang menuju ke arah negara maju, seharusnya masalah pembedungan ini perlu diselesaikan.

Apakah perancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah pembedungan. Misalnya di bandar-bandar besar, Kota Kinabalu sendiri sistem pembedungan, saya difahamkan masih ada efluen yang tidak mengikut *standard* yang ditetapkan, yang mana *septic tank* terus dibuka dan dicurahkan ke dalam laut menggunakan paip yang panjang, ini tidak terlihat oleh awam ataupun pelancong kerana ia berada di dasar laut. Saya difahamkan banyak lagi bandar yang sebegini.

Begitu juga dengan bandar-bandar kecil, misalnya di kawasan saya sendiri di Parlimen Sipitang, di pekan Sipitang tidak ada sistem pembedungan yang standard, masing-masing apabila ada program ataupun perumahan akan dibina sama ada pembedungan bersepadu secara kecil ataupun sistem individu dan ini amat menyukarkan dan tidak ada kawalan dan kos untuk penyelenggaraan adalah begitu rumit. Jadi, saya mohon supaya kerajaan merancang suatu sistem pembedungan yang teratur untuk semua bandar di seluruh negara khususnya bandar-bandar kecil yang masih belum ada sistem pembedungan dibekalkan.

Tuan Pengerusi, yang terakhir sekali iaitu di bawah Butiran 06000 – Lanskap Negara. Saya bersetuju dengan matlamat lanskap negara iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai negara taman, tetapi apa yang menyedihkan ialah lanskap ini saya difahamkan di kawasan saya, saya tidak tahu di kawasan lain, bahawa tidak ada koordinasi di antara Jabatan Lanskap Negara dengan kerajaan tempatan. Kita dapat satu projek di kawasan Sipitang yang mana untuk membuat lanskap sekitar RM400,000 tetapi ia tidak diselaraskan dan ia diurus daripada Kuala Lumpur dan kontraktor dilantik pun kita tidak tahu, sekali kita tahu bahawa kontraktor ini membuat lanskap tersebut yang mana lanskap itu tidak lama lagi akan dimusnahkan kerana ia di hujung jambatan yang akan dibina. Ini menunjukkan bahawa tidak ada penyelarasan di antara kementerian dan kerajaan tempatan.

Saya mohon supaya peruntukan yang diberi ke daerah-daerah untuk mencantikkan bandar ini supaya dapat diselaraskan dan dibincangkan dahulu di peringkat daerah sebelum ia dilaksanakan dan siapakah yang akan melaksanakan, itu adalah perkara yang lain, tetapi yang penting kita tidak mahu peruntukan untuk mencantikkan bandar dan negara ini terbuang begitu sahaja. Saya pasti apa yang dicurahkan di Sipitang sekitar RM400,000 itu mungkin dalam tahun ini akan hilang begitu sahaja kerana ia ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukuplah.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** ... kerana ia dimusnahkan oleh kerana pembinaan jambatan yang baru. Jadi, saya menyarankan kementerian untuk melihat perkara ini dan saya minta penjelasan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tebrau.

12.57 tgh.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ini tidak berapa Tuan Pengerusi, ada dua, tiga perkara sahaja, kalau boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa minit, dua minit?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, okay. Tak payah sambung.

Saya hendak menyentuh di bahagian P.14 dan juga Butiran 3000 – Pembangunan dan juga 3200 – Penyelenggaraan.

Tuan Pengerusi, ini berhubung dengan pembinaan balai bomba, pembinaan bomba ini saya minta kementerian kaji baliklah keutamaan balai bomba yang patut dibangunkan di satu-satu kawasan. Kalau di satu-satu kawasan itu agak dalam kajian bomba, pertambahan penduduk, perumahan dan juga industri begitu cepat membangun, daripada kawasan-kawasan yang lain maka rasa saya itu diberi keutamaan untuk ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Mana, tak nampak!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yalah, bulan puasa, kena beri nampaknya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Ini menentukan dekat mana ada stesen bomba ini, menterikah atau kehendak orang ramai. Macam kawasan saya, kawasan perindustrian, taman-taman mercup begitu banyak, penduduk bertambah, kita minta daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, hendak masuk Rancangan Malaysia Kelapan saya semak-semak pun tak ada, jadi apakah menentukan stesen bomba ini kehendak menteri ataupun kehendak daripada kita daripada *grass root* yang tahu tentang masalah-masalah tempatan, tolong jawab sedikit Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Oh, menteri jawab. Saya bersetuju Yang Berhormat, memang itu kata saya, tempat-tempat ini *grass root* lah, wakil rakyat yang tahu di mana, macam mana tempat yang patut diutamakan, sebab saya tahu Sri Gading dengan Tebrau memang pesat terutama Pasir Gudang dengan Tiram.

Tuan Pengerusi pun tahu kawasan itu. Di Bandar Tiram sudah begitu hebat sekali, tetapi tidak ada balai bomba langsung. Saya ingat bukan sahaja Rancangan Malaysia Ketujuh, yang keenam pun sudah minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah lagi Senai? [Ketawa] Kawasan Senai.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, ohh, baguslah, lepas Tebrau baru pergi Senai. Tuan Pengerusi, saya bersetuju dan Sri Gading.

Tuan Pengerusi, jadilah, saya ingat dalam perkara dia kena siasat balik kawasan, saya bukan kehendak atas mengikut suka saya sebagai wakil rakyat, minta sahaja – tidak, sebab saya tahu perkara itu lebih mustahak daripada tempat lain, kerana kawasan itu telah pesat membangun dalam tempoh beberapa tahun ini, Yang Berhormat kawasan Parlimen Tebrau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh sambunghlah petang ini.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Kalau tidak boleh, boleh terus?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Oh masa ya. Okaylah Tuan Pengerusi.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

**Dewan bersidang dalam Jawatankuasa**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Pengerusi:** Sila Tebrau, sila sambung.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*, selamat petang. Yang Berbahagia Tuan Pengerusi, saya mulakan perbincangan dalam Jawatankuasa pada petang ini. Tadi tangguh, saya bangun sahaja terus dia tangguh dalam Dewan Rakyat tersebut, jadi saya mulakan balik dalam masa 20 minit.

Saya ingin menyentuh pada Bahagian Bomba dan juga Penyelamat - Butiran 30000, dan Butiran 32000 – Penyelenggaraan Bangunan. Ini tadi saya menyentuh kes keutamaan pembinaan balai bomba. Jadi saya ingat kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab dalam pembinaan balai-balai bomba di sesuatu kawasan dapat melihat sendiri dan meninjau di kawasan berkenaan, manakah yang lebih utama kalau sesuatu kawasan itu amat perlu..., memanglah semua akan menyatakan ia amat perlukan bomba di satu kawasan tetapi ada satu kawasan yang memang pesat sekali pembangunan ia yang dalam tempoh setahun, dua tahun agak begitu mendadak sekali dengan pembangunan di kawasan berkenaan.

Saya contohkan ini seperti tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut tempat dia, dan juga di tempat saya di Tiram, satu kawasan yang penduduk, pengundi, penghijrahan, pembinaan rumah dan sebagainya begitu mendadak sekali. Dan ini boleh dilihat, boleh buat lawatan oleh pihak yang berkenaan sama ada percakapan saya di Dewan yang mulia ini benar atau tidak. Jadi saya mintalah supaya pihak yang berkenaan melihat kawasan berkenaan kerana kalau berlaku satu kebakaran Tuan Pengerusi, mengambil masa yang lama kerana jalan di Lebuhraya Johor Baharu-Pasir Gudang amat sibuk sekali dan kalau ada berlaku kemalangan memang terus tidak boleh sampai di tempat yang ditunjukkan dalam masa se jam atau dua jam. Itu sebabnya pagi tadi saya menyentuh dalam Lebuhraya Pasir Gudang-Johor Baharu. Jadi saya haraplah kementerian dapat mengambil perhatian dalam perkara yang saya sebut itu untuk membina sebuah balai bomba di Tiram.

Yang kedua berhubung dengan penyelenggaraan bangunan bomba. Ada balai bomba ini di tepi-tepi jalan yang sibuk di lebuhraya. Saya contohkan balai bomba di Johor Baharu dekat Larkin saya ingat pelancong, orang lalu lintas dekat situ hari-hari, memang sibuk betul, 24 jam sibuk. Tetapi balai itu tidak catlah, saya tidak tahulah tidak ada duitkalah atau macam manakah, nampak kotor benar. Saya lalu depan itu, jadi kita hendak menunjukkan supaya indah, cantik, bangunan-bangunan kerajaan di tempat strategik, ini betul-betul di lebuhraya. Jadi orang lalu, pelancong lalu, semua lalu, siapa pun akan lalu di kawasan depan balai bomba di Larkin itu. Tetapi keadaan bangunan balai bomba itu agak mengecewakan sedikit, kotor betul, Tuan Pengerusi, dengan tidak bercat. Saya ingat balai bomba itu pun tidak berapa besar, jadi cuba cantikkan, elokkan, jadi pelancong dan sebagainya datang melawat dan tengok, "Ha ini balai bomba, cantik dan indah dipandang". Jadi haraplah ini pun diambil perhatianlah, Tuan Pengerusi.

Yang ketiga, boleh tidak di sekolah-sekolah, saya tidak tahu ada tidak, saya ingat belum ada, ini latihan kadet. Polis ada, Kadet Polis ada, St. John ada, ini Kadet Bomba ditubuhkan di sekolah-sekolah. Kerana sekarang di zaman moden dan sains teknologi ini Tuan Pengerusi, perkara-perkara penyelamatan bomba ini amat perlu sekali diambil perhatian berati oleh anak-anak dan para penuntut kita kerana kalau berlaku kebakaran di satu-satu kawasan tempat dia tinggal, sekurang-kurangnya dia ada sedikit pengetahuan

dalam bidang kebakaran ini. Kalau boleh ditubuhkanlah kadet-kadet di sekolah-sekolah seperti Kadet Polis.

Yang keempat, bomba ini saya tidak tahu kenapa diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya tidak tahulah. Kalau ikut saya, kalau ikut bomba ini ia beruniform, lepas beruniform, ada pangkat, sampai satu paku, dua paku macam Brigedier Jeneral, betul dia ada pangkat dan kita kena tabik. Kadang-kadang kita pun sebagai tetamu kehormat pun dia tabik macam polis juga, macam askar juga. Tetapi dia duduk di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sama ada ia... [Ketawa] lalah hendaknya sesuaikanlah, sebab latihan dia pun macam latihan polis juga, tentera, berat juga Tuan Pengerusi. Saya sudah kata ada uniform, ada pangkat, ada perbarisan, semua lengkap.

Jadi dia duduk dekat perumahan dan kerajaan tempatan. Jadi alau boleh Kementerian Dalam Negeri ambil alih macam polislah, beruniform. Jadi kurang sedikit kerja Timbalan Menteri dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingat, ya memang elok tetapi nampak macam..., tetapi hendak sesuaikan dengan dia, sebab jawatan dia itu sama kadang-kadang dengan pangkat, kalau polis inspektor kalau jumpa dengan Brigedier Jeneral pun dia kena tabik kerana pangkat dia itu tinggi. Jadi saya ingat kementerian pun boleh lihatlah supaya dia elokkan sedikit sesuai dengan kementerian yang berkenaan.

Dan seterusnya berhubung dengan latihan bomba juga di bangunan-bangunan tinggi. Saya tidak tahu sejauh mana alat kelengkapan bomba ini begitu canggih. Ya kita dapat tengok ada yang boleh naik tinggi, tidak tahu berapa tingkat. Sekarang ini negara Malaysia ini pembinaan bangunan sekarang sudah tidak ada satu tingkat, dua tingkat, Tuan Pengerusi, sudah main berpuluh-puluh, beratus-ratus sudah, rumah pun sudah tidak ada rumah bawah, kebanyakan rumah pangsa, kondominium dan sebagainya. Jadi saya tidak tahu ada tidak pernah dibuat latihan bangunan-bangunan tinggi. Contohnya di KLCC, kita buat latihan macam mana ahli bomba kita menyelamatkan kebakaran di tingkat 30 atau 40, hendak naik tanggakah ataupun alat tangga bomba itu, tangga bomba itu sudah begitu tinggi, macam mana kita buat sistem itu. Kita takut., bukanlah kita hendakkan kemalangan tetapi kemalangan ini tidak tentu Tuan Pengerusi, dalam keadaan sekarang boleh berlaku kebakaran mengejut dan sebagainya.

Jadi macam mana kekuatan bomba kita, kecergasan ahli bomba kita untuk menyelamatkan bangunan-bangunan tinggi Tuan Pengerusi. Kalau bawah itu senanglah tetapi kalau ini berlaku di tingkat 20, tingkat 30, tingkat 17, 16, mungkin kalau alat kelengkapan kita tidak canggih dan sebagainya ini akan menyebabkan kemalangan nyawa dan sebagainya. Jadi saya harap kementerian dapat ambil perhatian yang serius dalam perkara latihan dan juga alat-alatan yang canggih...

**Tuan Pengerusi:** Sri Gading bangun ya, hendak tanya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Dia duduk, dia bangun pula.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tebrau. Ini berkaitan dengan peralatan pasukan bomba. Saya lihat di pekan-pekan atau di bandar-bandar lama, pili bomba itu. Ini soal hendak naik ke atas kata Datuk tadi, pakai macam-macam itu tetapi pili dia pun kadang-kadang tidak begitu terurus. Pili itu pun kadang-kadang tidak begitu cukup. Kadang-kadang pili ini pun macam ada, tidak ada sahaja di pekan-pekan kecil. Jadi kalau ada kebakaran-kebakaran, di mana dia hendak menyedut air ini. Ini pun dia tidak kemaskinikan. Apa pendapat Yang Berhormat tentang untuk mengemaskinikan lagi supaya kekesanan pejabat bomba ini akan benar-benar dapat dirasai oleh pengguna. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya dalam masalah pili ini bukan tempat kawasan Parlimen Sri Gading sahaja, kawasan Parlimen Tebrau pun sama, Tuan Pengerusi. Memang masalah pili ini betul kata dia. Saya setuju sangat memang Jabatan Bomba dan Penyelamat ini tetapi dia kena runding dengan Jabatan Bekalan Airlah. Ini takut dia jawab ini bawah Jabatan Bekalan Air (JBA) kata dia. Jadi saya ingat dalam masalah pili pun betul juga. Itu sebab saya suruh ada latihan. Kalau dengan ada latihan, jadi dia tahu pili bomba itu boleh berfungsi atau



tidak. Jadi air itu macam mana, melelehkah atau tidak melelehkah ataupun tekanannya kuat atau tidak?. Yang ada tekanan kuat orang cuci kereta sahaja. Itu kuat Tuan Pengerusi, dia memancut.

Jadi saya tidak tahulah macam mana ini. Jadi kalau dapat kementerian melihatkan masalah pili bomba ini betul, memang ada di kawasan pekan memang pili bomba pun, bomba cari tidak jumpa. Jadi adakan *exercise* (latihan) di mana ada satu kebakaran misalnya..., olok-oloklah bukan betul biar dicari bomba jangan diberitahu. Tuju sahaja ke Sri Gading, pergi sana, cari mana pili bomba, biar dia cari. Ha baru dapat tahu dekat mana, berfungsi atau tidak berfungsi pili bomba itu. Ini perkara yang baik yang ditimbulkan oleh Sri Gading. Saya menyokong penuh Tuan Pengerusi.

Jadi Tuan Pengerusi, akhir sekali, pihak penguasa tempatan di bawah kementerian ini. Ini pasal – tadi ahli Parlimen pun sudah bangkitkan pasal menara telekomunikasi. Tuan Pengerusi, tempat saya sudah roboh sudah, di Taman Daya – bangunan tinggi – nasib roboh waktu maghrib, ia roboh orang tidak adalah, orang semua sembahyang. Jadi, roboh tu nasib baik tidak melibatkan nyawa atau kecederaan orang ramai. Ini sudah berlaku, masuk pun dalam surat khabar. Saya tidak tahu, kementerian lihat atau tidak gambar. Ha! Itu Parlimen saya tu. Taman Daya. Jadi, ini saya pun haraplah kementerian kena seriuslah perkara-perkara macam saya sebutkan itu. Dia hendak jatuh ni tidak tahu, siapa *check* dia tanam ini, dia pasang kekuatan, siapa *check*, engineer mana yang meng*check* berapa dalam kekuatannya.

Dan, seterusnya, Tuan Pengerusi, yang dipasang di lebuhraya ini pun saya tengok, ada lebuhraya-lebuhraya telekomunikasi yang dipasang, ada yang betul-betul atas bukit, hendak dekat dengan lebuhraya. Saya kadang-kadang balik hari ke Johor, saya tengok dekat hendak luruh, saya agak kalau jatuh, dia betul-betul kena kat kereta, lebuhraya. Kalau tidak percaya boleh siasat, kementerian balik tengok ada berapa tempat, memang itu.

Kita jangan kata tidak berlaku, tanah runtuh banyak kali. Bila hujan sahaja kita tidak sedar yang bawah itu lembik. Bila sudah jatuh, baru kementerian sibuk, buatlah itu, hendak ambil tindakan segera. Macam-macam. Tetapi sudah berlaku. Jadi, ini sebelum berlaku kementerian kena tengok dan lihat dalam perkara ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam bulan puasa itu sahaja saya hendak cakap. Dan saya ucapkan selamat berbuka puasa sebentar lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bachok.

**2.43 ptg.**

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.14 Butiran 010000 – Pengurusan dan di bawah Butiran khusus 010500 – berhubung dengan Pengawasan dan Penguatkuasaan.

Pertama sekali saya ingin bangkitkan berkait dengan suatu peraturan yang standard yang dicadangkan oleh pihak kementerian berhubung dengan sistem pembayaran *parking* ataupun tempat letak kereta. Kerana perkara ini telah banyak menimbulkan masalah kepada pengguna-pengguna yang hendak meletakkan kenderaan di petak-petak yang dikhaskan. Isunya ialah dari sudut penggunaan meter-meter bayar letak kereta yang menggunakan duit siling yang menyusahkan pengguna dan sebahagian besar mereka mendakwa tidak mencukupi duit siling. Oleh kerana kemudahan mesin yang ada kebanyakan disediakan adalah menggunakan siling.

Saya pergi ke Kuala Lumpur Central di dapati mesin bayaran *parking* mereka menerima bayaran menggunakan wang kertas. Jadi, kemudahan ini sepatutnya boleh dimanfaatkan oleh PBT kerana kemudahan mesin ini yang menerima pembayaran menggunakan wang siling dan juga wang kertas ini. Dengan cara ini juga boleh menyenangkan pembayaran tempat letak kereta dan di samping tidak menyusahkan pengguna itu sendiri.

Dalam perkara ini juga saya ingin membangkitkan iaitu berhubung dengan penguatkuasaan zon tunda dalam kawasan-kawasan perbandaran termasuklah DBKL sendiri atau mana-mana majlis perbandaran. Saya rasai paling tidak adil untuk mengisytiharkan zon tunda secara terbuka dan bebas ataupun secara meluas di semua kawasan-kawasan dalam majlis perbandaran ataupun dalam kawasan operasi PBT, kerana kita melihat isu yang penting untuk kita hujahkan satu-satu zon tunda ini diisytiharkan ialah kesan kepada lalu-lintas. Sekiranya kesan kepada lalu lintas ini menimbulkan *traffic* jam ataupun kesesakan yang melampau, maka perlu dipertimbangkan zon tunda tadi, dilaksanakan di kawasan yang berkenaan sahaja.

Tetapi di kawasan-kawasan yang lapang, kawasan yang bahu jalannya luas, pokoknya begitu rimbun dan sesuai untuk ditempatkan kenderaan untuk sementara, saya ingat perkara ini penguatkuasaan zon tunda tidak perlu, kerana banyak kes yang berlaku ada pihak PBT yang menggunakan khidmat penswastaaan kenderaan-kenderaan yang menunda ataupun tren-tren yang menunda kenderaan-kenderaan yang salah *parking* ini diswastakan kepada pihak tertentu maka tindakan pihak swasta untuk mendapatkan pendapatan lebih. Mereka mengambil kesempatan tanpa apa-apa satu amaran ataupun sesuatu pengetahuan kepada pihak tuan punya kenderaan, tiba-tiba mereka mendapati kenderaan mereka hilang dalam masa beberapa minit sahaja.

Sebab saya perhatikan tindakan pihak swasta yang mengambil upah ataupun yang mengambil kontrak daripada kerja menunda ini, mereka betul-betul mengambil peluang di atas kelalaiian pihak pengguna ataupun pemandu ataupun pemilik kenderaan daripada masa yang mereka tinggalkan dalam masa sekejap sahaja. Cara mereka melaksanakan operasi tunda itu begitu pantas menyebabkan mereka terpaksa membayar kompaun RM300.

Sedangkan ada kenderaan-kenderaan daripada luar kawasan, khususnya daripada kawasan yang tidak biasa dengan operasi zon tunda ini, mereka biasa alpa ataupun tidak sedar perkara ini berlaku dan mereka terpaksa mengambil satu belanja, menambahkan peruntukan khusus untuk membayar kompaun bagi menebus balik kenderaan mereka. Oleh kerana itu, .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Seri Gading bangun, ya.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Ya, silakan. Singkat sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bachok. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Kadangkala syarikat yang diswastakan oleh bandar raya atau majlis perbandaran yang menunda kereta salah *parking* dan sebagainya, memang sengaja mencari kesempatan atas kelemahan-kelemahan tertentu kepada pengguna supaya mereka dapat upah ataupun kewangan yang lebih dalam satu-satu hari, dalam operasi mereka. Sedangkan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan itu sebenarnya tidak sepadan dengan denda dan kesusahan yang diterima. Ambil contoh, macam di bandar raya. Orang daripada luar kawasan, kadang-kadang bukan tahu Segambut di mana. Kena pergi cari ke sana, kena bayar RM300 dan macam-macam.

Walhal kesalahan yang dibuat itu sebenarnya tidak berapa *second* pun sangat. Dan, pihak ini sebenarnya memang sengaja mencari peluang, sedangkan pihak polis sebenarnya kalau kita langgar *no entry* pun, ada kemaafan kalau tidak biasa. Ini tidak memang sengaja, macam diperangkap ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Seri Gading, bagi ucapan pula tu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sokong dia, hendak tanya apa lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak minta sikit penjelasan daripada sahabat saya Bachok. Boleh atau tidak agaknya mereka ini memberikan sedikit rasa peri

kemanusiaan dalam perkara-perkara seperti ini supaya jangan menyusahkan. Terima kasih.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff:** Ya, terima kasih. Saya bersetuju dan saya menganggap pandangan yang dikemukakan dan penjelasan yang cuba didapati daripada pihak Yang Berhormat bagi Seri Gading tadi perlu diberi perhatian oleh pihak semua PBT yang melaksanakan zon-zon tunda ini. Kerana asas untuk melaksanakan peraturan ini mestilah berorientasikan pendidikan kepada pengguna ataupun kepada masyarakat.

Yang kedua, tidak menimbulkan suatu imej zalim pihak penguasa kepada rakyat pengguna dan yang ketiganya jangan kita menampakkan kepada masyarakat bahawa matlamat pihak PBT melaksanakan sesuatu peraturan itu memberi satu kesan semata-mata untuk mendapat wang, lebih-lebih lagi dukacitanya wang itu disalurkan sebahagiannya kepada pihak syarikat yang menguruskan kerja-kerja sedemikian.

Dan yang akhirnya saya ingin menyebut berhubung dengan di bawah P.14, Butiran 01901 hingga 01905 berhubung dengan perancangan bandar dan desa ini. Satu isu yang berbangkit di pihak jawatankuasa perancang bandar dan juga bangunan ialah lambatnya jawapan yang disediakan serta pandangan-pandangan daripada pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa dalam meluluskan sesuatu pertimbangan untuk pembinaan bangunan-bangunan termasuklah rumah-rumah kediaman kerana alasannya pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk melaksanakan penilaian dan juga pandangan kepada permohonan-permohonan pembinaan-pembinaan yang tersebut.

Oleh kerana itu, saya melihat perkara ini perlu diatasi segera dalam arus pembangunan kita yang begitu pesat sekarang ini. Lebih-lebih lagi kita mementingkan kepada kualiti kerja yang begitu baik di peringkat jabatan-jabatan kerajaan dan perkara ini bukan sahaja berbangkit kepada pemohon-pemohon persendirian tetapi juga bagi pihak pemaju-pemaju sendiri serta lebih dukacita lagi ialah di antara jabatan-jabatan kerajaan sendiri.

Pengalaman saya sendiri dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan/Daerah misalnya, ada kes yang dirujuk kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa sampai 3 bulan tidak diberikan jawapan untuk mendapat maklum balas dalam kes-kes perancangan yang melibatkan agensi kerajaan sendiri. Jadi, perkara ini saya ingat pihak jabatan khususnya pihak kementerian harus mengambil satu standard yang kemas kini supaya asas-asas pertimbangan yang cepat dapat dibuat dalam memberi jawapan-jawapan ataupun pandangan-pandangan daripada pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa khususnya dalam pembinaan projek-projek perumahan yang begitu bertebar luas dalam negara kita hari ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batang Lupar.

**2.53 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 02000, Bekalan 14, muka surat 239 – Perancangan Pembangunan.

Saya ingin menyentuh sedikit soal perancangan ini yang mana telah disentuh oleh kawan saya dari ..... [Disampuk] Bukan, Sabah tadi. Saya amat bersetuju sekali tiap-tiap pekan baru yang kita hendak buat dan bandar-bandar baru yang kita hendak buat mestilah mempunyai perancangan ataupun pelan induk yang khusus kerana pelan induk ini akan dijadikan satu dasar kepada pembangunan di pekan-pekan ataupun di bandar tersebut.

Jadi, selain daripada itu, walaupun di negeri Sarawak telah membuat dasar ini iaitu tiap-tiap pekan walaupun sekecil 5,000 penduduk sahaja, tiap-tiap pekan itu mempunyai pelan induk yang tersendiri, di mana duduknya rumah pejabat kerajaannya, di mana duduknya rumah kediaman, di mana tempat industri kalau hendak dibangunkan, di mana pula tempat rekreasi kalau hendak dibuat dan bermacam-macam lagi telah dirancang dari awal dan perkara ini dikhaskan sebegitu rupa dan tidak boleh diubah oleh pihak majlis perbandaran tempatan. Ia hanya boleh diubah apabila pihak kerajaan negeri menerusi Kabinet mungkin bersetuju supaya perubahan itu dibuat, baru boleh dibuat. Kalau tidak,

mestilah mengikut perancangan-perancangan yang telah ditetapkan. Tetapi satu perkara yang saya hendak sentuh dalam hubungan ini ialah perancangan itu mestilah melihat dalam rangka jangka panjang. Kita tidak boleh melihat dalam rangka jangka pendek. Umpamanya, pada satu ketika dahulu, apabila negara kita ini dibangunkan, banyak bandar dahulu, kalau di Kuching boleh kita lihat satu lorong disebut nama lorong *India Street* dan *Carpenter Street*. Inilah lorong yang awal sekali. Kalau kita lihat lorong ini sekarang, tidak boleh dimasuki oleh kereta-kereta yang besar lagi kerana dahulu, dipandang pada zaman dahulu, masa dibuat pada tahun 1840-an dahulu, kita tidak mempunyai kereta, lori dan sebagainya. Tetapi sekarang tempat itu sudah tidak selesa lagi digunakan untuk kereta.

Nasib baiklah, Kerajaan Negeri Sarawak telah menukarkan India Street menjadi satu *walking mall*, dengan izin, dan telah dapat memberikan perubahan baru kepada tempat itu. Tetapi kalau tempat lain, kemungkinan tidak boleh ditukar sedemikian dengan sendirinya dan tempat itu akan menjadi sesak dan tidak mendatangkan kebaikan kepada semua orang.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada persoalan bomba. Bomba ini, Tuan Pengerusi, saya tidak banyak hendak bercerita panjang. Saya cerita hal Sarawak sahajalah. Soal dari Tebrau tadi – cerita rumah, bangunan tinggi dan sebagainya - saya tidak hendaklah sentuh rumah dan bangunan tinggi, teknologi canggih untuk memadamkan kebakaran di rumah tinggi, umpamanya.

Saya diberitahu bahawa di dunia ini hanya di Amerika dan Germany sahaja mempunyai teknologi untuk memadamkan kebakaran di tempat-tempat yang tinggi. Mungkin Malaysia menjadi negara yang ketiga kalau kita mewujudkan sistem untuk mengatasi masalah kebakaran di tempat yang tinggi tetapi persoalan yang saya hendak sebutkan di sini, Tuan Pengerusi ialah soal kebakaran. Sekarang musim tengkujuh ataupun musim landas di Sarawak, Dato' Seri. Jadi, eh, Tuan Pengerusi, minta maaf. [Ketawa]

Jadi, musim tengkujuh ataupun musim landas. Tidak lama selepas ini kita ada musim panas. Musim panas berlaku di Sarawak, banyaklah rumah panjang dan kampung-kampung di pedalaman berlaku kebakaran. Di kawasan saya, beberapa tahun lepas, lima, enam buah rumah panjang terbakar. Salah satu bilik rumah panjang terbakar, bermakna semua rumah panjang akan terbakar.

Jadi, persoalannya banyak juga, kementerian menghantar bomba untuk orang kampung tetapi malangnya satu unit hos dengan jentera bomba ini mempunyai harga yang tidak kurang daripada RM40,000. Jadi, kalau di kawasan saya mempunyai tidak kurang daripada 80 buah kampung dan rumah panjang, berkemungkinan kementerian tidak mendapat sumber kewangan yang begitu banyak untuk meluluskan permohonan-permohonan daripada orang kampung, tetapi tiap-tiap kampung di pedalaman mesti meminta supaya dilihat perkara ini sebagai satu perkara yang amat penting bagi mereka kerana dahulu kita tidak ada sumber elektrik. Sekarang sumber elektrik sudah ada, mungkin masalah elektrik, pendawaian dan sebagainya juga boleh mendatangkan kebakaran. Ini pula kerajaan yang mungkin baik diuruskan oleh kontraktor-kontraktor yang membuat pendawaian dan sebagainya di luar bandar.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Pengerusi, saya meminta kepada kementerian supaya melihat, sebagaimana saya selalu cadangkan, tiap-tiap tahun kita jangan buat secara ad hoc, kita buat secara sistematik iaitu memberikan peruntukan-peruntukan tertentu kepada tiap-tiap tempat Ahli Parlimen di luar bandar untuk mewujudkan jentera-jentera dan hos tersendiri di kampung-kampung yang besar di tempat-tempat yang tertentu. Dan kalau kita tidak boleh membeli jentera ini dengan harga yang murah, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mewujudkan satu unit *research* untuk membina mesin kita sendiri ataupun jentera kita sendiri, mungkin dengan harga yang murah ataupun pergi ke negeri China di mana enjin ini didapati dengan harga yang jauh lebih murah daripada apa yang kita dapat di pasaran kita untuk membekalkan kepada masyarakat di luar bandar yang mana mesin ini mungkin jenis yang kita pandang dalam keadaan yang canggih ini jenis 70-an dan 80-an tetapi boleh digunakan di luar bandar dan boleh dibeli dengan secara murah dan kita laksanakan secara strategik. Tidak payah Ahli Parlimen itu memohon, tidak payah wakil rakyat itu memohon dan tidak payah siapa Menteri pun

hendak memohon, supaya dilaksanakan di tiap-tiap kawasan luar bandar dikhaskan. Okey, tiap-tiap kawasan itu diberi 5 ataupun 6 unit mesin tiap-tiap tahun dengan harga yang murah ini ataupun kita suruh orang buat *competition* siapa yang boleh keluarkan mesin ini dengan harga yang murah dan hos yang murah dan kita beri kontrak kepada dia kalau dia betul-betul boleh mengeluarkan mesin yang murah untuk membekalkan perkakas bomba ini ke luar bandar.

Dalam konteks yang sama, Tuan Pengerusi, saya melihat juga dalam penjelasan di sini, soal panggilan kebakaran. Dalam laporan di sini, saya melihat pada tiap-tiap tahun kita menerima tidak kurang daripada 23,000 panggilan kebakaran bagi tahun 2000, 2001 dan 2002, dan 2,000 daripada panggilan itu adalah panggilan palsu. Tetapi kalau tidak salah saya, pada satu ketika dahulu saya membaca dalam surat khabar bahawa panggilan palsu ini jauh lebih banyak daripada apa yang ditunjukkan dalam kertas rasmi ini. Jadi, saya ingin tanya dengan kementerian, sama ada tepat ataupun tidak, yang dikatakan dalam surat khabar ataupun yang dalam kertas rasmi ini mengatakan bahawa hanya ada 2,000 panggilan palsu pada tahun 2001 dan 2002. Kalau ada angka-angka yang tepat, adakah ini menunjukkan satu tempat sahaja ataupun di seluruh Malaysia, kita hanya mempunyai 2,000 panggilan palsu sahaja?

Kalau panggilan itu, sebagaimana yang saya nampak kalau tidak salah, sampai 100 ribu lebih panggilan palsu satu tahun di seluruh Malaysia, apakah tindakan kementerian ataupun kerajaan supaya mengatasi masalah ini kerana panggilan palsu ini amat penting diatasi oleh kerana saya melihat tiap-tiap kali jentera bomba ini keluar, mungkin dalam keadaan yang sesak, bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada orang-orang lain yang menggunakan jalan ketika itu tetapi perlu mereka juga perlu menjalankan tugasnya. Kalau tidak dibuat sedemikian dan kalau dia berbuat sedemikian, bila sampai ke tempat yang di mana panggilan itu difikirkan berlaku, datangnya bomba itu tetapi kebakaran itu tidak berlaku.

Ini adalah satu situasi yang pertama dan situasi yang kedua pula yang mana apabila operator di pejabat bomba menerima panggilan dan polis pun menerima panggilan sedemikian, banyakkah kerenahnya, tanyalah nama, tanyalah IC kad, nombor dan tanyalah di mana alamat, tanyalah tempat lepas itu telefon balik, beri nombor telefon supaya dapat dipanggil balik untuk *counter check* sebab selalu sangat menerima maklumat-maklumat palsu, jadi terpaksa dibuat *counter check*. Masalah *counter check* ini memakan masa yang panjang apabila masa panjang berlaku, rumah terus terbakar. Jadi kalau benda ini betul-betul berlaku ini juga mendatangkan bahaya kepada orang yang terkena nahas ataupun terkena malapetaka kebakaran. Jadi kita perlu adakah satu penyelidikan khusus dalam persoalan panggilan-panggilan palsu ini dan macam mana untuk mengatasi masalahnya. Jadi Tuan Pengerusi, saya pun dah cakap hampir 7 minit .....

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat dah cukup dah ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi itulah saja cakapan saya dan akur kepada arahan Tuan Pengerusi dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya Tambun.

### 3.02 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah kerajaan tempatan mengenai dengan rancangan struktur. Kita sedar pada tempoh waktu tertentu pelan struktur akan disediakan untuk bandar-bandar besar dan setelah 10 atau 20 tahun, dilakukan pindaan ke atas pelan struktur tersebut. Antara tujuan pelan struktur disediakan adalah untuk kerajaan mendapat maklum balas daripada penduduk supaya rancangan pembangunan bagi satu-satu kawasan sesuai mengikut selera dan kehendak penduduk. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan pelan struktur ini di atas beberapa perkara.

Pertama, saya menganggap pelan struktur sebagai satu sistem demokrasi yang ideal di mana kita bercakap tentang penyertaan daripada rakyat ataupun masyarakat. Sehubungan dengan itu, dari segi konsep penyertaan awam atau penyertaan rakyat,

bagaimanakah kayu pengukur yang dibuat oleh pihak kementerian. Saya mengambil contoh daripada pelan struktur Ipoh yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh. Saya meminta maklum balas daripada pihak pegawai kerajaan, didapati bahawa penyertaannya tidak ramai, bawah daripada 100 penyertaan. Jika dibandingkan dengan lebih kurang 100 ribu keluarga di dalam kawasan Bandaraya Ipoh maka penyertaan ini dianggap penyertaan yang begitu kecil. Tentulah kita mempunyai satu kayu pengukur, kita mahu 5% atau 10% daripada keseluruhan keluarga dalam kawasan-kawasan tersebut supaya ini dapat mencerminkan pandangan dan penyertaan masyarakat seperti mana tujuan dan asas pelan struktur ini dipamerkan untuk mendapat bantahan awam.

Kedua, saya dapati bahawa proses pameran awam ini tidak dilaksanakan dengan begitu bersungguh-sungguh. Ada dua kawasan yang memerlukan kepada proses bantahan awam ini dilakukan. Satu kawasan yang sedia ada dan satu kawasan yang akan diperluas. Kawasan yang akan diperluas ini akan menjadi dua kali lebih besar daripada kawasan yang ada. Saya dapati dari segi proses bantahan awam ini, ia tidak dilakukan dengan kempen secara besar-besaran. Pameran-pameran hanya di letak di kawasan-kawasan kompleks jual beli yang hanya dikunjungi oleh pihak-pihak tertentu. Oleh yang demikian, di dalam kawasan yang sedia ada pun penglibatan tidak ramai.

Kemudian, kita ambil pula dari segi kawasan yang hendak dimasukkan ke dalam kawasan bandar raya, yang dua kali lebih besar daripada kawasan sekarang. Adakah dari segi peraturan, pameran ataupun kempen ini tidak perlu dilaksanakan di kawasan tersebut yang sudah melepasi proses bantahan awam dalam satu pelan struktur, kerana dalam pengalaman saya mengenai dengan pelan struktur Ipoh yang dibuat pada awal tahun ini, tidak ada sebarang program yang dilakukan untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka yang di luar kawasan yang hendak dimasukkan ke dalam kawasan bandar raya. Dengan itu kita dapati bahawa penglibatan orang ramai tidak begitu membanggakan ataupun pada kiraan saya, jauh daripada yang sepatutnya.

Kemudian saya ingin pula bertanya, apakah asas di mana pihak majlis tempatan membuat satu-satu keputusan supaya satu-satu kawasan dapat dimasukkan di dalam majlis bandar raya? Saya ambil balik contoh yang saya berikan tadi, ada dua kawasan yang sedia ada dan kawasan luar yang ingin dimasukkan. Kalau kita lihat dari segi kemampuan kewangan bandar raya, kawasan sekarang dianggap sebagai kawasan yang boleh menghasilkan cukai pintu yang banyak, manakala kawasan baru yang dua kali lebih besar daripada sekarang akan dapat menghasilkan cukai pintu yang tidak banyak.

Jika ini menjadi satu fakta maka kita dapati apabila kawasan baru ini dimasukkan, besar kemungkinan majlis bandar raya tidak akan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai keperluan pembangunan di kawasan baru ini. Terutama apabila satu kawasan dimasukkan dalam kawasan majlis bandar raya, tentulah ia mempunyai standard-standard pembangunan yang sepatutnya dan kita sedar di kawasan-kawasan luar daripada dalam bandar raya ini, keperluan-keperluan prasarana begitu minimum malah jika kita buat kajian pula, kawasan yang sedia ada juga masih lagi belum mencukupi keperluan prasarana, bagaimana pula dengan kawasan-kawasan yang baru? Jadi ini adalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh orang ramai dan saya harap mendapat penjelasan daripada kementerian. Apakah asas-asas yang ditetapkan oleh kementerian ataupun majlis tempatan untuk menentukan satu-satu kawasan masuk di dalam kawasan bandar raya.

Seterusnya mengenai dengan bantahan awam pelan struktur. Saya dapati bahawa proses tersebut tidak dijalankan dengan agak memuaskan. Setelah kita membuat pameran dan diberi tempoh waktu tertentu untuk orang ramai membuat bantahan, selepas itu tentulah ada mesyuarat bantahan awam, bilakah mesyuarat ini akan diadakan? Jika diikuti dari segi jadual sudah ditetapkan tempoh waktu tertentu, tetapi di dalam konteks ini, tempoh-tempoh tertentu itu tidak dijalankan dan akhirnya kita pun tidak tahu apa yang akan berlaku dan yang paling merugikan. Apabila kita menyediakan memorandum, kita memberikan pemikiran kita bagaimanakah kawasan-kawasan ini patut dilaksanakan sebelum bantahan awam dibawa dalam mesyuarat, laporan kita atau memorandum kita diambil untuk mesyuarat, tiba-tiba bandar raya membuat rancangan pembangunan dan apa yang kita berikan kepada mereka tidak diambil kira oleh pihak bandar raya.

Jadi apakah gunanya kita membuat satu laporan, memorandum bantahan awam, mengumpul orang ramai untuk menyediakan satu memorandum untuk mendapatkan pandangan, kemudian mesyuarat tidak diadakan. Dalam keadaan itu pula, pihak Bandaraya pula melaksanakan pembangunan dan tidak mengambil kira pandangan kita, pandangan wakil rakyat, pandangan persatuan-persatuan dan pandangan orang ramai.

Satu lagi perkara mengenai dengan Majlis Bandaraya, saya dapat lihat dalam pelan struktur tersebut, keinginan pihak Bandaraya untuk menjadi sebuah badan korporat. Saya tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Mereka yang terlibat dalam sektor korporat menghadapi masalah untuk *survival*. Bagaimana satu agensi kerajaan pula hendak masuk dalam bidang korporat dan mempunyai keyakinan bahawa ia boleh mengatasi orang yang sudah memang begitu kompeten dalam bidang korporat ini. Jadi, saya berharap satu penjelasan dapat diberi.

Tuan Pengerusi, perkara kedua dan akhir, saya ingin menyentuh mengenai dengan rancangan perumahan awam kos rendah. Saya menganggap rancangan perumahan awam kos rendah adalah salah satu daripada program kerajaan yang amat berjaya untuk menyediakan rumah kepada mereka yang berpendapatan rendah dan saya ingin supaya rancangan perumahan awam ini digunakan dengan lebih baik lagi supaya akhirnya mereka yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah.

Saya dapati di bawah sistem sekarang ini, pihak kerajaan menyediakan rumah, kemudian kerajaan akan menyenaraikan beberapa orang peserta untuk mendiami rumah tersebut dan perjanjian adalah berasaskan, dengan izin, *lease and buy-back*. Dan sistem ini baik – dua puluh tahun atau tiga puluh tahun bagi mereka yang berpendapatan rendah membayar sebanyak RM70 kepada RM100 dan akhirnya pada dua puluh atau tiga puluh tahun akan datang, mereka akan memiliki rumah tersebut.

Apa yang saya ingin syorkan di sini adalah kalau kita ikut kepada *cycle* tersebut, dua puluh hingga tiga puluh tahun satu *lease agreement*, kemudian dia *buy-back*, bermakna memerlukan masa dua puluh atau tiga puluh tahun. Tetapi ada juga mereka yang menjadi peserta sekarang ini, yang oleh kerana anak mereka berpendapatan tinggi, mereka mempunyai kemampuan. Jadi, *life-cycle* ini boleh dipendekkan. Saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya kita tidak begitu berpegang kepada perjanjian tersebut – dua puluh atau tiga puluh tahun. Jika ada di kalangan peserta yang boleh beli pada tempoh lima tahun atau sepuluh tahun, kita jual terus kepada mereka supaya dari segi kerajaan kita dapat memungut kewangan dan ini dapat dijadikan modal pusingan untuk kita buat lebih banyak lagi rumah.....

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd.Hanadzlah:** Oh cukup? Sedikit lagi. Supaya kerajaan dapat meneruskan dengan lebih rancak lagi usaha untuk mendirikan rumah-rumah di bawah rancangan perumahan awam kos rendah. Terima kasih.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi. [Membaca *salawat*] Saya merujuk kepada B.14, 00500 – Pelupusan Sisa Pepejal. Isu yang ingin saya bangkitkan ialah jenis *incinerator* yang akan dipesan oleh kerajaan dan ini melibatkan satu perbelanjaan yang besar. Di bawah kepala ini kerajaan memperuntukkan pada tahun ini sejumlah RM114 juta dan pada tahun yang lalu RM264 juta. Keseluruhan peruntukan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ialah RM3.1 bilion, dan ini adalah satu anggaran, bukan satu jumlah yang muktamad.

Baru-baru ini mengikut laporan akhbar, Yang Berhormat Menteri Perumahan telah melawat Singapura untuk menilai dan meninjau jenis *incinerator* yang harus dipesan bagi kegunaan bandar raya kita dan jenis yang digunakan di Singapura ialah jenis *stoker*. Tetapi kemudiannya saya difahamkan bahawa kementerian telah beralih kepada satu jenis yang lain iaitu jenis *gasification* dan ini saya perolehi berdasarkan maklumat laporan EIA yang telah diarahkan dibuat oleh kementerian ini untuk pemasangan projek *incinerator* berasaskan *gasification*.

Saya telah cuba mendapatkan beberapa *literature* berkenaan dengan perbandingan kedua-dua *incinerator* ini dan saya telah memperolehi sebahagian daripada petikan dalam *Nikan Kogio*, sebuah majalah *Japan Industrial Daily* yang diterbitkan di Jepun pada 23 Mei 2001. Mengikut laporan ini ada beberapa kelemahan ketara bagi mesin atau pun teknologi *incinerator* berasaskan *gasification*.

Untuk makluman Dewan ini, pada keseluruhannya bandar raya di dunia, mesin yang mereka gunakan atau pun teknologi yang mereka gunakan ialah jenis *stoker*, baik di Singapura yang telah pun ditinjau oleh Menteri kita mahu pun di lain-lain ibu kota besar di dunia. Di Jepun sendiri jenis *gasification*, tujuh buah - dua buah baru bermula pada tahun 2001 dan lima buah masih dalam pembinaan. Dari segi *track record gasification* tidak mempunyai rekod untuk dibuat perbandingan, tetapi *stoker* telah mempunyai *track record* yang tertentu.

Tetapi pada hari ini saya ingin memetik apa yang telah disebutkan oleh majalah atau pun akhbar *Nikan Kogio* tentang pemasangan *gasification* yang telah dilakukan oleh sebuah syarikat yang juga bercadang untuk membekalkannya kepada Malaysia, iaitu Ibara yang telah pun diberi kesempatan ulung untuk melaksanakan projek printis *gasification* ini di Oumori, di Jepun. Mereka telah terpaksa membuat satu *modification* sepanjang 2000-2001 kerana beberapa masalah berikut. Masalah yang paling besar ialah dipanggil, dengan izin, *waste heat boiler* yang menghasilkan satu masalah, sehingga sejumlah 8.5 bilion yen terpaksa digunakan – 8.5 bilion yen telah digunakan untuk membuat *modification* ataupun pembetulan kepada jenis *gasification* ini dan kemudiannya Ibara telah diberikan satu projek yang lain dan sekali lagi dua *modification* terpaksa dilakukan. Sejumlah 15.5 bilion yen lagi terpaksa digunakan untuk memperbaiki mesin tersebut dan ini dipanggil sebagai *exhaust treatment plant for a heavy oil fired power plant* yang bermasalah yang telah dipasang juga oleh Ibara yang berasaskan kepada teknologi *gasification* ini.

Masalah ketiga mereka ialah apa yang dipanggil *ASR treatment system* yang dikatakan *adalah very difficulty to operate* dan ini adalah di antara ciri ketiga *gasification* ini. Masalah keempat mereka, *the root of the problem*, dengan izin, ialah *shredder dust from the furnace* yang mengikut laporan ini menyebabkan kepanasan yang lebih tinggi dan menyebabkan kadang-kadang mesin ini menghadapi masalah untuk bergerak ataupun berjalan.

Ini adalah ringkasan daripada apa yang terdapat dalam petikan majalah tersebut dan saya berharap ini dipandang serius oleh Kementerian ini. Ini adalah satu pandangan rasmi dalam sebuah majalah yang berpengaruh di Jepun dan saya yakin bahawa kementerian ini tidak terlindung daripada mendapatkan maklumat seperti ini. Tetapi oleh sebab-sebab yang tertentu mungkin kerajaan terpaksa ataupun bercadang mengalihkan jenis *stoker* kepada *gasification*. Ini berasaskan kepada budaya niaga orang-orang Jepun.

Kita telah pun menghadapi masalah dalam masalah *kick-back* daripada kes Mitsui sebanyak RM10 juta, dan sampai hari ini siasatannya belum selesai. Pada hari ini sekali lagi pedagang Jepun datang untuk mengiklankan satu teknologi baru yang belum teruji dan kita diperingatkan apabila Timbalan Perdana Menteri, bekas Menteri Kewangan pada masa itu, Dato' Seri Anwar Ibrahim, apabila bercakap tentang laporan Price-Waterhouse mengenai isu Perwaja, telah mendedahkan satu mesin yang dipesan oleh Perwaja daripada Jepun juga tidak dapat dipakai sehingga pada waktu itu terpaksa dipulangkan dan operasi Perwaja terpaksa ditangguhkan.

Saya akan pergi secara lebih lanjut tentang perbandingan harga terhadap mesin ini. Mengikut maklumat pasaran yang saya telah peroleh dari segi *initial cost*, kos pemasangan sahaja '*gasification*' lebih mahal 40-60% daripada teknologi *stoker* dan yang lebih penting ialah kos untuk *operating cost* kepada mesin ini adalah 35% lebih mahal daripada mesin *stoker* dan mengikut ciri yang telah diperiksa oleh pakar-pakar tertentu, jenis *stoker* tidak menghadapi masalah *safety* tetapi jenis '*gasification*' menghadapi risiko untuk *handling gas and carbon*. Ini adalah satu ciri lain kepada '*gasification*' dan yang lebih penting ialah dalam persoalan ini, mengapa walaupun tanpa asas-asas teknologi yang terbukti, kita bercadang untuk membeli mesin '*gasification*' dan mengapakah berasaskan kos yang lebih tinggi kita berminat untuk memperolehi mesin ini sedangkan *stoker* adalah satu mesin yang telah pun terbukti kapasitinya di seluruh dunia.



Saya dalam kes ini berharap mendapat penjelasan yang memuaskan dan saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah kos yang akan dikenakan apabila kita memasang mesin yang lebih mahal daripada sepatutnya. Tentulah kos ini akhirnya akan dibebankan kepada para pengguna. Apakah mekanisme peralihan kos penggunaan teknologi ini kepada pengguna yang dicadangkan oleh kementerian ini berasaskan cadangan untuk membina lima buah mesin, tiap-tiap satu kapasitinya ialah 300 tan dalam satu hari dan empat mesin berjalan dalam satu hari serentak. Satu mesin diberikan *rest* dan berasaskan ini, bererti kita akan menjana pelupusan sampah dengan mesin ini dalam 1200 tan ataupun 1200 – 1500 tan satu hari. Tetapi yang lebih penting *stoker* mempunyai kapasiti di mana *maintenance days* nya dalam setahun hanyalah dalam 50 hari tetapi '*gasification*' jangka untuk keperluan harian rawatannya ialah dalam 70 hari, lebih tinggi daripada mesin *stoker*. Tetapi kita masih lagi berminat dengan mesin '*gasification*' ini untuk pemasangan di Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Masa sudah cukup, boleh saya gulung.

**Tuan Pengerusi:** Ha.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan kos muktamad dan asas-asas bagi pemesanan mesin ini dan juga apakah pandangan-pandangan pakar telah pun diperolehi bagi pesanan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

### 3.23 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara B.14 tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang pertama tentang penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan. Yang pertama walaupun perkara ini telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tentang stesen pemancar yang berada di seluruh negara ini. Namun saya ingin mengambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini iaitu kita masih menerima banyak aduan daripada orang awam tentang masalah di mana mereka kuarir tentang ancaman kesihatan yang berkemungkinan timbul daripada menara pemancar telekomunikasi ke atas kesihatan rakyat.

Kita semua sedia maklum bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Saya berharap pihak berkuasa tempatan..., oleh kerana garis panduan telah diberikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan beberapa tahun yang lalu, saya ingin tahu mengapa pihak berkuasa tempatan di seluruh negara tidak peka dan prihatin tentang hal ini. Sehingga sekarang bila ada aduan daripada orang awam baharu mula bergerak, mengambil statistik tentang berapa banyak stesen pemancar telekomunikasi di semua kawasan pihak berkuasa tempatan. Mengapa selama ini mereka tidak ada rekod dan tiada tindakan kepada syarikat-syarikat yang memasang menara pemancar telekomunikasi tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan.

Adakah ini satu sikap tidak apa, *attitude* tentang hal ini dan saya berharap pihak kementerian dapat maklumat daripada semua pihak berkuasa tempatan dan memberikan maklumat kepada kita, berapa banyakkah sehingga kini stesen atau menara pemancar telekomunikasi yang telah dipasang tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan. Kerana selain daripada kita tahu sehingga sekarang masih tidak ada bukti yang tertentu tentang ancaman kesihatan. Tetapi di bawah undang-undang kecil bangunan, memang sesuatu pemasangan *structure* itu perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk keselamatan pendirian atau pembinaan *structure* itu. Mengapa selama ini mereka tidak ada dikenakan tindakan daripada pihak berkuasa tempatan. Apa sebabnya?

Yang kedua, saya ingin tahu bilakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengadakan mesyuarat. Saya dengar dalam bulan ini ia akan mengadakan mesyuarat dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia tentang garis panduan yang baru

yang bakal diwujudkan untuk mengawal pemasangan menara pemancar telekomunikasi di seluruh negara.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang keadaan premis makanan dalam kawasan pihak-pihak berkuasa tempatan terutama di bandar-bandar besar. Sehingga masa kini negara kita ada wawasan untuk menjadikan negara yang moden tetapi nampaknya premis restoran atau tempat premis makanan pusat penjaja terutama dapur, tandas adalah dalam keadaan yang masih kotor, tidak teratur dan kadang-kadang kita pergi menikmati makanan di restoran, bila kita pergi ke bahagian dapur dan tandas, kita dapati keadaan masih tidak bersih dan kadang-kadang tandas pun rosak, pam pun tidak berfungsi dan keadaan memang nampak tidak mengikut piawaian yang dikehendaki.

Saya berharap pihak berkuasa tempatan mempertingkatkan kerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan supaya dapat mempertingkatkan tahap kebersihan di premis-premis makanan. Yang kedua semua orang ada memakai kereta, semua orang ada pergi kiosk minyak, kita kadang-kadang perlu ke bilik mandi dan tandas tetapi nampaknya kebanyakan tandas dan bilik mandi di kiosk minyak adalah dalam keadaan yang tidak teratur dan kotor. Ini adalah penting supaya kita melalui penguatkuasaan undang-undang oleh pihak penguasa tempatan perlu mempertingkatkan tahap kebersihan bilik tandas dan bilik mandi di kiosk minyak. Tuan Pengerusi, saya pun ingin menyentuh tentang pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berhasrat mulai tahun 1996 pada tahun itu kalau tidak silap ada memperuntukkan RM100 juta untuk projek menutupkan parit-parit di tepi jalan, dalam negara kita ini terutamanya di bandar-bandar besar.

Di sini saya ingin tahu sejauh manakah pencapaian projek penutupan parit-parit tepi jalan. Saya nampak di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru memang ada projek-projek begini dijalankan tetapi masih belum sampai tahap yang memuaskan. Saya ingin tahu sama ada arahan ini atau hasrat ini ditujukan kepada semua bandar besar di negara kita ini dan sama ada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada memberikan arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan melalui kelulusan pelan untuk taman-taman perumahan supaya mewajibkan semua pemaju perumahan, bila mereka mengadakan projek perumahan, mesti adakan *under drainage*, iaitu semua parit di tepi jalan di projek perumahan yang baru, mesti ikuti piawaian *under drainage*, iaitu semua parit di tepi jalan mesti jenis yang bertutup kerana ada kebaikannya.

[Timbalan Pengerusi (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pertama, ia nampak bersih dan selamat terutama kepada budak-budak dan orang tua. Kalau parit tidak tutup, kita dapati ada parit-parit yang sangat dalam, kemungkinan budak-budak atau orang tua jatuh dan akan hilang nyawa. Yang penting ada kebaikan kalau kita tutupkan parit tepi jalan. Yang kedua ia boleh mengelakkan orang ramai buang sampah ke dalam parit, kerana bila mereka buang sampah ke dalam parit dan parit penuh dengan sampah, itu satu pandangan yang buruk dan bila hujan lebat seperti yang berlaku di Kuala Lumpur ia mengakibatkan banjir kilat. Ini satu perkara yang kita perlu perhatikan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

**Tuan Chang See Ten:** Akhir sekali, yang ketiga, ia boleh mengadakan lebih tempat untuk *walkway*, iaitu tempat letak kereta untuk digunakan oleh orang ramai. Ini adalah cadangan dan saya harap apa yang saya sampaikan itu dapat perhatian daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya terpaksa benarkan dua orang lagi bercakap. [Disampuk] Kota Melaka, sila.

**3.32 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Bolehkah Tuan Pengerusi check jam atas sana. Saya rasa selalu saya ikut sahaja...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sekarang ini pukul 3.32, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Okay, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua minit, ke 32, jam itu sudah cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Perancangan Pembangunan, aktiviti Perumahan. Saya ingin mengulangi saranan yang saya telah buat di Parlimen ini iaitu bahawa masa sudah sampai untuk kementerian menggubal satu undang-undang mengawal pembangunan projek komersial. Oleh kerana begitu ramai para pembeli telah menderita dan tertipu dan begitu banyak juga projek komersial telah terbengkalai. Tetapi walaupun kita telah merdeka 44 tahun, sampai hari ini tidak ada satu undang-undang yang mengawal pemaju komersial. Kemungkinan ramai rakyat tahu bahawa seorang pemaju komersial boleh mulakan projeknya tanpa apa-apa lesen pemaju.

Jadi, saya tidak begitu puas hati dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri semasa beliau menggulung pemindaan Akta Pemaju. Beliau telah mengatakan bahawa 'housing' itu tidak bermakna komersial projek. Kalau itu jawapannya, jadi siapakah yang akan bertanggungjawab untuk melaksanakan satu undang-undang.

Saya dapat begitu banyak aduan daripada para pembeli, dalam S&P yang mereka sign dengan pemaju, ada yang tidak sebut langsung tempoh penyerahan, (*delivery of vacant possession*). Ada yang langsung tidak sebut LAD. Bagaimana kalau lewat gagal memberikan tanah atau rumah mengikut satu tempoh bagaimana mereka boleh menuntut faedah. Dan ada juga bermacam-macam masalah telah dihadapi oleh para pembeli, jadi saya rasa tidak boleh kita melengahkan lagi dan kerajaan haruslah menggubalkan satu undang-undang.

Kalau Yang Berhormat Menteri datang daripada parti dan sanggup melaksanakannya, saya cadangkan supaya kementerian ini dijawab oleh seorang ahli Parlimen dari Gerakan. Oleh kerana Gerakan sentiasa mengatakan mereka adalah *conscience* kepada Barisan Nasional. Saya tahu bahawa Presiden MCA pernah mengatakan bahawa the largest financial contributors to MCA are the developers. Jadi, saya tidak mahu bahawa alasan ini menjadi ia sebab mengapa tiada satu undang-undang yang akan dilaksanakan di negara ini. Ini untuk menjaga kepentingan para pembeli.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 040000 - Aktiviti Kerajaan Tempatan. Yang pertama sekali saya ingin menyeru supaya kementerian mengadakan garis panduan berkenaan dengan pelantikan Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan. Di Melaka kita ada tiga majlis tempatan iaitu MPMBB, Majlis Daerah Jasin dan juga Majlis Daerah Alor Gajah. MPMBB di Melaka sekarang dijawab oleh bekas Setiausaha Politik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Alor Gajah dijawab oleh seorang bekas jurutera di Tenaga Nasional Berhad yang latar belakangnya saya difahami adalah orang kuat Belia 4B dan di Jasin pula dijawab oleh seorang yang latar belakangnya ialah orang UMNO.

Jadi, pandangan rakyat ialah bahawa orang-orang ini semua dilantik sebagai Yang di-Pertua secara kontrak dan ini adalah dilihat sebagai sebagai kronisme. Macam-macam saya telah dengar di Melaka, saya tidak akan tuduh tanpa bukti, tetapi bukti ini bukan satu gejala yang sihat dan saya minta supaya kementerian mengadakan satu garis panduan untuk memberhentikan supaya pegawai-pegawai dalaman yang berkelulusan yang layak harus dilantik sebagai Yang di-Pertua majlis, dan bukan orang-orang politik yang berdekatan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka itu dilantik pula sebagai Yang di-Pertua secara kontrak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya kursus undang-undang diadakan untuk semua ahli majlis supaya mereka tahu melaksanakan kerja mereka dengan betul. Di Melaka, kerajaan tempatan, MPMBB telah memaksa 14 buah rumah pangsa di Melaka, semua penduduk supaya menerima penawaran daripada MPMBB iaitu Majlis Perbandaran Melaka Bandar Bersejarah supaya kerja pembersihan koridor mereka dan kawasan lapang mereka itu dijalankan oleh kerajaan tempatan dan harga yang dikenakan itu begitu mahal sekali, cuma bersih, tidak termasuk penyelenggaraan. Bagi

rumah satu unit bilik RM15 sebulan, bagi dua bilik RM20, bagi tiga bilik RM30, bagi *shophouse* RM50. Ini lebih mahal daripada cukai pintu. Begitu ramai orang bantah tetapi kerajaan tidak hiraukan.

Saya telah tulis surat kepada Yang di-Pertua MPMBB Melaka, sudah dua bulan beliau tidak berani jawab soalan saya. Soalan saya senang sahaja, "di mana satu undang-undang yang membolehkan kerajaan tempatan memaksa penduduk-penduduk rumah pangsa swasta untuk menerima tawaran daripada kerajaan tempatan". Saya telah juga berjumpa dengan pengarah undang-undang MPMBB dan jawapan beliau ialah "*I have to consult the State Legal Adviser*".

Saya cakap terus terang dengan pegawai yang merupakan kawan saya juga. Saya kata, "*Kalau you have the answer you don't have to refer to the State Legal Adviser*". Tetapi saya harap bahawa kementerian akan menasihatkan kerajaan tempatan di Melaka termasuk juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bahawa ini adalah salah daripada segi undang-undang dan kalau boleh pecatlah dia. Tetapi ini semua cerita sahaja, mana boleh pecat.

Tuan Pengerusi, satu lagi, lawatan sambil belajar yang sentiasa dilakukan itu bila mereka pergi ke negara China, semua pergi beramai-ramai. Saya tidak faham, saya telah banyak kali kata bahawa kalau syarikat ini sendiri tidak akan hantar rombongan yang begitu besar ke luar negara. Jadi, ini adalah satu pembaziran wang rakyat dan ini semua harus diberhentikan. Perkara yang terakhir yang saya ingin bawa ialah bahawa kerajaan tempatan juga janganlah meluluskan permintaan projek-projek yang tidak munasabah yang dibantah oleh rakyat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading berdiri. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya hendak tunjukkan di sini.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya hendak tunjukkan di sini ..... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini surat khabar Cina, edisi Melaka *[Menunjukkan surat khabar Cina]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bagi Yang Berhormat Sri Gading ini?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini ada orang yang buat bantahan, kanak-kanak.....*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, hendak bagikah tidak?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini berkenaan dengan kawasan lapang di taman perumahan. Di Taman Merling Permai di Melaka, kawasan lapang telah dicerobohi dan balai rakyat telah didirikan oleh 'JAPRUN'. Ini tempat yang digazetkan atau direservakan sebagai kawasan lapang, tiba-tiba 'JAPRUN' Bachang telah dirikan balai rakyat dan walaupun bantahan telah dibuat dengan begitu ramai rakyat yang membantah, mereka enggan menarik balik keputusan itu atas alasan bahawa kerajaan tempatan telah

meluluskan projek itu. Di Taman Pulau Gadong di Melaka juga, kawasan lapang pula kena bagi jalan untuk membina sekolah agama. Saya tidak bantah pembinaan sekolah agama tetapi apakah sebabnya, kawasan lapang yang selama ini digunakan untuk kegunaan rakyat tempatan pula dirampas?

Jadi, walaupun dia ada ganti, tetapi cara dibuat itu tidak disambut baik oleh rakyat tempatan. Jadi, saya rasa bahawa kementerian haruslah mengadakan juga garis panduan yang betul. Saya masih ingat pada tahun 1986, apabila saya pertama kali menjadi ADUN Melaka. Ada satu kawasan yang namanya Taman Kerjasama Fasa II di Melaka, di mana sebuah surau telah didirikan di atas kawasan lapang dan begitu tegangnya apabila masalah itu menjadi satu kontroversi. Jadi, saya harap kementerian akan memandang serius perkara-perkara ini dan mengeluarkan garis panduan kepada semua kerajaan tempatan supaya mereka jangan sahaja membenarkan 'JAPRUN'kah, JKKkah, mendirikan balai rakyat di atas kawasan lapang yang selama ini telah direservakan untuk rekreasi atau kegunaan penduduk tempatan. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, saya minta maaf. Memanglah 10 minit tiap-tiap orang. Kita hanya ada tinggal 11 hari lagi sedangkan 23 kementerian yang kita mesti habiskan. Jadi, itu sebabnya kita mesti habiskan. Ini bulan puasa. Kalau kita hendak sambung malam, itu terpulanglah. Saya tidak ada hak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Serdang Yang Berhormat. Selepas ini, saya minta kementerian menjawablah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta maaf.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kementerian lain.

**3.43 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 031000.....*[Disampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah bagi keputusan, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Kemajuan Perkampungan. Tuan Pengerusi.....*[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, boleh minta penjelasankah Yang Berhormat Menteri? Saya beri pandanganlah. Sila, sila.

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya mendapati bahawa tahun depan, Kemajuan Perkampungan ada diperuntukkan sebanyak RM13 juta. Ini akan memberi kemudahan asas kepada perkampungan baru di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, RM13 juta ini diperuntukkan tetapi dapat lagi peruntukan-peruntukan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain untuk memajukan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, sukacita saya menyatakan sedikit sebanyak kerana kajian dengan pegawai-pegawai perkampungan yang dilantik oleh kementerian untuk menguruskan hal-ehwal perkampungan seluruh Malaysia oleh kerana bilangan pegawai-pegawai perkampungan begitu kurang. Seorang, mungkin dia dapat menguruskan pembangunan atau hal-ehwal pembangunan itu lebih empat atau lima, sampai sepuluh perkampungan. Jadi, dengan demikian itu, pengurusan atau untuk memberi pandangan terhadap.....*[Disampuk]*

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada Yang Berhormat berdiri Yang Berhormat, Sri Aman. Hendak bagi?

**Dato' Yap Pian Hon:** Tidak ada masa, tidak ada masa, minta maaf, hanya 10 minit sahaja. Hal ehwal ini.....[Disampuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** .....tetapi di Selangor, hanya tiga, empat orang sahaja untuk menguruskan.....[Diganggu]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** .....sebanyak 42 kampung tersebut. Jadi, dengan demikian itu, saya minta adakah pihak kementerian akan menimbangkan untuk menambah bilangan pegawai-pegawai perkampungan untuk menguruskan pembangunan yang begitu mendesak di kawasan perkampungan itu di mana kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai KEMAS itu, memang bilangan sangat kecil. Dengan demikian itu, saya mintalah penjelasan sama ada akan boleh menambah bilangan pegawai-pegawai perkampungan di seluruh Malaysia untuk menjalinkan tugas yang lebih sempurna lagi.

Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan satu perkara yang mungkin perkara ini tidak ada kaitan dengan kementerian tetapi ada sedikit langsung berkaitan dengan sekeping tanah di Kampung Baru Ampang, di antara yang diluluskan oleh kerajaan untuk memajukan semula. Oleh kerana penduduk-penduduk di situ seramai 500 lebih, mendiami di kawasan tersebut selama 50 tahun, sebahagian besar daripada mereka sudah tinggal di situ sejak zaman darurat. Sebahagian besar juga telah memohon 'T.O.L.' dan dapat kelulusan dan selepas itu mereka telah memohon lagi untuk mendapat surat hak milik kekal. Bersama-sama demikian itu, adalah pemaju-pemaju yang telah memohon tanah yang didiami oleh mereka itu tetapi permohonan hak milik itu sudah ditolak. Jadi, masalah yang ditimbulkan ini bukan sahaja untuk mereka sendiri tetapi ini isu sosial di Kampung Baru Ampang.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana isu ini telah dikeluarkan secara besar-besaran dan isu ini mungkin mencetuskan satu kebimbangan kepada rakyat, penduduk-penduduk Kampung Baru di mana masih terdapat banyak lagi Kampung Baru tidak ada hak milik. Saya seorang penduduk dari Kampung Baru di Serdang memang rasa bimbang, katakan perkara ini tidak dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, perkara ini sedang dijalankan kempen secara besar-besaran untuk menandatangani untuk merayu kepada Kerajaan Negeri untuk menimbang semula berkaitan dengan kawasan tersebut yang didiami oleh mereka begitu lama.. Walau bagaimanapun, saya bangkitkan perkara ini dan saya minta pihak kementerian, walaupun tidak secara langsung berkaitan dengan kelulusan dana, tetapi ada kaitan dengan pembangunan sosioekonomi kampung tersebut. Saya minta kalau boleh, pihak kementerian untuk dapat laporan ringkas.....[Disampuk]

**Tuan Jimmy Lim Donald:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Aman berdiri lagi Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Minta maaf, tidak ada masa, tidak ada masa. Nanti dahululah. Minta maaf ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Ya, dia tidak bagi. Sila duduk.

**Dato' Yap Pian Hon:** Isu sosioekonomi yang berlaku di Kampung Baru Ampang ini akan mencetuskan satu isu yang mungkin menjadikan isu politik, sosial. Jadi, oleh sebab itu, pihak kementerian boleh dapatlah campur tangan atau meminta berunding atau perbincangan dengan pihak kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah isu yang rumit ini kerana akan memberilah satu rahmat kepada rakyat, penduduk-penduduk yang tinggal

di situ sekian lama. Saya sebagai Pengerusi Biro Hal-Ehwal Kampung Baru, MCA Kebangsaan, saya merasa saya bertanggungjawab untuk menimbulkan perkara ini, menyuarakan masalah yang dihadapi oleh kampung tersebut.

Tuan Pengerusi, di mana saya dapat tahu peruntukan ini diberi untuk meningkatkan lagi kemudahan asas di Kampung-kampung Baru tetapi, saya juga harap pihak kementerian cepat untuk mengadakan perancangan induk sosioekonomi Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia kerana pada waktu ini hanya untuk menambahkan atau meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur di Kampung-kampung Baru seperti jalan, longkang dan lain-lain itu, tetapi masih belum mencukupi lagi kerana sosioekonomi Kampung-kampung Baru ini perlu dipertingkatkan lagi kerana zaman ini zaman yang berubah dan juga kampung-kampung juga sudah hadapi bukan sahaja sosioekonomi tetapi juga untuk Internet. Kita harap juga pihak kementerian akan memberilah bantuan untuk mewujudkan pusat Internet di Kampung-kampung Baru supaya mereka akan menikmati apa yang akan boleh mengetahui ilmu atau pengetahuan untuk menggunakan komputer di Kampung-kampung Baru.

Tuan Pengerusi, saya hanya perlukan satu perkara lagi berkaitan dengan Butiran 04000 – Kerajaan Tempatan. Akta Kerajaan Tempatan telah memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk melantik Ahli-ahli Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah hanya sehingga bilangan 24 orang sahaja. Saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah merayu kepada kementerian supaya menambah bilangan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Memandangkan Selangor kini begitu pesat membangun dan ahli-ahli PBT di Selangor ini memang menghadapi masalah untuk menjalankan tugasnya, sebab itu pihak Kerajaan Negeri telah merayu kepada kementerian untuk menimbangkan supaya menambah Ahli-ahli Majlis PBT di Negeri Selangor untuk menanggung menjalankan tugas yang lebih sempurna pada masa akan datang. Sama ada Kerajaan Persekutuan atau kementerian akan menimbangkan atau mengkaji semula Akta Kerajaan Tempatan untuk menambah ahli-ahli majlis supaya Selangor akan dapat dibangunkan lebih pesat lagi pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya hanya memberi pandangan ini, saya minta kementerian untuk memberi penjelasan lebih lanjut berkaitan dengan apa yang saya bangkitkan tadi dan saya memberi sokongan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta Timbalan Menteri menjawab. Ya, sila.

**3.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mewakili Yang Berhormat Menteri untuk mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terus mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa atas Belanjawan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bagi Tahun 2002. Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah mengemukakan beberapa cadangan dan juga pertanyaan mengenai hal-hal perancangan bandar dan desa dan inginlah mendapatkan penjelasan mengenai pelan induk dan perkara ini juga dihuraikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang terus membahas dan juga mengutarakan pandangan mereka masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang baru-baru ini dipindahkan di dalam Dewan yang mulia ini, kementerian saya menganggapkan akta ini sudah dikemas kini dalam satu tahap yang boleh dikatakan memuaskan supaya segala masalah yang telah timbul mengenai perancangan bandar dan desa terutamanya dari segi pelan induk, pelan struktur dan juga pelan tempatan dan juga mengenai kaedah-kaedah alam sekitar. Dan saya mintalah Yang Berhormat biarkanlah kementerian melaksanakan kaedah-kaedah yang sudah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini supaya kita boleh memperbaiki segala kelemahan yang sudah berlaku sejak ini. Dan dari segi perancangan, kita anggappkan akta yang dipinda itu bolehlah disampaikan kepada semua peringkat, peringkat negeri dan juga peringkat daerah supaya setiap lapisan ini mempunyai peranan mereka masing-masing dan juga tanggungjawab masing-masing

supaya segala tentang kelulusan pelan kemajuan dan pelan induk dan juga pelan tempatan ini boleh diurus dengan baik.

Oleh sebab itu maka saya tidak bercadang Yang Berhormat sekalian, untuk menjawab secara terperinci mengenai pandangan-pandangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya rasa adalah memadai perkara ini sudah diambil perhatian. Banyak perkara seperti pelan induk seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tambun tadi mengenai peluang untuk membantah sesuatu cadangan atau keputusan, kemajuan, semua ini sudah dimaktubkan dalam pindaan tersebut. Saya rasa pindaan itulah ada cukup dari segi undang-undang, dari segi kuasa bagi pihak berkenaan untuk menguruskan segalanya. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Tambun iaitu pelan struktur ini adalah satu *exercise* demokrasi dan di peringkat orang awam dan itulah maksud kita supaya pelan ini adalah satu rancangan yang telus atau *transparent* di mana tidak ada hak-hak rakyat atau mana-mana pihak – hak-hak itu diambil kira dan tidak diabaikan.

Mengenai soal stesen pemancar telekomunikasi yang diutarakan oleh Yang Berhormat juga Tambun dan juga Gelang Patah serta Bachok, izinkan saya sebut di sini, saya sudah jawab dalam peringkat .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tambun berdiri, Yang Berhormat, hendak bagi jalan? Tambun ya, dia minta penjelasan. Ya, sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, pentingnya penyertaan awam. Yang kedua, rang undang-undang yang telah dibincangkan terlebih awal merangkumi semua perkara. Yang saya bangkitkan mengenai dengan soal pelaksanaan tersebut dari segi kementerian apakah langkah yang sepatutnya diambil apabila terdapat penyertaan awam yang begitu rendah. Tidakkah kementerian merasakan satu yang tidak kena dalam soal itu?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, saya faham dan juga saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Memang kita cuba menggalakkan pihak yang terlibat dalam satu tempat di mana sesuatu pelan struktur atau pelan rancangan itu diubahsuaikan atau dibuat semula. Memang kita harap lebih banyak lagi orang awam atau pihak-pihak yang berkenaan mengutarakan pandangan mereka atau bantahan mereka kalau adalah. Tetapi Yang Berhormat, perkara ini kita sudah mengikuti garis panduan, mengikuti kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa. Dan akta ini pun sudah cukup jelas tentang kaedahnya yang perlu diambil oleh pihak berkuasa iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai penasihat teknikal untuk mewujudkan pelan-pelan ini bagi Kerajaan Negeri dan juga bagi pihak berkuasa tempatan. Dan kita harap jugalah pelan-pelan ini yang sudah disediakan boleh dipamerkan secara meluas supaya rakyat dalam tempat yang berkenaan ada peluang untuk mengambil bahagian mengenai pelan tersebut dari segi beri pandangan atau bantahan yang saya sebutkan tadi tetapi setakat ini apa sebabnya kurang sedikit orang-orang yang terus memberi pandangan atau penyertaan, kita cubalah dengan jentera yang kita ada untuk meningkatkan pengetahuan atau *social responsibility*, dengan izin, daripada pihak orang awam. Kadang-kadang ini *civic consciousness* ini sudah kurang sikit dan kita cuba untuk mempertingkatkan lagi *civic consciousness*, dengan izin, orang awam di masa akan datang.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Satu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya menerima hakikat yang masyarakat sebenarnya tidak begitu berilmu mengenai dengan perkara ini tetapi saya juga dapat lihat bahawa di sebelah pihak bandar raya sebenarnya tidak bersungguh-sungguh dalam soal untuk mengadakan pameran tersebut. Tidak ada program-program. Berbanding dengan yang dilakukan pada tahun 1980-an dahulu, dia lebih bersungguh-sungguh.

Malah, untuk makluman Yang Berhormat, ya, saya sebagai wakil rakyat menyedari bahawa tidak banyak penyertaan. Saya sendiri telah membuat beberapa perhimpunan



untuk mendapat reaksi rakyat dan telah menyediakan memorandum. Apabila kita menyerahkan memorandum, ia tidak diterima dengan baik oleh Datuk Bandar sendiri, dengan komen-komen begitu buruk sampai hubungan antaranya dengan kita menjadi tidak baik.

Jadi, apa yang saya ingin nyatakan kepada Yang Berhormat. Betul kita ada undang-undang dan sebagainya tetapi jika di peringkat pelaksana mengambil sikap tidak mahu mendapat maklum balas daripada orang ramai kerana mungkin membebankan kerja, jadi undang-undang yang diluluskan itu tidak bermakna.

Sepatutnya apabila saya mengadakan beberapa siri perjumpaan melibatkan ramai orang dan kita sediakan memorandum tersebut, pihak pelaksana menerimanya dengan sikap yang baik kerana kita telah membantu pihak bandar raya dari segi pelaksanaan, pameran awam dan juga bantahan awam. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, saya faham Yang Berhormat. Cadangan itu memang baik, cadangan ini baik. Kita cuba untuk memberi satu peluang lebih luas lagi tetapi saya ingin menjelaskan, bantahan yang telah diterima itu dibawa ke dalam satu mesyuarat jawatankuasa bukan hanya semata-mata Datuk Bandar sahaja yang membuat keputusan sama ada bantahan itu diterima atau tidak. Semua ini Yang Berhormat, di maktub dalam akta ini, akta yang saya sebut tadi, yang kita sudah pinda. Saya rasa, adalah satu cara yang agak tulus, *transparent*, dengan izin, di mana tidak juga bantahan daripada orang awam ini diabaikan sahaja tetapi diberi peluang dan juga ditimbang dalam satu jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai *incinerator* yang kerajaan cadangkan untuk dibina di Kuala Lumpur supaya kita boleh, kita dapat satu sistem pengurusan sisa pepejal yang memuaskan dan tidak akan membawa banyak masalah kepada alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mula-mulanya, dalam peringkat awal pelaksanaan sistem yang dicadangkan dahulu ialah *system gasification* dan bukan '*stoker*' yang disebutkan oleh Yang Berhormat. tetapi dalam satu jawatankuasa teknikal, satu kajian sedang dibuat supaya kita buat satu perbandingan antara *system stoker* dengan *system gasification*.

Oleh sebab itulah orang Yang Berhormat Menteri pergi ke Singapura untuk cuba melihat dan mengadakan satu taklimat mengenai sistem *stoker* yang sekarang digunakan di Singapura. Tetapi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua-dua sistem ini adalah kaedah-kaedah yang bagus dan juga kaedah yang tidak bagus yang ada kelemahan juga antara dua sistem itu.

Tetapi dari segi kosnya, Yang Berhormat, saya ingin hendak jelaskan walaupun Yang Berhormat adalah betul apabila menyebut sistem *gasification* ini adalah lebih mahal daripada sistem *stoker*. Tetapi sistem *gasification* ini, kita tidak akan di masa akan datang menghadapi masalah *ash* atau yang [*Bertanya Yang Berhormat sebelahnya*]. *Ash* ha?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Debu.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Debu, ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Debu yang memang hasil apabila sisa pepejal itu dibakar. Kalau kita menggunakan sistem *stoker* ini, kita kenakan satu tempat lagi, satu kawasan lagi, di mana *ash* ini akan ditanam atau diuruskan lagi.

Maknanya, kita kena adalah satu kaedah atau mesin atau kaedah untuk menguruskan *ash* ini yang agak ada toksik juga apabila kalau kita bakar perkara-perkara yang mengenai kaedah toksin. Oleh sebab itu, kalau dibandingkan dengan sistem *gasification* ini termasuk pengurusan *ash*, di mana *ash*nya adalah hanya minimum sahaja, *very little ash* yang tinggal apabila sisa pepejal itu dibakar, dengan izin.

Dan, oleh sebab itulah maka kita rasa adalah lebih elok kita buat awal-awal, kita belanja sedikit lebih tetapi kita elakkan masalah pengurusan urusan *ash* yang tinggal dalam proses itu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Jeli, Yang Berhormat. Ya, sila Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalannya daripada *recognize journal* daripada Japan sendiri yang dibacakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengatakan bahawa kaedah *gasification* ini belum terbukti berjaya sedangkan *stoker* ini sudah pun diamalkan di negara-negara Eropah. Kenapa kita hendak mengulangi kesilapan kita dalam kes Perwaja, di mana oleh kerana sebab-sebab tertentu memilih satu jenis mesin yang belum terbukti kemampuannya untuk mencairkan besi untuk membuat *billet* besi sehinggakan Perwaja kerugian dan tidak dapat beroperasi dan terpaksa diganti dengan mesin yang baru daripada Jerman dan sebagainya.

Jadi, sebab itu kalau boleh, oleh kerana telah terbukti syarikat ini sendiri pun menghadapi masalah di Jepun dan juga *desigmya* sendiri pun masih menjadi tanda tanya dan *question mark* kenapa kita masih hendak mencuba satu perkara yang belum jelas kebaikannya berbanding dengan sistem yang telah diamalkan di Eropah dan telah terbukti kebaikannya. Minta penjelasan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, kita tidak juga memilih sistem *gasification* ini tanpa kiraan, tanpa perbincangan yang mendalam. Sebenarnya adalah satu jawatankuasa teknikal sudah ditubuhkan dan di dalam jawatankuasa ini sudah ada pakar-pakar daripada ahli-ahli akademik universiti, Pusat Tenaga Nuklear Malaysia (MINT) dan pegawai-pegawai agensi kerajaan yang lain daripada pihak Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Semua ini sudah dibincangkan, bukan kita membuat satu keputusan yang mudah sahaja tetapi ambil kira – yang saya sebut tadi, kosnya dan akhirnya apa yang akan kita hadapi dalam masalah kalau kita menggunakan sistem *stoker*.

Saya harap janganlah kaitkan perbelanjaan ini dengan adanya perkara-perkara ini yang tidak elok atau perkara-perkara yang salah atau kaitkannya dengan perbuatan yang tidak betul atau tidak mengikut cara yang betul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat, hendak minta laluan. Ya, sila.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Satu cara untuk mengelakkan daripada salah tafsir ialah kita melaksanakan sesuatu keputusan berasaskan kepada cadangan-cadangan profesional. Yang Berhormat telah menyebut bahawa mesin *gasification* ini tidak ada ash. Saya mempunyai butiran lengkap yang saya perolehi daripada satu konsultan dari Jepun. Kedua-dua mesin ini *bottom ash*, ada *flight ash*, *flight ash after melting*, ada tiga jenis *ash* di sini.

*Bottom ash* bagi *stoker* ialah 3% hingga 10% dan memang betul *gasification* 2% hingga 4%. Tetapi bagi *flight after melting*, *stoker* 0, tidak ada *flight ash after melting* tetapi bagi *gasification*, ada 3% hingga 4%. Itu satu masalah yang kecil.

Masalah yang telah saya bangkitkan mengikut jurnal yang telah diterbitkan di Jepun adalah lebih besar. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat, di manakah satu loji *gasification* yang wujud di dunia ini boleh kita kaji *track record* nya dan saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah asas teknik dan profesional untuk membolehkan *gasification* dipilih. Tidak akan pasal debu abu sahaja.

Teknologi tadi saya telah bangkitkan, saya tidak hendak ulang tetapi yang paling penting sekarang ini hanya 2 mesin *gasification* yang baru beroperasi tetapi telah ditangguhkan daripada 2000 ke 2002 kerana *modification* teknologinya dan 5 masih dalam proses pembinaan. Mengapa kita terburu-buru kata ini yang lebih baik? Apa asas kita?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, kita perlu membuat satu keputusan sama ada *stoker* atau *gasification* dan mengikut jawatankuasa teknikal ini, mereka rasa *gasification* yang lebih elok, yang lebih bagus untuk masa depan untuk digunakan oleh pihak bandar raya. So, saya tidak dapat membuat satu jawapan mengenai masalah teknikal atau kaedah-kaedah teknikal tetapi kita tumpulah kepada jawatankuasa teknikal

yang diwujudkan sekarang dan nasihat daripada mereka ialah lebih elok kita gunakan sistem *gasification* dan itulah jawapan saya, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cukuplah saya rasa sebab perkara ini tidak dapat satu keputusan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tidak payah, tidak payahlah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tidak payahlah, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya sudah cuba jelaskan. Kalau itu tidak diterima, apa boleh buat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ya, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hendak pandangan dari pakar sendiri, bagi salinan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya berani kata bahawa pandangan pakar kata stoker lebih baik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tetapi politik....

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya tidak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak, Menteri kena beri penjelasan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah itu, Yang Berhormat.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** ..bagi.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya hanya menanya bagi jalan atau tidak bagi jalan. Itu sahaja.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** RM4 bilion ini.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Itu saya tidak tahu Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hendak minta tanggungjawab Menteri, dedahkan pandangan pakar itu sendiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Apa....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Apa keputusan yang dibuat oleh kerajaan, kita ambil tanggungjawab.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Sama ada bagus kah tidak atau salah....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli, Jeli, jangan macam itu Jeli.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tidak apalah, tidak payah, tidak payah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan macam itu Jeli.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cukup.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cukup, cukup.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli, janganlah macam itu Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jawab pembangkang, tolak pembangkang, macam mana?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, sabar, sabar.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cukup, cukup.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sabar, sabar, Jeli.

**Beberapa Ahli:** Sabar, sabar, puasa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, terus, Timbalan Menteri ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat bagi Tebrau juga *[Disampuk]* meminta sedikit penjelasan daripada saya mengenai balai bomba dan penubuhan pasukan kadet bomba yang perlu diadakan, saya setuju dengan Yang Berhormatlah. Itu memang satu cadangan yang baik dan buat masa sekarang, itu juga rancangan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia supaya kita boleh melalui penubuhan pasukan kadet bomba memberi satu pengetahuan yang lebih kepada anak-anak kita iaitu anak-anak sekolah kita supaya mereka lebih faham dan sedar mengenai bahaya kebakaran sama ada di rumahkah atau di lain-lain tempat dan kita akan terus menambahkan lagi usaha-usaha untuk lebih pasukan ditubuhkan.

Tindakan yang sama juga telah diambil oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menambahkan bilangan bomba sukarela yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupa. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat, kita cubalah sebab dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, kita pun ada satu bahagian penyelidikan untuk mengkaji dan cuba membuat satu penyelidikan supaya bahan-bahan seperti pam angkut dan juga kenderaan-kenderaan bomba boleh diubahsuai untuk kegunaan kawasan-kawasan bandar atau di kawasan desa supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh ambil tindakan yang lebih berkesan untuk menyelamatkan harta benda rakyat kita di masa akan datang. Mengenai cadangan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Aman berdiri, Yang Berhormat, hendak bagi jalan? Ya, sila.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Mikrofon tidak berfungsi]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Aman ya, api tidak ada Sri Aman? Ya. Ha, ada dah Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya mengimbas kembali apa yang disebut oleh kawan saya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang mengatakan bahawa beliau tidak ada kepercayaan kepada Timbalan Menteri dari Miri, di Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan bahawa saya dan saya rasa rakan-rakan saya yang lain menaruh kepercayaan yang 100% kepada Timbalan Menteri kita *[Tepuk]* yang saya rasa adalah antara yang terkemuka di Malaysia ini dan yang rajin bekerja *[Disampuk]* dan penguasaan bahasa Malaysia beliau adalah A1. Jadi, saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat, soalnya.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Jadi, saya ingin membetulkan. Kalau tidak disebut, mungkin kita akan memikirkan Timbalan Menteri kita ini tidak ada kepercayaan, jadi kita menaruh kepercayaan yang 100%. Jadi, oleh kerana saya menaruh kepercayaan yang 100%, saya ingin minta penjelasan oleh kerana tadi tidak diberi peluang. Di Sri Aman kita telah meminta supaya stesen bomba dibuat oleh kerana pada masa sekarang kita masih menumpang stesen bomba majlis daerah yang begitu kecil dan hanya dua tiga orang yang duduk di berek berdekatan dengan stesen itu, ahli-ahli yang lain duduk di kampung-kampung mereka. Apabila ada kebakaran kita hendak cari ahli-ahli bomba ni pun tidak dapat dicari. Jadi, rumah sudah terbakar barulah mereka dapat dikesan. Jadi, saya mintalah program untuk membina stesen bomba di Sri Aman disegerakan. Jadi, inilah macam manakah komitmen dari kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kita percayai dan kita kasih. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk].*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cemburukah you. *[Ketawa].* Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya ingin beri satu berita bagus kepada anda iaitu stesen balai bomba baru bagi Sri Aman sudah di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sebenarnya saya sudah sampai ke stesen di Sri Aman itu dan juga adakan perbincangan dengan pegawai-pegawai termasuk juga pihak Jabatan Tanah dan *surveyor* supaya kita dapat satu tapak baru dan lebih besar supaya stesen itu janganlah terlalu sempit macam sekarang dan kita akan mengadakan rancangan pembinaan ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan kelak.

Ada banyak lagi soalan dari Ahli Yang Berhormat yang diutarakan. Saya rasa kalau saya hendak baca tiap-tiap perkara yang dihuraikan ini maka saya akan ambil masa yang terlalu panjanglah. Tetapi saya rasa Yang Berhormat bagi Kota Melaka sudah mengadakan cadangan tadi atau huraikan sama ada lawatan sambil belajar dikurangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara-perkara seperti ini memang diurus di peringkat negeri kerana di peringkat negerilah yang mempunyai kuasa untuk membuat sesuatu kelulusan. Mana-mana pihak PBT yang ingin hendak adakan rancangan lawatan sambil belajar sama ada di dalam negeri atau di luar negeri.

Ini terpulanglah kepada pihak berkuasa negeri iaitu kerajaan negeri untuk menimbang sesuatu sama ada lawatan itu akan membawa faedah kepada ahli-ahli dan juga kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Dan saya tidak setuju dengan Yang Berhormat sama ada itu akan membawa kesan buruk atau membazir wang pihak berkuasa tempatan. Itu saya tidak setuju sebab kita juga menggalakkan ahli-ahli majlis kita untuk cuba membelanjakan sesuatu yang akan memberi satu keyakinan kepada mereka apabila mereka bermesyuarat di peringkat pihak berkuasa tempatan. Kita sudah dapat banyak *feedback* yang bagus, *feedback* yang membina di mana kita tengoklah hari ini di banyak kawasan PBT mereka sudah menguruskan hal-hal mereka dengan baik dan dengan cara yang lebih berkesan. Umpamanya dari segi lanskap, dengan izin, kalau kita tengok hari ini

di lanskap banyak tempat kawasan PBT sudah meningkatkan dalam satu tahap yang agak kita boleh rasa membanggakan. Kalau kita membandingkan dengan 15 atau 20 tahun dahulu kawasan-kawasan ini sudah cantik termasuk juga majlis daerah yang kecil hari ini kita tengok ada *landscaping* yang agak merangsang semua orang yang melawat kawasan mereka.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Sila.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat lawatan-lawatan ahli-ahli majlis daerah, majlis perbandaran itu sepatutnya diperbanyakkan lagi kerana hendak menambahkan pengalaman-pengalaman yang boleh dibawa balik kepada majlis perbandaran masing-masing untuk memajukan, memodenkan dan untuk memperbaiki lagi berbagai-bagai sistem dan berbagai-bagai cara untuk kepentingan orang ramai. Soal DAP ini memang dia ini anggur masam *[Ketawa]* pasal dia tidak dapat jadi dia memang begitulah. Dia sebenarnya memang rasa cemburulah kerana – jadi ini pembangkang. Macam juga di Melaka. Di Melaka bukan main DAP bantai Kerajaan Melaka pasal Ketua Menteri Melaka ini antara Ketua Menteri yang terbaiklah dia punya canggih. Jadi, oleh sebab dia geram dengan kecanggihan pemimpin Barisan Nasional dia bawalah. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalannya. Soalannya saya berharap perbanyakkan lagilah lawatan-lawatan yang berfaedah seperti itu. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya setuju. Yang Berhormat, kalau kita hari ini melawat Melaka saya rasa Melaka sudah lebih cantik.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi Kota Melaka sama Jeli. *[Disampuk]*. Yang Berhormat dua orang berdiri hendak bagi yang mana?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Kota Melaka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kota Melaka ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sebenarnya apa yang saya maksudkan tadi ialah bahawa kita kurangkan jumlah anggota rombongan. Ini sudah disalah faham. Oleh kerana apabila rombongan hendak pergi ke Singapura pada pendapat saya dua orang tiga orang, satu jurutera, dua ahli majlis boleh. Tetapi yang pergi selalunya 20 orang. Pergi negeri China pun sama. Saya pernah tanya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka apakah sebabnya rombongan yang begitu besar dihantar ke negeri China. Jawapan beliau kepada saya ialah pada zaman dahulu apabila *emperor* Laksamana Cheng Ho datang ke Melaka dia datang dengan rombongan yang besar *[Ketawa]*. Ini jawapan yang diberikan kepada saya pula. Saya pun *[Ketawa]* *[Disampuk]* apa punya Ketua Menteri. Inilah Ketua Menteri yang mereka banggakan datang ke Melaka *check* dengan pegawai kerajaan apakah pendapat mereka terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Pengerusi, itu saya tidak tahulah sebab saya tidak dengar apa yang disebutkan. Tetapi saya rasa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka ini memang seorang yang sudah cukup pengalaman. Kalau ada sesuatu saya yakin beliau akan membuat satu keputusan yang bijak.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Jeli berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tidak payahlah. Akhir sekali ...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Bagi *chance* lah, banyak masa lagi ini!

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okaylah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila Yang Berhormat Jeli. [Ketawa]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita bersyukur akhir-akhir ini selepas daripada Persidangan Rio, maka seluruh dunia gegak-gempita tentang betapa pentingnya kepada pengawalan ekologi, *equilibrium in ecology – eco-system*. Jadi saya perhatikan umpamanya bandar-bandar di negara kita mula mentamankan – menanam pokok-pokok untuk menceriaikan suasana bandar selepas melihat bandar Singapura. Jadi, kita perhatikan pada masa yang sama juga peruntukan lanskap telah diadakan selepas Persidangan Rio dengan besarnya dan kita dapati banyak bandar-bandar, majlis-majlis perbandaran, majlis-majlis tempatan yang ditanam dengan pokok-pokok yang tertentu.

Apa yang saya bimbang, kita perhatikan kebanyakan pokok-pokok ini ialah pokok yang mudah ditanam tetapi mahal untuk dikawal selia, mahal untuk di *maintain*. Seperti mana pengalaman yang kita telah tanam pokok-pokok di kebanyakan jalan-jalan di mana kita perhatikan pokok itu mudah tumbuh tetapi walaupun mudah tumbuh pokok itu tidak teguh dan kuat sehingga banyak insiden yang berlaku di mana pokok-pokok ini bila datang ribut dan sebagainya tumbang dan banyak pemandu dan juga penunggang motosikal yang menjadi mangsa.

Apakah sudah dibuat kajian tentang jumlah *maintenance* nanti kerana kita bimbang kerana kalau pokok-pokok ini ditanam untuk satu-dua tahun mungkin indah tetapi selepas itu kalau tidak di *maintain* dengan baik, keindahan itu akan dicemarkan kerana, dengan izin, *negligence in maintenance*. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi penjelasan mengenai pokok-pokok ini, adakah sudah dibuat kajian? Bukan kita hendak cantik sahaja tetapi bagilah tahan lama sedikit. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okay, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Lanskap Negara sudah mencadangkan satu senarai pokok-pokok yang sesuai ditanam di negara kita ini sebagai satu negara tropika. Jenis-jenis pokok yang tahan lasak dan tidak mudah tumbang, senarai ini sudah diedarkan kepada semua PBT di seluruh negara, termasuklah di Kelantan dan Terengganu, dan kita harapkan pihak berkuasa di sana menggunakan senarai ini apabila mereka hendak memilih jenis pokok yang ditanam di tepi jalan dan saya rasa itu sebagai jabatan teknikal iaitu Jabatan Lanskap, mereka memang tahulah apa jenis pokok yang bagus dan apa jenis yang tidak sesuai. Akhir sekali, Yang Berhormat bagi Serdang minta penjelasan mengenai tidak cukup pegawai kemajuan perkampungan ...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sebenarnya saya ada bawa beberapa perkara tetapi kalau masa tidak mengizinkan, saya cuma minta satu sahaja. Apakah jawapan Kementerian terhadap cadangan saya supaya satu undang-undang digubal untuk mengawal pemaju projek komersial?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini apabila Jawatankuasa Pindaan Akta bagi Akta Pemaju Perumahan diadakan, soalan ini juga dibincangkan tetapi buat masa sekarang kita belum dapat satu *concensus*, dengan izin, untuk mengubahsuaikan atau memperluas akta yang sedia ada supaya ia boleh merangkumi harta-benda komersial dan saya rasa itu pun satu arah yang cuba kita capai pada masa akan datang. Sebenarnya itu satu cadangan yang kita boleh terima tetapi

konsensus daripada semua pihak, jabatan-jabatan berkenaan seperti Kementerian Tanah. Semua ini adalah berkaitan dengan perkara atau soal ini dan *we will take into consideration*, dengan izin, apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat.

Mengenai soal tidak cukup pegawai kemajuan perkampungan, Yang Berhormat, ingin saya memberitahu sekarang kita ada 70 orang dan kita akan cubalah menambahkan lagi bilangan ini supaya kita bolehlah mempunyai pegawai yang cukup untuk cuba menyelia atau mengadakan rancangan-rancangan di dalam kampung-kampung baru, iaitu sebanyak 452 buah kampung baru di seluruh negara. Mengenai ...

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah ganjaran atau syarat-syarat perkhidmatan dan tugas-tugas untuk pegawai kemajuan kampung ini?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, untuk makluman Yang Berhormat, ganjaran itu adalah rendah sedikit. Oleh sebab itulah nampaknya kita susah sedikit hendak mencari pegawai-pegawai untuk menyertai skim ini. Oleh sebab itu kita kenalah berbincang dengan pihak JPA supaya satu skim yang lebih lumayan boleh diwujudkan dan ini akan menarik lebih pegawai memasuki dalam skim itu. Okaylah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tanya berapa?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Amaunnya saya tidak dapat sebutkan di sini. Baiklah. Mengenai Kampung Baru Ampang ....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Memberi isyarat tangan – tidak perlu]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Mengenai Kampung Baru Ampang, Yang Berhormat bagi Serdang, memang sudah ada satu jawatankuasa khusus bagi perkara ini ditubuhkan di peringkat negeri, kerajaan negeri, kalau saya tidak silap diketuai oleh seorang Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, yang saya rasa untuk cuba menguruskan perkara ini. Buat masa sekarang T.O.L. sudah didapati dan mereka sedang giat untuk cuba mendapatkan hak milik. Saya rasa ini tidak menghampakan mereka. Di masa akan datang saya rasa adalah juga peluang untuk mendapatkan hak milik tanah.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Sebab saya timbulkan perkara ini sebenarnya kerana kawasan seluas yang didiami oleh 500 rumah itu telah diluluskan oleh kerajaan negeri kepada syarikat pemaju swasta. Itulah yang menjadi satu masalah, isu sosial yang sedang dibangkitkan oleh penduduk di situ. Mereka rasa bimbang mereka akan dikeluarkan daripada tempat asal yang mereka telah tinggal selama 50 tahun. Ini satu masalah dan saya minta pihak Kementerian, bolehkah beri bantuan, membincangkan dengan kerajaan negeri untuk kekalkan kawasan tersebut, supaya memberi surat hak milik mereka terus, bukan bagi kepada pihak pemaju swasta. Inilah soalan saya. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya faham. Itu adalah satu masalah, sebab itulah isu ini timbul pada hari ini. Saya rasa keadaan sudah tenang – tidak ada isu pemajuan tentang tanah itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu jawatankuasa di peringkat Kementerian pun diadakan untuk menguruskan semua kampung baru di seluruh negara dan Yang Berhormat Menteri sendiri mengetuai jawatankuasa ini dan saya rasa dengan perhatian yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, hal-hal mengenai kampung baru ini akan diberi satu perhatian yang mencukupi untuk memastikan supaya kampung baru ini tidak tertinggal dalam arus pembangunan di negara ini. Dengan itu sahajalah jawapan saya yang saya dapat.....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*



**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat bangun.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okey.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pagi ini saya ada membangkitkan dua isu iaitu rancangan perkampungan tersusun Ampang Baru di Ipoh dan juga berkenaan dengan menara telekomunikasi yang haram. Saya perlukan satu jawapan kepada rancangan perkampungan tersusun ini.

Pagi ini mereka yang terlibat dalam rancangan ini telah hadir ke Dewan ini tetapi mereka kurang bernasib baik tidak dapat berjumpa dengan Yang Berhormat sebab pada 7 November Yang Berhormat kata, kalau saya masih bangkitkan perkara ini Yang Berhormat akan membuang sahaja surat saya dan mengatakan projek ini di bawah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat apa soalan?

**Puan Fong Po Kuan:** Kena beritahu latar belakang, sebab dia tidak ada di dalam Dewan pagi ini, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya sebab masa itu Yang Berhormat mengatakan ianya di bawah Koperasi, saya telah membuat satu *search*, dengan izin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak payahlah..

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak bertanya..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pegawai yang terlibat sudah tentu akan membuat catatan.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak bertanya sebab hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan di bawah Koperasi, sekarang saya hendak memaklumkan menurut carian yang saya buat ia adalah di bawah bidang kuasa kementerian. Jenis perniagaan kepada syarikat ini adalah *housing developer*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini pun telah disampaikan di Dewan yang mulia ini..

**Puan Fong Po Kuan:** Tetapi Yang Berhormat tidak menjawab apa yang saya bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan soalan mengapa tidak menjawab, tidak payah diulang sekali lagi dan membuang masa .....

**Puan Fong Po Kuan:** Dia kena berikan jawapan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** .....Dewan yang mulia ini.

**Puan Fong Po Kuan:** Datuk Pengerusi, saya rasa tidak perlu kita maraton untuk habiskan kementerian ini. Dua setengah jam untuk berucap dan ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang berucap lagi, hendak menghabiskan untuk jawapan 40 minit, saya rasa itu kurang efisien kalau Dewan berfungsi sedemikian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang apakah soalan Yang Berhormat?

**Puan Fong Po Kuan:** Sekarang saya hendak bertanya apakah kementerian akan mengambil tindakan atau melawat? Saya menjemput melawat ke tempat di mana projek tersebut telah tergendala disebabkan ceraian ini menunjukkan ini di bawah bidang kuasa kementerian. Kalau saya silap, tolong maklumkan, jikalau tidak saya harus mengambil tindakan. Hari ini mereka datang tetapi Yang Berhormat tidak ada. Oleh itu, kalau boleh saya minta satu tarikh, saya boleh mengaturnya dan Yang Berhormat boleh membantu mereka. Itu perkara satu, perkara yang kedua ialah .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini saya maklumkan ....

**Puan Fong Po Kuan:** ..... saya ada bangkitkan tetapi dia tidak menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, pagi ini sungguhpun Timbalan Menteri tidak ada tetapi ada seorang lagi Timbalan Menteri.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya faham, sekarang saya hendakkan jawapan, saya tunggu jawapan. Fungsi Dewan adalah bertanya dan pihak yang di sana menjawab. Ini berkenaan dengan menara telekomunikasi yang haram, saya bukan perkataan yang telah diluluskan. Jadi, jangan bangkitkan isu berkenaan kesihatan. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap telekomunikasi yang haram ini?. Saya rasa penduduk diletakkan di dalam kedudukan keselamatan terancam sebab syarat-syarat ada mengatakan perlu ada sijil kesempurnaan insurans, tetapi setakat ini di Ipoh tiada satu pun menara telekomunikasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, tunggu jawapan daripada Timbalan Menteri.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah tindakan yang akan diambil, sebab perkara ini telah berlarutan lama? Apakah kena menunggu satu menara jatuh baru tindakan diambil?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Puan Fong Po Kuan:** Jangan bisinglah Yang Berhormat bagi Rompin! Saya sekarang ada floor ya. Jadi saya pohon satu jawapan. Jangan mengelak ya, saya pohon Yang Berhormat.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Nampaknya Yang Berhormat bagi Batu Gajah marah!. Jangan marah *[Ketawa]*. Sabar, sabar. Apa yang sudah disebutkan pagi ini rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Kayveas pun ada di sini dan pegawai-pegawai pun ada di dalam Dewan. Jangan bimbanglah. Okey, mengenai perkara Kampung Tersusun, Kampung Ampang Baru ini di Ipoh. Yang Berhormat, kalau saya tidak silap saya sudah mengadakan satu jawapan secara bertulis di atas surat Yang Berhormat dan sudah memberikan satu keterangan di dalam surat itu.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tetapi hari ini Yang Berhormat masih hendak membangkitkan perkara ini dan saya ingin menyebutkan di sini projek ini walaupun dalam peringkat terbengkalai, ini disebabkan dalam permulaannya projek ini dikendalikan oleh pihak.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sila duduk.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** ...projek ini dikendalikan oleh satu syarikat koperasi tetapi perkara ini disambungkan oleh satu syarikat - saya pun tidak tahu syarikat itu apalah - Yang Berhormat lebih jelas, tetapi yang kita tahu usaha untuk hendak *revive*, dengan izin, projek ini tidak dikemukakan kepada kementerian, tidak ada pun di dalam senarai projek terbengkalai yang sedia ada. Kalaulah Yang Berhormat ingin hendak menolong pihak pembeli, saya rasa Yang Berhormat boleh menghuraikan perkara ini semula dan kalau hendak mencadangkan sesuatu atau ada satu syarikat yang ingin hendak menyambungkan projek itu, saya boleh menimbang untuk cuba mengadakan satu perbincangan dengan mereka. Itu sahaja yang kita boleh buat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tidak payahlah itu sahaja jawapan saya, sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jawapan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Itu jawapan sudah saya berikan. Akhir sekali, Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata jawapan sudah diberikan.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** ...saya ingin menjelaskan di sini kepada Yang Berhormat yang lain yang juga mengemukakan banyak perkara kepada saya dalam perbahasan hari ini tetapi kalau hendak saya baca satu-persatu di dalam jawapan, ini akan mengambil masa yang agak panjang. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menjawab semua yang disentuh di dalam perbahasan pada petang ini. Oleh sebab itu semua perkara yang diuraikan sudah dicatat oleh pegawai-pegawai saya yang sedia ada dan tindakan sewajarnya akan diambil. Mana-mana yang perlu kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Itu sahaja yang dapat saya jawab pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia sudah habis.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Buatlah Dewan sendiri!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukup! Yang Berhormat bagi Rompin, cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat!

**Puan Fong Po Kuan:** Tidak bolehlah macam ini, kita bertanya dia tidak mahu jawab!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup! Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan perkara-perkara yang perlu diambil tindakan akan diambil tindakan.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, Ahli Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM123,632,700 untuk Maksud B.14; RM29,371,460 untuk Maksud B.15; dan RM392,905,500 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM123,632,700 untuk Maksud B.14; RM29,371,460 untuk Maksud B.15; dan RM392,905,500 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,333,933,290 untuk Maksud P.14 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,333,933,290 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

**Maksud B.17 [Jadual] -**

**Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan 2002] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

**4.50 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka 288 Maksud Bekalan 17 – Pembangunan Belia. Pagi tadi satu persoalan telah ditanya kepada kementerian – Pembangunan Belia dan Badan Sukarelawan di negara ini. Jawapan telah diberi oleh Menteri. Salah satu masalah kenapa orang tidak mahu terlibat dengan pergerakan belia dan sukarelawan ialah kewangan. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian membuat satu penyelidikan yang khusus untuk mengenal pasti masalah macam mana untuk mengatasi masalah sumber kewangan.

Saya ingin sebutkan, kalau kita lihat dasar di Amerika untuk soalan pembangunan belia, Amerika mempunyai tidak kurang daripada 93 juta sukarelawan dalam bermacam-macam pertubuhan. Ini adalah bilangan pada tahun 1997 yang saya sebutkan. Mereka mempunyai satu skim bahawa tiap-tiap badan belia boleh dibimbing oleh satu-satu syarikat. Syarikat-syarikat itu akan memberi atau pun menjadi *sponsor* di bawah satu *sponsorship scheme*, dengan izin, kepada badan-badan sukarelawan dan belia dan syarikat ini akan membiayai perbelanjaan dan memberi motivasi kepada badan-badan tersebut. Ini satu cara yang pertama.

Yang kedua, kalau kita lihat di Hungary, tiap-tiap syarikat dibolehkan memberi 1% daripada cukai tahunan syarikat tersebut kepada badan-badan ini dan syarikat ini pula mendapat satu insentif daripada kerajaan daripada tax dan sebagainya. Ini satu cara supaya tiap-tiap badan persatuan dan sebagainya di negara-negara tersebut mendapat pembiayaan dari segi undang-undang daripada syarikat-syarikat yang tersebut.

Oleh kerana kita tidak mungkin mempunyai sumber kewangan yang begitu banyak untuk membiayai badan-badan sukan, badan-badan sukarelawan, badan-badan belia dan pergerakan belia seluruh negara, jadi saya menyarankan supaya kementerian melihat dan menyelidik cara-cara negara-negara yang saya sebutkan tadi. Bahkan banyak lagi tetapi oleh kerana masa 10 minit sahaja, saya tidak boleh sebut semua negara tersebut..

Dan baru-baru kita mengadakan satu seminar di Kuching, dan semua orang yang terlibat dengan belia dan sebagainya dijemput datang ke Kuching untuk satu seminar dikendalikan oleh pihak badan yang dikatakan *think-tank* Sarawak iaitu SDI yang mana saya telah dijemput menjadi ahli panel dalam seminar tersebut.

Salah satu daripada maklumat yang diberi oleh pihak yang mengambil bahagian atau pun pihak yang terlibat dalam seminar itu ialah:

- i. kurang motivasi;
- ii. kurang pengiktirafan daripada pihak kerajaan dan pihak kementerian; dan
- iii. kurang galakan.

Pengiktirafan ini banyak maknanya, umpamanya kalau di sekolah, kita mempunyai sukan, badan-badan beruniform dan banyak lagi aktiviti kurikulum, tetapi hanya badan sukan sahaja mendapat penekanan daripada pihak sekolah. Umpamanya kalau masa musim sukan, guru diberi insentif, guru diberi cuti dan bermacam-macam lagi, bahkan elaun pun dibagi untuk guru ini terlibat dalam sukan. Tetapi badan-badan lain sama ada *the Boys' Brigade*, *Boy Scouts*, *Girlguides* dan sebagainya -dengan izin - tidak mendapat

kemudahan yang sama. Dengan keadaan sedemikian, mereka ini mengatakan mereka tidak dikehendaki oleh kerajaan.

Hanya kerajaan melepas batuk di tangga sahaja, kalau dikatakan memberi galakan kepada orang-orang masuk badan-badan beruniform ini sama ada Kadet Polis, Kadet Askar, kadet apa sahaja kita wujudkan. Mereka tidak mempunyai galakan sebagaimana diberikan kepada pihak sukan yang mana guru diberi kelepasan, elaun, *transport*, bermacam-macam lagi tetapi dalam masa yang sama badan-badan yang diwajibkan dimasuki oleh anak-anak murid sekolah ini tidak mendapat galakan yang sama.

Dalam keadaan sedemikian, kalau kita bimbing anak-anak sekolah ini daripada peringkat *primary* satu lagi sampai mereka ke peringkat Tingkatan Enam, mempunyai bimbingan yang sedemikian dengan sendirinya satu *psychology built* di dalam pemikiran anak-anak ini mengatakan walaupun kita sebut secara bertulisnya, hakikatnya bahawa penekanan tidak ada diberi kepada sukarelawan dan kepada badan-badan belia ini.

Jadi Datuk Pengerusi, badan-badan sukarelawan sama ada ia Kadet Polis, Kadet Askar, kadet ini, kadet itu, *Boy Scouts*, *Boys' Brigade* dan sebagainya itu adalah asas kesukarelawan negara. Kalau kita hendak membina satu kesukarelawan negara atau hendak membimbing mereka ini dan memberi penekanan yang sama, di peringkat sekolah kita harus bimbangkan. Bukan dasar segi percakapan kita tetapi juga dari segi dorongan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Daripada segi pengiktirafan yang kedua disebutkan, apabila seseorang itu terlibat dengan satu-satu pergerakan hampir 20 hingga 40 tahun umpamanya, tetapi pengiktirafan yang dikatakan tidak diterima ini ialah umpamanya mendapat medal pengiktirafan iaitu diwujudkan satu medal dalam kementerian. Ini diberikan pengiktirafan. Janglah dipilih orang kata Tokoh Belia, tokoh ini, tokoh itu, tetapi dua atau tiga orang sahaja.

Yang tokoh ini mungkin orang politik yang mendapat sokongan daripada orang-orang tertentu untuk mendapat medal tokoh, tetapi orang yang benar-benar terlibat dengan pergerakan belia di peringkat akar umbi ini tidak mendapat apa-apa bahkan banyak lagi, berpuluh-puluh ribu yang terlibat tidak mendapat pun pengiktirafan.

Jadi orang ini merasakan diri mereka terencil, tersisih dan tidak diterima dan tidak diiktiraf. Dan oleh kerana dia seorang pemimpin yang di pihak atas menjadi tokoh belia negerikah, tokoh belia negarakah mungkin penglibatan dia dibandingkan dengan penglibatan yang di bawah itu mungkin sama rata juga,

Jadi saya boleh menyebut perkara ini kerana saya adalah Tokoh Belia Sarawak. Jadi saya menerima hakikat bahawa kompelin yang sebegini adalah betul. Jadi Datuk, apakah tindakan kementerian supaya berbincang dengan pihak Kementerian Pendidikan umpamanya supaya pengiktirafan yang diberi kepada sukan ini mestilah juga diberi dengan badan-badan lain atau pun ekstra kurikulum lain supaya mereka ini mendapat pengiktirafan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Datuk Pengerusi. Saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat adalah Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak, jadi saya hendak tanya apa pembabitan Yang Berhormat dalam kerja-kerja sukarelawan ini setelah mendengar rintihan Yang Berhormat tadi. Minta penjelasan sedikit mungkin kita boleh kongsi bersama. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau saya hendak hitung, Datuk Yang Berhormat, mungkin banyak sangat cerita yang boleh saya ceritakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua minit lagi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ada dua minit jadi mungkin setengah atau satu suku pun tidak boleh, banyak sangat. Kalau tidak, tak kan mendapat gerakan Tokoh Belia Sarawak berasaskan daripada pengakap. Saya terlibat dengan pengakap semenjak tahun 1959. Mungkin banyak orang di sini belum lahir lagi. Saya sudah pergi ke banyak negara dan negeri dengan sumber kewangan saya sendiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Ching]:** Kalau Yang Berhormat hendak sebut sejarah ini, satu jam tidak habis.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau saya hendak sebut sejarah ini Datuk, buatlah di luar dan saya akan sebut ceritanya dengan Datuk, saya boleh tulis surat. Sekarang saya ada satu buku hampir 300 muka surat "Sejarah Pengakap".

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada sukan, soalan sukan. Tadi saya sebutkan soalan badan-badan yang diwajibkan di sekolah, tetapi dalam masa yang sama, saya tak ubah mengkritik penglibatan sukan – tidak. Sebenarnya saya menekan kepada sukan juga. Sukan ini kadang-kadang saya boleh katakan seperti melepas batuk di tangga juga, apabila musim sekolah itu, dua minggu itu tak berhentilah budak itu, maraton, *long jump, short jump, long down jump, up jump*, semua ada, semua *jump* keluar, semua lari kiri, lari kanan semua buat, lempar itu, lempar ini semua buat, tetapi dua minggu sahaja, lepas itu *completely stand down*, tak ada benda hendak buat, macam mana prestasi sukan di peringkat sekolah hendak maju, kalau kita hendak maju kita tidak boleh pandang, oh bila dipertandingkan semua sekolah di seluruh Malaysia ini, sekolah A ini dapat *champion*. *Champion* itu peringkat Dato', tidak payah bimbang, tak payah bangga sangatlah, kalau kita sudah boleh masuk Commonwealth Game, kalau kita sudah boleh masuk Olimpik, sudah menjadi dapat *champion* di Olimpik, baru kita boleh .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta maaf, masa cukup.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ... baru kita boleh berbangga dengan pencapaian kita di peringkat sekolah tadi, jadi saya berharap, kita kena sarankan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya sukan ini setiap hari dan setiap bulan, setiap tahun, supaya di hujung tahun jadi satu amalan macam kita belajar a, b, c, juga supaya barulah orang menjadi sukan yang mungkin menjadi *champion* di seluruh negara ini nanti. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan.

5.01 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin berbicara sedikit berhubung dengan pembangunan belia dan sukan B.17 – Butiran 020200 dan 020300 iaitu pembangunan belia itu sendiri.

Melihat kepada kajian demi kajian oleh pelbagai pihak, kita dapat merasakan bahawa negara kita ini sama ada mahu atau tidak mahu, kita akan bergantung kepada keupayaan dan juga kepada bagaimana penyusunan di peringkat awal kepada masyarakat belia itu sendiri.

Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa belia hari ini adalah pemimpin pada hari esok. Dalam masa yang sama persoalan berlaku, bagaimanakah bentuk belia hari ini agar mereka menjadi pemimpin pada masa akan datang, dengan keadaan belia pada hari ini terdedah kepada pelbagai elemen negatif, seperti belia lepak, belia *black metal*, belia penagih dadah, belia kaki jalanan dan sebagainya.

Justeru itu rasa saya kerajaan dan juga Kementerian Belia dan Sukan khususnya membuat satu rangka yang lebih komprehensif dan bersifat jangka panjang ke arah membentuk sebuah negara Malaysia yang sudah pastinya akan diwarisi oleh belia-belia yang benar-benar ada jati diri, ada keinginan untuk memimpin negara ini, membawa negara Malaysia ke satu tahap yang lebih mencabar dan lebih diiktiraf oleh negara-negara keseluruhannya.

Pada hari ini kita memang cukup berbangga, kerana ramai di kalangan mereka yang bersifat belia ataupun muda menganggotai dalam anggota-anggota kerajaan, pada saya, saya melihat ramai di kalangan belia-belia kita hari ini gugur bukan di medan pertempuran tetapi gugur dalam pertembungan sosiobudaya yang negatif, yang tidak diiktiraf oleh negara kita.

Bayangkan betapa sayangnya belia-belia ini, kalau kerajaan memberi penekanan, memberi cadangan dan meminta saya pada hari ini meminta kerajaan dan kementerian mengkaji akan dasar-dasar pembangunan belia itu sendiri, kalau boleh ajaklah, mintalah, bawalah pengusaha-pengusaha korporat yang telah berjaya untuk menyumbang secara total ke arah pembangunan belia ini kerana kita bimbang kalau perkara ini tidak kita tangani pada awal-awal lagi, pada peringkat ini, maka saya percaya golongan belia pada masa akan datang akan menjadi sebagai sebuah pasukan, sebagai sebuah golongan yang tidak ada daya saingnya, yang tidak ada jati dirinya langsung, yang tidak tahu dan tidak mengenal budaya dan negaranya.

Dalam al-Quran ada memperingatkan kita bahawa sebuah negara itu kalau belianya, kalau anak-anak mudanya terdiri dari anak-anak muda yang tidak ada ilmu, yang tidak ada jati diri, tidak ada berjiwa tinggi dalam dirinya, maka negara itu akhirnya akan menuju kehancuran pada masa akan datang.

Justeru itu pada saya, sudah tiba masanya seperti yang saya katakan tadi, tidak ada yang terkecuali, sama ada di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang, sama ada ahli-ahli sukan, pemimpin-pemimpin sukan, wakil-wakil rakyat dan sebagainya kita semua menggembeleng tenaga untuk memberi satu pasukan yang terbaik ke arah memastikan bahawa di pasar-pasar raya tidak ada lagi belia-belia lepak, 16 tahun, 15 tahun, berpimpin tangan lelaki dengan perempuan, apa punya budaya ini, ini belia bukan ada kemajuan nampaknya, ini belia menuju kehancuran namanya.

Justeru itu, kita buat *enforcement*, di pusat-pusat beli belah, kalau ada nampaknya yang disyaki tahan mereka, tangkap mereka untuk memastikan bahawa mereka berada di landasan yang benar, kerana percayalah kalau selalu berada di landasan yang salah akan digilis oleh kereta api. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, pada saya, saya amat berharap sangat kepada kementerian dan kerajaan agar benar-benar memberi peruntukan yang sebanyak mungkin ke arah pembangunan belia ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tampin.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ha, silakan, ini pun pemimpin belia juga.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Pengerusi, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat berkobar-kobar berkenaan belia, saya hendak bertanya Yang Berhormat ini, belia ini didefinisikan selalunya daripada umur berapa? 15 tahun, 18 tahun hingga 40 tahun, apakah golongan belia itu apabila terjebak dalam mana-mana gejala yang tidak sihat itu bermula daripada umur mereka 18 tahun, bagaimana pula di peringkat awalnya kerana adalah amat penting untuk membentuk sesuatu generasi muda itu, peringkat awalnya, asasnya iaitu di peringkat di sekolah rendahnya dibentuk, dididik supaya mereka ini menjadi manusia yang berguna, jadi kalau boleh Yang Berhormat memberi pandangan sama ada kurikulum sama ada, pelajaran, pendidikan yang dilakukan oleh negara ini sesuai dengan yang ada pada hari ini untuk membentuk generasi belia yang lebih bermakna dan berjaya di masa akan datang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin, pepatah Melayu ada menyatakan, melentur buluh biar dari rebungunya. Justeru itu pada saya, saya dan rakan-rakan selalu menyatakan kepada kerajaan, kalau ada sistem, kalau ada peraturan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu, yang boleh menyekat perkembangan kita ke arah satu kebaikan, kita ubah sahaja sistem ini, kita ada Parlimen bawa dalam Parlimen untuk meminda akta-akta yang sudah lapuk, akta-akta yang sudah tidak boleh diguna pakai, mungkin boleh menyekat kemampuan kita untuk menjadikan sebuah negara Malaysia yang boleh menepati mengikut keadaan dan masa.

Saya dari peringkat awal telah menyatakan kerajaan harus membuat perancangan jangka panjang daripada bawah sampai atas, untuk memastikan bahawa remaja-remaja ini telah dikenal pasti kalau boleh daripada lahir sendiri, kita sudah kenal pasti, berapa belia kita yang ada pada hari ini dan berapa pula belia yang kita kenal pasti sepuluh tahun selepas dia lahir, kita kena *identified* satu persatu, kita kena ambil tindakan satu demi satu,

untuk memastikan bahawa program jangka panjang ini, insyaAllah saya percaya, kalau dapat kita laksanakan, negara ini satu hari nanti akan dipenuhi oleh mereka yang bijaksana, oleh mereka yang tahu menghormati dan berterima kasih kepada orang yang memberi dan tahu membawa arus pembangunan negara ini kepada satu tahap yang boleh dibanggakan.

Kalau belia-belia kita ini dipupuk daripada awal bukan sahaja dari bidang akhlak bahkan dari segi sukan, saya percaya kalau ini dapat kita laksanakan, mereka juga akan lebih berjaya dalam bidang kesukanan dan pendidikan dan sebagainya.

Dan sebelum berakhir, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah berjaya membawa nama negara dalam Sukan SEA baru-baru ini. Juga saya ingin merakamkan terima kasih di atas program pembangunan belia iaitu masa akan datang akan perwujudan lebih kurang 2,000 persatuan belia, saya harap perkara ini bukan hanya dapat dibentangkan, bahkan akan dapat dilaksanakan dan dibuat tindakan susulan ataupun *follow-up action* yang lebih mendalam ke arah mencapai matlamat ke arah pembangunan belia yang lebih mampan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jeli.

#### 5.10 ptg.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Sebelum itu, izinkan saya untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak kepada teman-teman yang beragama Islam.

Tuan Pengerusi, menyentuh soal Kementerian Belia dan Sukan, ingin saya menyentuh kepada Perkara 020200 - Pembangunan Sukan. Sebelum saya menjuruskan kepada Kementerian Belia dan Sukan, ingin saya memberi pandangan betapa perlunya kepada Kementerian Belia dan Sukan bergabung dengan Kementerian Pendidikan dalam banyak hal untuk membentuk generasi masa depan. Sebab itu, di dalam buku ini menyatakan bahawa fokus ataupun yang ditakrifkan '*belia*' di dalam buku ini menyatakan bahawa berumur di antara 15 hingga 40 tahun.

Jadi, saya mencadangkan supaya umur 15 tahun itu diturunkan kepada 13 tahun iaitu bagi mereka yang mula menuntut di sekolah menengah supaya satu program bersepadu dapat dijalankan di antara Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Belia dan Sukan kerana lebih senang dari segi struktur dan lebih senang dari sudut organisasi pentadbiran dan juga organisasi menyusun apa-apa jua program, sekiranya dimulakan umur daripada 13 tahun iaitu bila mana anak-anak mula-mula menduduki sekolah menengah kerana di situlah selalunya berlaku masalah yang selalu disebut dengan izin *juvenile delinquency*.

Jadi sekiranya kalau kedua-dua kementerian dapat bergabung dan bersama untuk memantau belia daripada peringkat umur 13 tahun lagi dengan mengubah takrif belia daripada 15 tahun ke 13 tahun, maka saya fikir insyaAllah, keberkesanan daripada rancangan dan juga program kerajaan dapat kita capai dengan baik tetapi, satu hal yang kita harus sedar sekarang ini, bila mana kita lihat kalau dahulunya, tiap-tiap sekolah mempunyai padang, padang bola campur dengan padang hoki, padang bola bersama-sama dengan padang-padang yang lain. Tetapi, akhir-akhir ini kerana keghairahan kerajaan membuat pembangunan terutama dari sudut Kementerian Pendidikan, bila mana kita lihat banyak sekolah yang padang bola pun sudah dikorbankan untuk mendirikan bangunan-bangunan. Cuba kita bayangkan.

Kalau dahulu penduduk satu sekolah, penduduk dalam satu pagar sekolah mungkin berjumlah 1,000 orang. Bila mana dibina bangunan dua blok, tiga atau empat tingkat, maka sudah tentu penduduk bagi satu pagar sekolah itu sudah bertambah. Penambahan ini bukan hanya sekadar mengorbankan kapasiti kawasan lapang, di mana kita perhatikan bahawa kawasan lapang per orang sudah berkurang secara mendadak. Sedangkan kawasan lapang ini cukup perlu kepada kegiatan-kegiatan sukan dan kegiatan-



kegiatan riadah. Cuba bayangkan di mana anak-anak ini selepas daripada ini akan bermain? Bola sepak sudah tentu, negara kita sekarang menghadapi suasana yang cukup muram di dalam bola sepak yang *rating* di peringkat FIFA sudah semakin tahun semakin menurun. Jadi sekiranya.....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya ucapkan tahniah kepada pasukan Terengganu yang menang baru-baru ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Cuba kita bayangkan, maknanya bola sepak sudah tidak boleh ditonjolkan satu permainan *premier* dengan izin, di kalangan anak-anak dan belia-belie kita kerana kita ingat banyak negara yang popular bola sepaknya dengan sendirinya ia telah memberikan satu saluran *tourism* kepada negara tersebut. Bila mana mana-mana negara hebat di dalam segi bola sepaknya, maknanya dengan sendiri negara tersebut dikenali ramai. Banyak kita lihat umpamanya, negara Argentina dan Brazil. Dari sudut ekonomi, mereka bukan sebuah negara yang kuat dari sudut ekonomi tetapi kerana kehebatan mereka dalam bidang bola sepak sehingga menyebabkan negara tersebut mendapat kunjungan pelancong yang begitu ramai.

Sebab itu, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan, oleh kerana Setiausaha Parlimen sudah berjalan masuk... *[Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan berjalan masuk ke Dewan dan mengangkat tangan ke arah Yang Berhormat bagi Jeli]* Hendaklah bersama-sama dengan pihak Kementerian Pendidikan mengkaji supaya lain kali jangan lagi dibuat di sekolah-sekolah yang lain. Sekolah-sekolah yang sudah menjadi korban, apakan daya dan Kementerian Belia dan Sukan harus melihat ekoran daripada banyak kawasan lapang sekolah yang sudah diganti dengan bangunan-bangunan, bagaimana perancangan Kementerian Belia dan Sukan ini untuk adik-adik sekolah ini, belia-belie sekolah ini untuk menggunakan ruang, waktu, kawasan dan tempat untuk bersukan.

Saya fikir, umpamanya kita ambil contoh di Kuala Lumpur ataupun di Selangor, kalaulah dibayangkan sekolah-sekolah ini, tempat-tempat lapang sudah dibangunkan bangunan, di mana anak-anak ini, belia-belie ini akan pergi bermain? Sudah tentu di kawasan-kawasan lapang perumahan dan dengan keadaan yang begitu terdesak, dari segi kawasan lapang di seluruh bandar raya, maka boleh menyebabkan ruang dan waktu untuk anak-anak ini, untuk belia-belie ini bersukan semakin kurang dan semakin kurang. Sebab itu, saya perhatikan bahawa perancangan bukan hanya melibatkan Kementerian Belia dan Sukan sahaja tetapi ia mesti bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan bersama.

Tuan Pengerusi, mengenai Perkara 00614 - Pusat Latihan Dataran Tinggi Lojing, Kelantan. Peruntukan asal ialah RM29 juta dan bagi tahun 1996 hingga 2000 telah digunakan RM1.5 juta yang saya fikir kegunaan ini ialah untuk membayar kos-kos penyediaan lukisan, reka bentuk dan sebagainya. Saya hanya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah memberikan satu tapak yang cukup indah dan cukup cantik terutama dari sudut topografi dan lokasi. Tapak ini juga berhadapan dengan Lebuhraya Gua Musang-Simpang Pulai, Perak. Jadi, saya ingin mendapat makluman daripada pihak kementerian, bilakah agaknya premium tanah akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah mengorbankan satu tapak yang cukup baik, iaitu yang bersebelah dengan Lebuhraya Gua Musang-Simpang Pulai, Perak.

Saya bangkitkan hal ini kerana semenjak 1999 lagi, peruntukannya sudah dicatatkan dalam Buku Belanjawan iaitu, Pusat Latihan Tanah Tinggi Lojing ini, semenjak 1999, sudah ada dalam Buku Belanjawan. Tetapi, sehingga ke hari ini, masih belum ada apa-apa pembangunan fizikal yang dibangunkan dan dibina di sana...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana Yang Berhormat bagi Jeli memberi jalan kepada saya, sebab dia sebut nama saya tadi, jadi saya kena tanya dialah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang kita berada di Kementerian Belia dan Sukan. *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, belum lagi. Saya hendak tanya dia, sebab tadi dia sebut berkenaan dengan premium tanah itu, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jeli. Adakah Kerajaan Negeri Kelantan menghadapi krisis kewangan sekarang. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Orang kampung, bukan kementerian, bukan kerajaan. Orang kampung kita minta bayar dalam masa enam bulan, tiga bulan dia sudah bayar kerana tanah, semua orang sangat suka kepada tanah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat bagi Jeli, bolehkah saya bertanya. Apakah Kelantan tidak cukup duit sekarang kerana duit untuk orang miskin dicuri seperti yang dibuat laporan polis oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar dan kecurian ini makin hebat sekarang didedahkan dalam akhbar. Ini, yang Kelantan miskin kerana duit ada, tetapi dicuri oleh pemimpin-pemimpin UMNO. *[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Walaupun Kerajaan Negeri Kelantan belum lagi mendapat peruntukan bagi tahun 2001 sebanyak RM107 juta, hanya RM17 juta baru diberikan untuk Kerajaan Kelantan untuk tahun 2001, walhal Kerajaan Kelantan sepatutnya sudah menerima RM127 juta...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, saya teruskan. Maknanya, tanah tinggi ini, Kerajaan Pusat sepatutnya membayarlah dengan cepat kerana ramai pemaju yang berebut-rebut untuk membangunkan Dataran Tinggi Lojing kerana sekarang ini Cameron Highlands sudah tidak boleh dibangunkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Spesifik, satu sahaja. *[Ketawa]*. Jadi, sepatutnya kerajaan segerakan pembinaan. Kita minta kerajaan segerakan pembinaan bangunan ini supaya pada masa yang sama, lebuhraya sekarang sedang dibina dan bangunan tersebut juga sedang dibina, agar pada dua tahun lagi atau tiga tahun lagi, kedua-duanya siap serentak. Kita bimbang lebuhraya siap, baru bangunan ini hendak dibina. Jadi, mungkin memakan masa tiga tahun lagi kerana kita kena fikir bahawa kalau atlet ini dihantar ke Dataran Lojing, kerajaan dapat menjimatkan penghantaran atlet-atlet ke luar negara untuk *training* di tanah-tanah tinggi dan juga di kawasan-kawasan sejuk. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Aman.

**5.20 ptg.**

**Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pada mulanya menyentuh perkara Butiran 040500 - Pembangunan Atlet Sukan Ekstrem. Saya ..., bila saya tengok ini saya rasa takut oleh kerana saya tidak tahu dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memperincikan apa yang beliau nak buat dalam sukan ekstrem itu. Apakah sukan itu dan adakah sukan seperti *skate board*, mendaki gunung ataupun berlumba dengan motosikal ataupun payung terjun dan adakah ini mengikut selera kita di Malaysia ini.

Yang saya takut, kita terikut-ikut apa yang dibuat di negara-negara yang lain dan adakah sukan itu nanti selamat dan adakah ia berbahaya. Oleh kerana kita nampak seorang dua daripada anak-anak kita suka bermain *skate board* di Jalan Putra, kita hendak bagi mereka *skate board* dan minta mereka terjun dari sini, dari sana, bangunan ini, bangunan itu. Ini saya rasa perlu dikaji dengan secara mendalam, dan kalaulah kita mesti

mengadakan sukan ekstrem ini saya minta ia berdasarkan budaya penduduk-penduduk di Malaysia. Ini bukanlah perkara yang baru.

Kita tengok dari segi tarian. Pada mulanya kita ada tiga jenis saja tarian iaitu dari kaum Cina, kaum Melayu dan kaum India. Apabila kita sudah tahu ada jenis tarian-tarian Orang Ulu, tarian Orang Iban dan sebagainya dan kita sekarang sudah ambil tarian itu sebagai tarian Malaysia. Begitu juga yang saya minta, apabila kita buat sukan ekstrem jangan terikut-ikut dan janganlah buat *rock climbing* dan saya rasa *rock climbing* ini, *wall climbing*, mendaki dinding, ini bukanlah budaya kita di Malaysia ini. [Disampuk] Ya, panjat dinding bukan daki dinding. Ya ada orang kacau Tuan Pengerusi.

Jadi yang seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 020500 iaitu tekanan kepada pembangunan ekonomi belia. Ini saya rasa adalah satu program yang begitu baik yang menunjukkan kementerian kita prihatin terhadap masa depan belia negara kita ini, tetapi saya ingin tahu apakah kejayaan yang telah di capai oleh kerana di kawasan saya, kawasan Sri Aman saya tak nampak orang yang telah mengikut pembangunan ekonomi belia ini.

Jadi, saya minta kementerian menyebarkan maklumat dan saya minta oleh kerana saya nampak ada peruntukan untuk melatih pegawai, ada peruntukan untuk perjalanan, saya minta kalaulah ada program seperti ini, rancangan seperti ini, sebarkan maklumat dengan seluas-luasnya supaya apa yang kita hendak dengar, dapat diikuti, dapat dinikmati oleh beliau di seluruh pelosok negara kita. Janganlah kita ambil orang yang berdekatan dengan kita, yang sekampung dengan kita, yang dekat dengan bandar kita sahaja, jadi orang yang di rumah panjang dan orang di pedalaman tidak tahu dan kayu ukuran yang kita guna hanya orang, jumlahnya saja tetapi masa depan belia kita di luar bandar masih gelap, mereka masih tidak tahu. Ini yang saya minta supaya program benar-benar dapat menyentuh masa depan belia-belia kita di luar bandar.

Beberapa tahun ini Tuan Pengerusi, kita menggalakkan belia-belia kita belajar tentang IT. Ini adalah satu langkah yang begitu baik yang patut diambil kira dan saya nampak belia ini juga didorong dan digalakkan berniaga. Ini selalu saya sebut, oleh kerana saya rasa ini sesuatu yang harus disebut apabila kita beri kemahiran kepada belia kita dan apabila kita memberi mereka satu harapan kita haruslah menggunakan kemahiran mereka dan mengisi harapan mereka.

Yang saya sebut ini, kalaulah ada perniagaan yang kecil, jabatan-jabatan kerajaan boleh buat, boleh bagi, saya haraplah Kementerian Belia dan Sukan ini minta dari jabatan ini, yang ada *business* sedikit, ada perniagaan sedikit supaya disalurkan kepada belia yang telah dilatih oleh mereka supaya beliau ini merasa apa yang mereka telah buat ada makna, mereka tidak hampa. Yang kita buat pada masa sekarang, kita hantar mereka ke institusi ini, institusi itu, mereka balik kampung dan masih juga menjadi petani, masih juga menoreh getah, masih juga menjadi nelayan.

Jadi inilah saya minta Kementerian Belia dan Sukan bekerja rapat supaya, kalaulah belia-belia kita ini ada kemahiran memasang komputer, apabila ada *business* dari Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri, kita minta supaya pemasangan ini dibuat oleh belia ini, komputer ini dijual kepada jabatan ini. Janganlah kita membiarkan mereka begitu saja.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Rakan Muda - Butiran 020400. Sampai hari ini Tuan Pengerusi, pekan saya yang dinamakan Sri Aman juga besar, jumlah penduduk agak besar, tapi saya tidak nampak Rakan Muda ada menyentuh kehidupan belia di Sri Aman ini. Adakah ia berjaya? Di manakah kejayaan Rakan Muda ini dan setakat ini apakah *penetration rate* iaitu penerapan di luar bandar. Yang saya nampak belia di kampung-kampung saya, masih main bola di depan rumah.

Jadi saya tak nampak, apakah sumbangan rancangan Rakan Muda ini di luar Bandar. Kalaulah saya ditanya, fikirkan satu aktiviti-aktiviti Rakan Muda di Sri Aman, satu pun saya tidak dapat jawab. Jadi bolehkah kita memikirkan semula strategi kita supaya ini juga dipanjangkan ke pedalaman. Mungkin..., adakah pegawai mencukupi, adakah pegawai kita cukup dilatih, supaya mereka nampak lebih jauh daripada *immediate surrounding*.

Sebagai penutup Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan rakan saya tadi. Untuk murid-murid sekolah saya minta buatlah perancangan mengikut rancangan tahunan sekolah dan juga jadual waktu sekolah. Oleh kerana apabila murid kita gagal, prestasi mereka tidak begitu baik, kita merungut, kita kata sekolah itu tidak baik, kita mengatakan pengetua tidak cekap, guru tidak rajin. Pada hal mereka ini diminta mengikut rancangan belia ini, rancangan belia itu, jadi mereka tidak ada masa untuk belajar dan apabila mereka mendapat pingat-pingat, ibu bapa gembira tetapi apabila mereka gagal dan tidak dapat diterima untuk melanjutkan pelajaran, ibu bapa mereka mengadu kepada sekolah. Tengok anak saya, banyak betul pingat tetapi pihak sekolah tidak mengira pingat yang telah didapati dan tidak dapat membantu. Saya selalu betul menerima aduan yang seperti ini, apabila saya bertugas sebagai pengetua sekolah menengah.

Jadi saya mintalah, apa jua rancangan, dengan izin, *must revolve around the school curriculum and the school time table*. Kalau tidak Tuan Pengerusi, rancangan dari kementerian untuk murid-murid sekolah tidak akan berjaya oleh kerana semua orang yang berumur 13 hingga 18 tahun, boleh dikatakan semua mereka duduk di bangku sekolah. Dengan itu saya menyokong rancangan-rancangan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Kita boleh sambung pada hari esok.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***